



BSN



**SATU
LEMBARAN
BAHARU**
A NEW CHAPTER

LAPORAN TAHUNAN
2015
ANNUAL REPORT



**HASIL
REVENUE**
RM1.89
(RM Bilion/Billion)



**JUMLAH ASET
TOTAL ASSETS**
RM31.55
(RM Bilion/Billion)



**KEUNTUNGAN
SELEPAS CUKAI
DAN ZAKAT**
**PROFIT AFTER
TAX AND ZAKAT**
RM110.63
(RM Juta/Million)



**DEPOSIT DARIPADA
PELANGGAN**
**DEPOSITS FROM
CUSTOMERS**
RM26.85
(RM Bilion/Billion)



**PENDAPATAN
BERSIH**
NET INCOME
RM1.13
(RM Bilion/Billion)



**JUMLAH PINJAMAN,
PENDAHULUAN
& PEMBIAYAAN**
**TOTAL LOAN,
ADVANCES
& FINANCING**
RM20.18
(RM Bilion/Billion)





02 Visi dan Misi
Vision and Mission

03 Nilai-Nilai Murni
Core Values

05 Piagam Pelanggan
Clients' Charter

06 Profil Korporat
Corporate Profile

08 Pencapaian
Milestones

34 Pengurusan
Management

40 Pencapaian Peranan
Pembangunan/Dimandatkan
Disclosure on Developmental/
Mandated Achievements

45 Tinjauan Strategik
Strategic Outlook

46 Laporan Aktiviti
Activity Report

KANDUNGAN

CONTENTS

10 Anugerah dan Pengiktirafan
Awards and Recognition

12 Struktur Korporat
Corporate Structure

13 Carta Organisasi
Organisation Chart

16 Kenyataan Pengerusi
Chairman's Statement

26 Lembaga Pengarah
Board of Directors

28 Profil Lembaga Pengarah
Board of Directors' Profile

58 Sorotan Media
Media Highlights

62 Pernyataan Tadbir Urus Korporat
Statement of Corporate Governance

73 Laporan Jawatankuasa Syariah
Shariah Committee Report

76 Penyata Kewangan
Financial Statements



VISION VISI

MISI MISSION

Tiada Rakyat Malaysia yang Ketinggalan

Di BSN, kami berhasrat untuk memberi semua warga Malaysia peluang untuk menikmati kehidupan yang lebih baik dengan memungkinan masa depan kewangan yang lebih baik melalui rangkaian yang meluas dan perkhidmatan yang pelbagai.

No Malaysian Left Behind

At BSN, we aim to provide every Malaysian the opportunity to enjoy a better life by enabling a better financial future through our extensive network and range of services.

Misi kami adalah membina perhubungan jangka panjang yang penuh bermakna dengan setiap pelanggan kami bagi memastikan mereka akan terus mendapat akses kepada kehidupan yang lebih baik dengan:

- Menyediakan saluran untuk menyimpan dan melabur bagi orang awam dengan menawarkan rangkaian perkhidmatan perbankan yang komprehensif.
- Menggalakkan dan menggembelng simpanan, terutamanya daripada para penyimpan-penyimpan kecil.
- Menanam tabiat berjimat cermat dan menyimpan.
- Menggunakan dana Bank untuk pelaburan, termasuk membiayai pembangunan ekonomi negara.

Our mission is to build lifelong and meaningful relationships with our customers to ensure they continue to access a better life by:

- Providing the means for savings and investments by the general public with a comprehensive range of banking services.
- Promoting and mobilising savings, particularly from small savers.
- Inculcating the habit of thrift and savings.
- Utilising the funds of the Bank for investment including financing of economic development of the nation.

NILAI-NILAI MURNI

CORE VALUES

Di BSN, cara kerja dan kelakuan/tindakan kami adalah berlandaskan Nilai-Nilai Murni:

At BSN, the way we work and behave are guided by our Core Values:

C



Komited Committed

Kami komited ke arah kecemerlangan dalam segala yang kami lakukan.

We are committed to excellence in all that we do.

A



Cerdas & Tangkas Agile

Kami peka dengan trend pasaran dan memanfaatkan peluang.

We anticipate market trends and leverage on opportunities.

R



Menghormati Respectful

Kami hargai kepelbagaian dan pendapat orang ramai serta berusaha untuk meletakkan diri di tempat mereka untuk lebih memahami kehendak mereka.

We value diversity among people, ideas and points of view and strive to put ourselves in their shoes to better understand their needs.

E



Beretika Ethical

Kami telus, jujur dan menjunjung nilai-nilai moral yang paling tinggi.

We are transparent, honest and uphold the highest moral values.



Logo BSN telah diberi nafas baharu untuk mencerminkan peranan dan fungsinya dalam suasana Malaysia hari ini. Di samping kekal dengan kemantapan dan kesaksamaan logo yang asal, logo tersebut melalui evolusi yang menampilkan ciri yang lebih mesra, lebih segar dan tampil kontemporari.

Logo yang direka khusus supaya tampak lebih bergaya dan progresif. Huruf BSN dikekalkan dalam huruf besar untuk melambangkan keteguhan dan kestabilan.

Simbol pokok duit atau lebih dikenali sebagai 'pohon pitis' melambangkan pertumbuhan dan kekayaan. Simbol 'pohon pitis' diadaptasi daripada versi logam timah dengan 13 keping syiling yang dikeluarkan oleh Sultan Muhammad IV dari Kelantan pada tahun 1903 ketika negeri itu masih menjadi sebahagian daripada jajahan Siam. Syiling atau 'pitis' yang bermaksud wang dalam dialek Kelantan merupakan salah satu matawang yang digunakan di Kelantan sehingga tahun 1920.

Simbol 'pohon pitis' dikekalkan tetapi diubah dengan grafik moden manakala bilangan syiling (coin) pada pohon tersebut ditambah dari 13 menjadi 14 syiling untuk mewakili kesemua negeri dan wilayah persekutuan di Malaysia. Ini menunjukkan bahawa BSN menawarkan perkhidmatan kewangan di setiap negeri dan wilayah dan semua rakyat di negara ini mempunyai akses mudah kepada perkhidmatan yang ditawarkan oleh Bank.

Warna logo juga diubah kepada warna 'Teal' dan putih bagi melambangkan kebolehpercayaan dan keutuhan.

The BSN logo has been revitalised to better reflect our role and function in today's Malaysia. While staying true to the original logo's strength and equity, it has evolved to feature a friendlier, more vibrant and contemporary look.

A customised logotype has been created to provide a more stylish and progressive flair to the logo. The letters 'BSN' have been retained in capital letters to signify solid strength and stability.

The money tree symbol, also known as 'pohon pitis', represents growth and wealth. The 'pohon pitis' symbol is an adaptation of the one made of tin metal bearing 13 coins issued by Sultan Muhammad IV of Kelantan in 1903 when it was still a tributary state of Siam. The coin or 'pitis' which in local Kelantanese dialect means money, was one of the denominations in circulation in Kelantan until 1920.

The 'pohon pitis' is retained but modified with a modern graphic treatment and the number of coins on the tree has been increased from 13 to 14 coins to represent all of Malaysia's states and federal territories. This shows that BSN serves every state and territory and everyone in the nation has easy access to the Bank's services.

The logo colours have also been changed to a fresh teal and white to symbolise trustworthiness and reliability.

**BSN komited
sepenuhnya dalam
menyediakan perkhidmatan
dan produk berkualiti tinggi
yang patut diterima oleh
setiap warga Malaysia.**

Piagam kami adalah:

Pelanggan adalah keutamaan kami.

Menyediakan perkhidmatan
yang memuaskan pelanggan kami
dan sentiasa meyakinkan bank kami.

Sentiasa konsisten dalam
memberikan Produk dan
Perkhidmatan berkualiti tinggi.

Maklumat yang diberikan
adalah jelas dan lengkap.

Menyediakan persekitaran perbankan
yang selesa dan selamat.

**BSN is totally committed
to providing you the
high quality service
and products that every
Malaysian deserves.**

Our charter decrees:

Customers are our main priority.

We will provide services that satisfy
our customers and continuously instill
confidence in our bank.

We will consistently deliver Products
and Services of high quality.

We will deliver information that
is clear and sufficient.



We will provide a safe and comfortable
banking environment.

CLIENTS' CHARTER
PIAGAM
PELANGGAN



PROFIL KORPORAT

CORPORATE PROFILE



Bank Simpanan Nasional (BSN) merupakan salah sebuah institusi kewangan terulung negara dengan lebih 7,000 kakitangan merentasi 401 cawangan di seluruh negara, yang menawarkan perkhidmatan kepada lebih 9.1 juta rakyat Malaysia dengan deposit runcit berjumlah RM13.6 bilion. Terkini, BSN mempunyai 870 mesin teller automatik, 388 mesin deposit tunai dan 6,238 ejen bank BSN (EB BSN) di seluruh negara (setakat Disember 2015).

Sejarah penubuhan kami bermula pada lewat abad ke-19 apabila perkhidmatan Bank Simpanan mula dibuka di Perak dan Selangor. Bank-bank ini kemudian menjadi sebahagian daripada rangkaian Bank Simpanan Pejabat Pos negara yang seterusnya berkembang dengan 2.5 juta pendeposit menjelang tahun 1974 dan aset terkumpul berjumlah lebih RM537 juta.

Bank Simpanan Nasional (BSN) is one of the nation's leading financial institutions with over 7,000 employees across 401 branches nationwide, serving over 9.1 million Malaysians with retail deposits amounting to RM13.6 billion. Currently, BSN has 870 automated teller machines, 388 cash deposit machines and 6,238 BSN banking agents (EB BSN) across the country (as at December 2015).

Our roots date back to the late 19th century when the first Savings Bank service opened in Perak and Selangor. These banks soon became part of the country's Post Office Savings Bank network which grew to serve over 2.5 million depositors by 1974, with accumulated assets worth over RM537 million.

* setakat Disember 2015 as at December 2015



Bank Simpanan Nasional merupakan suatu cara baharu dalam usaha kami untuk menanam tabiat berjimat cermat supaya rakyat akan lebih digalakkan untuk menyimpan wang mereka. Ia akan mengekalkan standard tinggi Bank Simpanan Pejabat Pos dan pada masa yang sama membawa beberapa perubahan mengikut aliran masa kini. Saya harap dengan pelancaran Bank Simpanan Nasional hari ini, ia akan membangun sebagai sebuah institusi simpanan utama dan akan mengembangkan kempen menyimpan kerajaan, satu langkah mengawal inflasi dan mempercepatkan proses pembangunan negara.

Oleh itu, Bank Simpanan Nasional mempunyai peranan penting dalam kehidupan rakyat dan Pembangunan Negara.

Bank Simpanan Nasional represents a new way in our efforts to instill thrift so that the people will be encouraged to save their money. It will maintain the high standards of the Post Office Savings Bank and at the same time bring several changes in keeping with present time.

I hope that with the launching of Bank Simpanan Nasional today, it will develop as a major saving institution and will expand the savings campaign of the government, an anti-inflationary move and quicken the pace of national development.

Therefore Bank Simpanan Nasional has an important role in the lives of the people and National Development.

YAB Tun Haji Abdul Razak Bin Hussein



Akta Bank Simpanan Nasional (Akta BSN) diperkenalkan pada 1974 bagi membolehkan peralihan kuasa pengurusan daripada Jabatan Perkhidmatan Pos kepada sebuah Lembaga Pengarah Bank yang membawa kepada penubuhan rasmi BSN pada 1 Disember 1974. BSN dilancarkan secara rasmi pada 5 Disember oleh YAB Tun Haji Abdul Razak Bin Hussein, Perdana Menteri Malaysia yang kedua.

Matlamat berterusan BSN adalah untuk menggalakkan amalan menyimpan dan melabur di kalangan semua lapisan rakyat Malaysia, ke arah mempertingkatkan kesejahteraan ekonomi rakyat. Pada hari ini, kami meneruskan usaha tersebut dengan menawarkan lebih banyak produk, perkhidmatan dan kemudahan tersedia – sambil memastikan akses mudah terutama untuk masyarakat luar bandar dan pedalaman.

Langkah penjenamaan semula secara menyeluruh yang dilaksanakan pada 2015 merupakan satu pembaharuan yang tepat pada waktunya selepas BSN menyambut ulangtahun ke-40. Transformasi imej yang lebih segar, moden dan mesra pelanggan dalam merealisasikan janji jenama BSN iaitu “Menggapai Kehidupan yang Lebih Baik”. Penjenamaan semula merangkumi transformasi dari aspek fizikal dan falsafah, selain penambahbaikan dalam kualiti operasi dan perkhidmatan. Ini termasuk pengenalan Mesin Juruwang Maya (VTM) yang pertama di Malaysia pada Disember 2015, iaitu satu teknologi baharu di mana para pelanggan di cawangan yang sibuk boleh dilayani oleh juruwang bank dari cawangan yang kurang sibuk. Langkah ini dapat mendorong produktiviti dan meningkatkan kepuasan pelanggan.

Jenama BSN yang diperbaharui ini mencerminkan matlamat BSN dalam menyediakan satu platform bersepadu bagi perkhidmatan dan infrastruktur kewangan dengan akses mudah untuk para pelanggan, dipandu oleh pengurusan kewangan yang berhemah yang telah terbukti sekian lama. Dengan langkah inovatif dalam penyediaan peluang sama rata bagi setiap rakyat Malaysia untuk menikmati kehidupan yang lebih baik, BSN terus meningkatkan kesejahteraan ekonomi rakyat Malaysia dengan memastikan bahawa “Tiada Rakyat Malaysia yang Ketinggalan”.

The Bank Simpanan Nasional Act (Akta BSN), was introduced in 1974 to enable the transfer of the management power from the Postal Services Department to a Board of Directors, which led to the official establishment of BSN on 1 December 1974. BSN was then officially launched on 5th December by YAB Tun Haji Abdul Razak Bin Hussein, the Second Prime Minister of Malaysia.

BSN's objective has always been to encourage the development of savings and investment among Malaysians from all walks of life, towards improving the economic welfare of all Malaysians. Today, we continue on our quest by offering even more products, services and ready facilities – ensuring easy access even for those living in rural or remote areas.

The holistic rebranding exercise in 2015 was a timely enhancement for BSN after 40 years; refreshing and transforming its image to a more modern and customer friendly bank that provides “A Better Life Within Your Reach”. The rebranding encompassed transformation of physical and philosophical aspects, as well as improvements in operations and service quality. This includes the introduction of Malaysia's first Virtual Teller Machines (VTM) in December 2015, pioneering a new advancement where customers at busy branches can be served by bank tellers from less busy branches. This drives productivity and increases customer satisfaction at the same time.

The refreshed BSN brand expresses BSN's aim to provide an easily accessible integrated platform of financial services and infrastructure for our customers, anchored in sound financial management that has withstood the test of time. By innovatively providing every Malaysian an equal opportunity to enjoy a better life, BSN continues to uplift the economic well-being of Malaysian, ensuring “No Malaysian is Left Behind”.

PENCAPAIAN

Pada hari ini, BSN

mempunyai lebih 7,000 kakitangan merentasi 401 cawangan dan 6,238 ejen bank di seluruh Malaysia. Bank mempunyai 9.1 juta pelanggan dan RM13.6 bilion deposit runcit.

Today BSN

has over 7,000 employees across 401 branches and 6,238 bank agents all over Malaysia. The Bank has 9.1 million customers and RM13.6 billion retail deposits.



2014

Meraikan ulang tahun ke-40 dengan tema "40 Tahun Perbankan Cemerlang". Disenaraikan dalam *Malaysia Book of Records* sebagai Rangkaian Ejen Perbankan Terbesar, dan memenangi Anugerah *Best Green Tech Practice* untuk Ejen Bank BSN (EB BSN).



2015

Melaksanakan penjenamaan semula dengan janji jenama baharu 'Menggapi Kehidupan Yang Lebih Baik'. Pelopor Mesin Juruwang Maya (VTM) yang pertama di Malaysia.

Underwent a rebranding exercise with its new brand promise 'A Better Life Within Your Reach'. Pioneered Malaysia's first Virtual Teller Machine (VTM).



1995

Secara rasmi berpindah ke Wisma BSN.

Officially moved into Wisma BSN.



2001

Kad Debit Matrix BSN dilancarkan dengan kerjasama Visa International.

In collaboration with Visa International, the BSN Matrix Debit Card was launched.

1994



Meraikan ulang tahun ke-20 dan melancarkan "Skim Perbankan Tanpa Faedah" (SPTF) bagi membantu Kerajaan memperluaskan khidmat Perbankan Islam.

Celebrated 20 years in service and launched the "Skim Perbankan Tanpa Faedah" (SPTF), to assist the Government in expanding Islamic Banking.

1996



Membuka Pusat Latihan di Bangi, Selangor dan menerima kumpulan pelatih pertama.


Opened its Training Centre in Bangi, Selangor with the acceptance of its first batch of trainees.



1987

Perkhidmatan GIRO dilancarkan di Lembah Klang.

GIRO service was launched in Klang Valley.



1986

Memperkenalkan pakaian seragam yang pertama iaitu dengan rekaan batik biru.

Introduced its first uniform in blue batik.

1990



Kad Kredit Visa GIRO BSN yang pertama dilancarkan. Akaun simpanan BSN GIRO Jumbo dilancarkan oleh Menteri Kewangan, Datuk Paduka Daim Zainuddin.

The first BSN GIRO Visa Credit Card was launched. Jumbo Giro BSN savings was launched by the Finance Minister, Datuk Paduka Daim Zainuddin.



Bank Simpanan Nasional (BSN) mula beroperasi selepas mengambilalih Bank Simpanan Pejabat Pos. Ia dipacu oleh iltizam Kerajaan Malaysia untuk mendorong rakyat Malaysia menabung.

Bank Simpanan Nasional (BSN) began operations after taking over the Post Office Savings Bank. It was seeded by the Malaysian Government's determination to encourage all Malaysians to save.



1974

BSN ditubuhkan secara rasmi pada 1 Disember 1974 dan dirasmikan pada 5 Disember oleh YAB Tun Haji Abdul Razak bin Hussein, Perdana Menteri Malaysia yang kedua.

BSN was officially established on 1 December 1974 and launched on 5 December by YAB Tun Haji Abdul Razak bin Hussein the Second Prime Minister of Malaysia.

1975



6.2 %
keuntungan bersih
net profits



135
unit mudah alih
mobile units



526
pejabat pos
post offices

Berkhidmat menerusi 526 pejabat pos dan 135 unit pos bergerak. Simpanan bersih meningkat 6.2 peratus atau \$32.5 juta.

MILESTONES

Celebrated its 40th anniversary themed "40 Years of Banking Excellence" and was listed in the Malaysia Book of Records for the Largest Network of Banking Agents and winning the Best GreenTech Practice Award for BSN Banking Agents (EB BSN).



2012

Melancarkan perkhidmatan Ejen Bank BSN (EB BSN).

Launched the BSN Banking Agents (EB BSN) service.

2013

Memenangi *Contact Centre Industry Award 2013 – Best In-House Outbound Contact Centre* di Malaysia.

Won the Contact Centre Industry Award 2013 – Best In-House Outbound Contact Centre in Malaysia.

2010



Melancarkan sistem penerimaan cek e-Spik dan memperkenalkan Perbankan Internet myBSN.

Launched the e-Spik cheque clearing system and introduced myBSN Internet Banking Services.

Prudential PLC dan BSN melancarkan usahasama takaful iaitu Prudential BSN Takaful Berhad (PBTB).

Prudential PLC and BSN launched a takaful joint venture called Prudential BSN Takaful Berhad (PBTB).



2006

Memperkenalkan khidmat Perbankan Internet dan memeterai perjanjian dengan Western Union Company untuk menawarkan perkhidmatan pindahan wang antarabangsa melalui cawangan-cawangan BSN.

Introduced Internet Banking and entered an agreement with Western Union Company to offer international money transfer services through BSN branches.

2008

2005

Melancarkan BSN Matrix-i dan menyertai rangkaian perkongsian ATM MEPS.

Launched BSN Matrix-i and joined the MEPS shared ATM Network.

2007



Logo baharu BSN dilancarkan berserta pakaian seragam baharu.

BSN's new logo was launched accompanied by a new uniform.

Melancarkan Skim Simpanan Tetap yang pertama.

Launched its first Fixed Deposit Scheme.



Mewujudkan Sistem Komputer Berpusat yang pertama di ibu pejabatnya.

Established its first Central Computer System at its headquarters.

1984

1980

1983



Memperkenalkan perkhidmatan Mesin Juruwang Automatik (ATM) yang pertama di Kuala Lumpur, Petaling Jaya dan Ipoh.

Introduced the first Automated Teller Machine (ATM) service at Kuala Lumpur, Petaling Jaya and Ipoh.

1978



Melancarkan skim simpanan ikoniknya yang diiringi hadiah dan ganjaran – Sijil Simpanan Premium (BSN SSP).

Launched its iconic savings plus prizes and rewards scheme – Premium Savings Certificate (BSN SSP).

Tiga unit bergerak ditambah bagi meluaskan rangkaianannya terutama di pekan-pekan kecil dan kawasan pedalaman; dan merangka pelan lima tahun untuk penubuhan cawangan BSN di Kuala Lumpur (Puduraya).

Added three new mobile units to its mobile fleet to provide a wider network, particularly in smaller towns and rural areas; and drafted a five-year plan to establish a BSN branch in Kuala Lumpur (Puduraya).

1976

1977

Diterima sebagai ahli *The International Savings Bank Institute (ISBI)* di Geneva dan melancarkan tabung simpanan berbentuk penyu bagi mendorong kanak-kanak menabung.

Accepted as a member of The International Savings Banks Institute (ISBI) in Geneva and released a specially commissioned turtle savings bank to encourage smart savings among children.



32.5
juta
million

Served depositors through 526 post offices, and 135 postal mobile units. Net deposits rose by 6.2 percent or \$32.5 million.

ANUGERAH DAN AWARDS AND RECOGNITION

2015

The BrandLaureate Special Edition World Awards 2015
bagi 'Brand Excellence in Banking'

Marketing Excellence Awards (MEA 2015)

Kempen Kucing Happy

- Anugerah Emas bagi *Excellence in Content Marketing*
- Anugerah Perak bagi *Excellence in Social Media*
- Anugerah Perak bagi *Excellence in Digital Marketing*

Kempen Pengacau Raya

- Anugerah Perak bagi *Excellence in TV/Video Advertising*
- Anugerah Gangsa bagi *Excellence in Content Marketing*

Effie Awards Malaysia 2015

Kempen Kucing Happy

- Anugerah Gangsa bagi *Financial Services Category*

Kempen Pengacau Raya

- Anugerah Gangsa bagi *Small Budget Category*

Kancil Awards 2015

- *Advertiser of the Year 2015*
- *Golden Kancil 2015*
- *Kancil for Good 2015*

• EMAS

Kempen Kucing Happy

- *Cyber [Use of Social Media]*
- *Direct [Use of Digital & Social]*
- *Entertainment & Branded Content [Digital]*

Kempen Sama-Sama

- *Entertainment & Branded Content [Music]*

• PERAK

Kempen Kucing Happy

- *Cyber [Cyber Campaign]*
- *Promo & Activation [Use of Digital & Social]*
- *Entertainment & Branded Content [Campaign]*

• GANGSA

Kempen Sama-Sama

- *Cyber [Use of Social Media]*
- *Cyber [Cyber Campaign]*
- *Entertainment & Branded Content [Digital]*
- *Entertainment & Branded Content [Campaign]*

Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan

– Kementerian Sumber Manusia

- Anugerah Cemerlang Keselamatan dan Kesihatan Pekerja Kebangsaan 2015
 - Kategori Anugerah Kewangan, Insurans dan Harta Tanah
- Anugerah Cemerlang Keselamatan Peringkat Negeri Perlis
 - Kategori Anugerah Kewangan, Insurans dan Harta Tanah

Customer Experience in Financial Services Asia Awards 2015, Singapore

- *Best Customer Experience – Branch*
- *Best Technology Implementation – Back office*



PENGIKTIRAFAN

2015

The BrandLaureate Special Edition World Awards 2015 for 'Brand Excellence in Banking'

Marketing Excellence Awards (MEA 2015)

- Kucing Happy campaign**
- Gold Award for Excellence in Content Marketing
 - Silver Award for Excellence in Social Media
 - Silver Award for Excellence in Digital Marketing
- Pengacau Raya campaign**
- Silver Award for Excellence in TV/Video Advertising
 - Bronze Award for Excellence in Content Marketing

Effie Awards Malaysia 2015

- Kucing Happy campaign**
- Bronze Award in the Financial Services Category
- Pengacau Raya campaign**
- Bronze Award in the Small Budget Category

Kancil Awards 2015

- Advertiser of the Year 2015
- Golden Kancil 2015
- Kancil for Good 2015

• GOLD

- Kucing Happy**
- Cyber [Use of Social Media]
 - Direct [Use of Digital & Social]
 - Entertainment & Branded Content [Digital]

- Sama-Sama**
- Entertainment & Branded Content [Music]

• SILVER

- Kucing Happy**
- Cyber [Cyber Campaign]
 - Promo & Activation [Use of Digital & Social]
 - Entertainment & Branded Content [Campaign]

• BRONZE

- Sama-Sama**
- Cyber [Use of Social Media]
 - Cyber [Cyber Campaign]
 - Entertainment & Branded Content [Digital]
 - Entertainment & Branded Content [Campaign]

Department of Occupational Safety and Health – Ministry of Human Resources

- National Occupational Safety and Health Award 2015
 - Finance, Insurance and Property Category
- Safety Excellence Award Perlis State
 - Finance, Insurance and Property Category


Customer Experience in Financial Services Asia Awards 2015, Singapore

- Best Customer Experience – Branch
- Best Technology Implementation – Back office



STRUKTUR KORPORAT

CORPORATE STRUCTURE




Pegangan BSN Di Dalam Anak Syarikat/Syarikat Bersekutu pada Disember 2015

BSN's holdings in Subsidiary/Associate Companies as at December 2015

CARTA ORGANISASI

ORGANISATION CHART







TIADA RAKYAT MALAYSIA YANG KETINGGALAN

Sejajar dengan komitmen yang diperbaharui bagi memenuhi keperluan terkini, BSN terus menyediakan perkhidmatan yang mudah dicapai oleh rakyat Malaysia tanpa mengambilkira faktor usia, bangsa, jantina, status dan lokasi. Ini memberi peluang sama rata untuk semua rakyat Malaysia mengakses khidmat perbankan moden dan mencipta masa hadapan kewangan yang lebih cerah bagi mereka yang tinggal di pedalaman mahupun bagi mereka yang masih muda. Menerusi '*BSN Smart Junior*' (BSJ) dan Skim Galakan Simpanan Pelajar (SGSP), BSN berjaya mendorong amalan menyimpan dalam kalangan murid-murid sekolah di Malaysia.

NO MALAYSIAN LEFT BEHIND

In line with its renewed commitment to meet modern needs, BSN continues to place its services within easy reach of all Malaysians regardless of their age, race, gender, status and location. This provides an equal opportunity for all Malaysians to access modern banking services and pursue a more promising financial future, no matter how remote their homes are or how young they are. Through '*BSN Smart Junior*' (BSJ) and *Skim Galakan Simpanan Pelajar* (SGSP) BSN has successfully mobilised greater savings among Malaysian schoolchildren.

KENYATAAN PENGGERUSI

CHAIRMAN'S STATEMENT

HASIL REVENUE

RM1.89
billion billion

Pertumbuhan ekonomi global pada tahun 2015 telah berkembang pada kadar yang sederhana disebabkan oleh ketidakpastian ekonomi dunia.

Global economic growth in 2015 was moderate due to global economic uncertainties.

PENDAPATAN BERSIH NET INCOME

RM1.13
billion billion

Sepanjang tahun 2015, ekonomi Malaysia telah mencatatkan pertumbuhan yang agak stabil sebanyak 5% yang dipacu oleh pertumbuhan permintaan dalam negeri yang mampan terutamanya dari sektor swasta.

Throughout 2015, the Malaysian economy recorded relatively stable growth of 5%, driven by growth in domestic demand sustained mainly from the private sector.



A portrait of a middle-aged man with short, graying hair and a goatee, wearing glasses, a dark suit, a white shirt, and a green patterned tie. He is standing with his hands clasped in front of him. The background is a bright, out-of-focus interior space with white columns.

**Bagi pihak Lembaga Pengarah,
saya dengan sukacitanya
membentangkan Laporan
Tahunan dan Penyata
Kewangan Bank Simpanan
Nasional (BSN atau Bank)
bagi tahun kewangan berakhir
31 Disember 2015.**

**On behalf of the Board of Directors,
I am pleased to present the Annual
Report and Financial Statements
of Bank Simpanan Nasional
(BSN or the Bank) for the year
ended 31 December 2015.**

KENYATAAN PENERUS CHAIRMAN'S STATEMENT

Tahun 2015 merupakan tahun yang penuh bermakna bagi BSN selepas menyambut ulangtahun ke-**'40 Tahun Perbankan Cemerlang'** pada tahun lepas. Kejayaan yang dicapai sepanjang empat dekad yang lalu telah membuktikan BSN terus kekal kukuh dalam lanskap institusi kewangan di Malaysia. Bermula sebagai Bank Simpanan Pejabat Pos pada 1888, BSN kini telah menjadi antara institusi kewangan utama di Malaysia yang terus menggalas tanggungjawab yang dimandatkan oleh Kerajaan dengan memberikan perkhidmatan perbankan kepada seluruh rakyat Malaysia terutamanya kepada komuniti yang terpinggir daripada mendapat perkhidmatan perbankan komersil. Di samping itu, BSN juga telah secara berterusan memperbaiki perkhidmatan dan memperkukuhkan kedudukan kewangannya untuk terus kekal berdaya saing.

2015 was a significant year for BSN, following the anniversary celebration of **'40 Years of Banking Excellence'** the previous year. BSN's success over the past four decades had proved its resilience and strength within the Malaysian financial institution landscape. From its early beginnings as the Post Office Savings Bank in 1888, BSN has evolved to become a major financial institution in Malaysia, steadfastly fulfilling its Government mandated responsibility to provide commercial banking services to all Malaysians, especially the marginalised communities. In addition, BSN has also continuously improved its services and strengthened its financial position to remain competitive.



Tahun 2015 juga menyaksikan satu lagi peristiwa bersejarah yang dilakukan oleh BSN dengan pelaksanaan penjenamaan semula BSN pada bulan Oktober 2015. Penjenamaan semula ini menzahirkan evolusi BSN selepas 40 tahun dengan membawa pembaharuan dan transformasi daripada segi imej serta memperkenalkan konsep perbankan yang lebih moden dan mesra pelanggan. Penjenamaan semula ini dilaksanakan secara holistik merangkumi perubahan dari aspek fizikal, falsafah serta penambahbaikan operasi dan mutu perkhidmatan BSN. Dengan visi **'Tiada Rakyat Malaysia Yang Ketinggalan'**, penjenamaan semula BSN telah menampilkan imej baru melalui pemilihan warna kontemporari iaitu warna **'Teal'** yang melambangkan kebolehpercayaan dan keutuhan di samping penambahan pohon pitis kepada 14 pitis yang mewakili 14 buah negeri. Selaras dengan penjenamaan semula, semua cawangan dan titik sentuhan pelanggan seperti laman web, rangkaian media sosial, iklan dan infrastruktur bank telah dinaiktaraf secara berperingkat bagi memastikan suasana perbankan yang lebih selesa dan terbaik kepada pelanggan Bank.

Demi meningkatkan tahap daya saing, penjenamaan semula BSN juga memberikan penekanan terhadap pembangunan modal insan, menaiktaraf infrastruktur seperti sistem teknologi dan operasi perbankannya. Kesemua perubahan ini adalah holistik dan penting bagi meneruskan kecemerlangan BSN pada masa hadapan dan merealisasikan impian BSN dalam membantu rakyat Malaysia mencapai kehidupan yang lebih baik.

The year 2015 also witnessed BSN creating another historic event with the implementation of a major rebranding exercise in October 2015. The rebranding reflects the evolution of BSN after 40 years; refreshing and transforming its image to emerge the concept of a more modern and customer friendly bank. The rebranding was done holistically, encompassing transformation of physical and philosophical aspects, as well as improvements in operations and service quality. Driven by the vision of **'No Malaysian Left Behind'**, the rebranding has emerged a new image through the use of the contemporary **'Teal'** colour to signify trustworthiness and reliability, and the addition of 'pohon pitis' to reach a total of 14 to represent 14 states. In line with the rebranding, all branches and customer touchpoints such as website, social media networks, advertising and bank infrastructure were upgraded in stages to ensure a more conducive and superior banking environment for the Bank's customers.

In order to increase its level of competitiveness, BSN's rebranding also emphasised the development of human capital, and upgraded core infrastructures, such as the technology system and banking operations. All of these changes were implemented holistically and are essential to BSN's future advancement and in realising BSN's aspiration to help Malaysians achieve better lives.



PERSPEKTIF EKONOMI 2015

Pertumbuhan ekonomi global pada tahun 2015 telah berkembang pada kadar yang sederhana disebabkan oleh ketidaktentuan ekonomi dunia seperti kejatuhan harga komoditi yang mendadak, kelembapan ekonomi berpengaruh seperti China yang menyebabkan kejatuhan permintaan barangan dan perkhidmatan serta kejatuhan matawang dunia yang telah meningkatkan kos pengeluaran terutamanya industri yang bergantung pada import.

Ekonomi Malaysia tidak terkecuali dalam menerima tempias dari pertumbuhan ekonomi global yang sederhana. Sepanjang tahun 2015, ekonomi Malaysia telah mencatatkan pertumbuhan yang agak stabil sebanyak 5% yang dipacu oleh pertumbuhan permintaan dalam negeri yang mampan terutamanya dari sektor swasta.

Walaupun bagaimanapun, persekitaran ekonomi negara terus mencabar pada 2015 dengan kenaikan kos sara hidup, kejatuhan matawang ringgit, peningkatan hutang isirumah dan peningkatan kadar pengangguran. Sektor perbankan menerima kesan secara langsung dengan pengurangan pinjaman serta peningkatan persaingan di dalam sektor perbankan yang telah menjejaskan kadar keberuntungan institusi perbankan.

PRESTASI KEWANGAN 2015

Walaupun berdepan dengan persekitaran operasi yang mencabar, prestasi kewangan BSN terus kukuh dengan keuntungan selepas cukai dan zakat sebanyak RM110.6 juta dijana oleh hasil sebanyak RM1.89 bilion iaitu peningkatan sebanyak 0.3% berbanding pencapaian pada tahun kewangan sebelumnya. BSN juga telah mencatatkan pendapatan bersih berjumlah RM1.13 bilion berbanding RM1.17 bilion pada tahun kewangan sebelumnya.

Jumlah Pinjaman bersih terus meningkat dengan pertumbuhan sebanyak RM1.86 bilion atau 10.2% kepada RM20.18 bilion, disokong oleh pertumbuhan 63.03% daripada Pinjaman Sewa Beli berjumlah RM183.2 juta. Ini diikuti dengan Kad Kredit sebanyak 16.3%, Pinjaman/Pembiayaan Perumahan sebanyak 24.0%, Mikro Kewangan sebanyak 11.5% dan Pinjaman/Pembiayaan Peribadi menurun sebanyak 1.2%. Jumlah deposit menurun sebanyak RM724.2 juta atau 2.6% pada tahun 2015 kepada RM27.6 bilion (2014: RM28.3 bilion) walaupun begitu penurunan ini telah diimbangi oleh peningkatan deposit dari institusi korporat sebanyak 8.3% kepada RM13.9 bilion.

ECONOMIC PERSPECTIVES IN 2015

Global economic growth in 2015 was moderate due to global economic uncertainties such as the sharp fall in commodity prices, the downturn of influential economies such as China that caused a drop in demand for goods and services, as well as plummeting of world currencies which increased production costs, especially for industries that depend on imports.

The Malaysian economy was not spared the spillover effects of tempered global economic growth. Throughout 2015, the Malaysian economy recorded relatively stable growth of 5%, driven by growth in domestic demand sustained mainly from the private sector.

However, the economic environment continued to be challenged in 2015 with the rising cost of living, the fall of the ringgit, an increase in household debt and rising unemployment. The banking sector was directly affected by the reduction in loans and increased competition that have affected the profitability of banking institutions.

FINANCIAL PERFORMANCE IN 2015

Despite the challenging operating environment, BSN continued to deliver a strong financial performance with profit after tax and zakat of RM110.6 million, generated by revenue of RM1.89 billion, an increase of 0.3% compared to the previous financial year. BSN also recorded a net income of RM1.13 billion compared with RM1.17 billion in the previous financial year.

Total loans continued to rise with growth of RM1.86 billion or 10.2% to RM20.18 billion, supported by growth of 63.03% in Hire Purchase Loans totalling RM183.2 million. This was followed by Credit Card 16.3%, Housing Loans/Financing 24.0%, Micro Financing 11.5% and Personal Loans/Financing which recorded a slight decline of 1.2%. Total deposits decreased to RM724.2 million or 2.6% in 2015 to RM27.6 billion (2014: RM28.3 billion), nevertheless, the decline was balanced with the increase in deposits from corporate institutions of 8.3% to RM13.9 billion.

PERBANKAN ISLAM

Bagi segmen Perbankan Islam, pendapatan operasi mencatatkan hasil sebanyak RM933.2 juta pada 2015 dan keuntungan selepas zakat dan cukai berjumlah RM79.5 juta. Pencapaian ini didorong oleh pertumbuhan kukuh yang berterusan dalam aktiviti pembiayaan dan pendahuluan yang meningkat sebanyak RM1.34 bilion atau 11.0%, yang mana telah menyumbang sejumlah RM850.3 juta atau 91.1% daripada hasil keseluruhan Operasi Perbankan Islam bagi tahun 2015. Pertumbuhan pembiayaan berasaskan Syariah dijangka akan terus mantap dipacu oleh kecenderungan permintaan pasaran. Peningkatan kos dana sebanyak RM77.7 juta atau 27.1% telah mengimbangi pencapaian pendapatan bagi tahun 2015 selari dengan peningkatan kos deposit sepanjang tahun pelaporan. Walaubagaimanapun, pendapatan dari aktiviti perbendaharaan dan lain-lain pendapatan mengalami penguncupan masing-masing sebanyak RM80.4 juta dan RM0.5 juta.

Kemampuan industri ini diperkukuh lagi oleh usaha berterusan Kerajaan dalam mengorak langkah menjadi antara penyedia perkhidmatan kewangan terpenting dan berdaya saing selaras dengan wawasannya untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat perkhidmatan kewangan Islam global. Menjelang 2020, Kerajaan mensasarkan aset perbankan Islam membentuk 40% daripada jumlah sistem perbankan melalui kepelbagaian produk pembiayaan Islam agar dapat meningkatkan keupayaan sektor ini untuk menyokong aktiviti ekonomi sebenar.

MEMANTAPKAN PERKHIDMATAN

Penjenamaan semula BSN mencerminkan kesungguhan, komitmen dan tekad BSN dalam menyediakan perkhidmatan yang terbaik dan mudah dinikmati oleh segenap lapisan masyarakat Malaysia. Di samping itu, BSN terus bertekad berkhidmat bagi masyarakat Malaysia terutamanya pelanggan di kawasan luar bandar dan pedalaman bagi mereka memperoleh peluang kewangan yang saksama dan seterusnya dapat menggapai kehidupan yang lebih baik.

Penjenamaan semula melibatkan penaiktarafan semua 401 cawangan BSN dan diberi nafas baru bagi memberi perkhidmatan yang lebih selesa kepada lebih sembilan juta pelanggan kami. Ini meliputi perubahan rekabentuk dan susun atur luaran dan dalaman serta penampilan perkhidmatan dan kakitangan yang lebih eksklusif. BSN juga telah menaiktaraf 31 cawangannya kepada cawangan perniagaan (*business branches*) yang menawarkan lebih banyak perkhidmatan termasuk pinjaman, pembiayaan dan khidmat nasihat. Semua inisiatif ini merupakan langkah strategik jangka panjang dalam meningkatkan mutu perkhidmatan kami bagi memberikan lebih pilihan dan keselesaan kepada pelanggan.

ISLAMIC BANKING

For the Islamic Banking segment, operating income recorded a revenue of RM933.2 million in 2015 and profit after zakat and taxation of RM79.5 million. This achievement was driven by continued strong growth in financing activities which increased by RM1.34 billion or 11.0%, accounting for a total of RM850.3 million or 91.1% of the total revenue of Islamic Banking Operations for the year 2015. The growth of Shariah-based financing is expected to continue, driven by strong market demand trends. The increase in cost of funds increased to RM77.7 million or 27.1% which offset revenue for the year 2015 in line with the increased cost of deposits during the year under review. However, income from treasury activities and other incomes experienced contractions of RM80.4 million and RM0.5 million respectively.

The sustainability of the industry was reinforced by the Government's continuous efforts to develop new growth areas in line with its vision to develop Malaysia as a global Islamic financial services hub. By 2020, the Government targets Islamic banking assets to make up 40% of the total banking system through further diversification of Islamic financing products in order to improve the sector's ability to support real economic activity.

STRENGTHENING SERVICES

BSN's rebranding reflects BSN's dedication, commitment and determination to provide the highest service standards that can be easily enjoyed by Malaysians of all walks of life. In addition, BSN continues to be committed to ensure that all Malaysians, especially customers in rural and remote areas, have equal accessibility to financial opportunities and thus can achieve a better standard of living.

Rebranding involves upgrading all 401 BSN branches and giving them a new lease of life to provide more convenient service offerings to over nine million customers. This includes changes to the design and layout as well as a more exclusive external and internal appearance of our services and our staff. BSN has also upgraded 31 branches to business branches which offer more services, including loans, financing and advisory services. All these initiatives are long-term strategic steps towards improving the quality of our services to provide more choice and convenience to customers.

“ BSN telah menjadi bank perintis dalam industri perbankan tempatan dengan menambah baik sistem kaunter manual sedia ada dengan pengenalan inisiatif baharu iaitu perkhidmatan Mesin Juruwang Maya ataupun “*Virtual Teller Machine (VTM)*”.

BSN has become a pioneering bank in the local banking industry by improving the existing manual counter system with the introduction of a new initiative, namely the Virtual Teller Machine (VTM).

”



Perkhidmatan BSN yang ditawarkan tidak terhad kepada cawangan perbankan yang terdapat di seluruh negara tetapi diperkukuhkan lagi melalui rangkaian Ejen Bank BSN (EB BSN) yang sehingga Disember 2015 berjumlah 6,238 di seluruh negara. EB BSN merupakan satu saluran alternatif yang praktikal di mana para pelanggan BSN boleh melakukan transaksi bila-bila masa dalam waktu perniagaan ejen seperti urusan simpanan, pengeluaran, pembayaran bil, tambah nilai prabayar telefon bimbit, simpanan Sijil Simpanan Premium (BSN SSP) dan pembukaan akaun. Sepanjang tahun 2015, sebanyak 30,748,647 transaksi dengan nilai RM1.98 bilion telah direkodkan oleh EB BSN di seluruh negara.

BSN telah menjadi bank perintis dalam industri perbankan tempatan dengan menambah baik sistem kaunter manual sedia ada dengan pengenalan inisiatif baharu iaitu perkhidmatan Mesin Juruwang Maya ataupun “*Virtual Teller Machine (VTM)*”. Melalui VTM, pelanggan di cawangan yang sibuk dapat berurusan melalui sidang video (*Telepresence*) bersama Ejen Teller Maya ataupun “*Virtual Teller Agent (VTA)*” dimana mereka dapat menikmati perkhidmatan transaksi kaunter seperti pembukaan akaun dan kad debit, deposit tunai, pembayaran bil dan pinjaman serta membuat simpanan BSN SSP. Transaksi kaunter tanpa batasan ini dapat memberi pengalaman perkhidmatan perbankan yang professional, selesa dan peribadi sekaligus menjimatkan masa.

BSN juga telah melancarkan Pusat Pembiayaan Automobil atau *Auto Finance Centre (AFC)* pada bulan Mac 2015 yang merupakan satu langkah strategik dalam memenuhi permintaan pasaran “Sewa Beli” dan memenuhi kehendak pelanggan yang inginkan perkhidmatan yang cepat dan efisien. AFC BSN komited untuk memberikan perkhidmatan terbaik, fokus dan efisien kepada seluruh rakyat Malaysia dan mensasarkan dapat menyumbang sehingga 10% dari keseluruhan pendapatan BSN dalam masa 3 tahun.

The services offered by BSN are not limited to banking branches located throughout the country but are further anchored through a network of BSN banking agents (EB BSN), which as of December 2015 amounted to 6,238 nationwide. EB BSN's network is a practical alternative channel through which BSN customers can make transactions at any time during the agent's business hours; such as deposits, withdrawals, bill payments, prepaid cell phones, Premium Savings Certificates (BSN SSP) savings and account opening. Throughout 2015, a total of 30,748,647 transactions worth RM1.98 billion were recorded by EB BSNs nationwide.

BSN has become a pioneering bank in the local banking industry by improving the existing manual counter system with the introduction of a new initiative, namely the Virtual Teller Machine (VTM). Through VTM, a customer at a busy branch can engage with a Virtual Teller Agent (VTA) via video conferencing (*Telepresence*) to enjoy service counter transactions such as opening accounts and debit cards, deposits, bill and loan payments and BSN SSP. This counter transaction without limitations provides banking services that are professional, comfortable, personalised and time saving.

BSN has also launched an Auto Finance Centre (AFC) in March 2015, which is a strategic move to cater to the hire purchase market demand and meet the needs of customers who want quick and efficient service. BSN AFC is committed to providing the best services, focus and efficiency to all Malaysians and aims to contribute up to 10% of BSN's total revenue within three years.

“ BSN juga secara berterusan menyokong inisiatif Kerajaan dan yang terbaru adalah pelaksanaan Skim Perumahan Belia di mana BSN adalah bank tunggal yang dilantik melaksanakan skim ini.

BSN also continuously supports Government initiatives with the most recent being the implementation of the Youth Housing Scheme where BSN is the sole bank appointed to implement this scheme.

”

BSN senantiasa menjalankan promosi dan pemasaran bagi menggalakkan simpanan terutamanya simpanan runcit di kalangan orang ramai. Produk utama simpanan seperti BSN SSP telah berjaya mengumpul jumlah simpanan sebanyak RM2.9 bilion dengan 2.3 juta penyimpan sehingga Disember 2015. Selain itu, BSN juga senantiasa berusaha meningkatkan simpanannya melalui akaun simpanan, simpanan tetap, Skim Galakan Simpanan Pelajar (SGSP) dan sebagainya. Ini adalah bagi membolehkan BSN terus melaksanakan mandat yang telah diberikan oleh Kerajaan dalam meningkatkan pertumbuhan simpanan rakyat Malaysia.

BSN juga secara berterusan menyokong inisiatif Kerajaan dan yang terbaru adalah pelaksanaan Skim Perumahan Belia di mana BSN adalah bank tunggal yang dilantik melaksanakan skim ini. Skim ini merupakan kemudahan pembiayaan perumahan bagi membantu pasangan belia yang berkahwin untuk memiliki rumah milikan pertama dengan gabungan pendapatan isi rumah tidak lebih daripada RM10,000. Sehingga 31 Disember 2015, BSN telah mengeluarkan pinjaman berjumlah RM20.5 juta kepada 112 peminjam di mana lebih banyak permohonan sedang dalam proses untuk kelulusan oleh BSN.

Selain itu, BSN juga terus melaksanakan program inisiatif Kerajaan lain seperti bayaran Bantuan Rakyat 1Malaysia, program Baucar Buku 1Malaysia, Skim Amanah Rakyat 1Malaysia (SARA 1 Malaysia), Skim Sewa Beli Pemilik Bas Sekolah Baru 1Malaysia dan Skim Khas Pembiayaan Rumah Pekerja Estet .

Inisiatif- inisiatif yang dilakukan oleh BSN adalah usaha berterusan untuk meningkatkan produk dan tahap perkhidmatan kepada rakyat Malaysia walaupun melibatkan kos pelaburan yang besar. Namun begitu, BSN komited dan percaya semua usaha yang dilaksanakan adalah untuk kepentingan pelbagai lapisan masyarakat bagi menggapai kehidupan yang lebih baik.

BSN continues to carry out promotions and marketing to encourage savings, particularly retail deposits among the public. Our core savings products such as BSN SSP, have managed to attract total savings of RM2.9 billion with 2.3 million depositors as of December 2015. In addition, BSN is also constantly trying to improve savings through savings accounts, fixed deposits, *Skim Galakan Simpanan Pelajar* (SGSP) and others. This is to enable BSN to continue fulfilling the mandate given by the Government to increase savings by the Malaysian populace.

BSN also continuously supports Government initiatives with the most recent being the implementation of the Youth Housing Scheme where BSN is the sole bank appointed to implement this scheme. This scheme is a financing facility to help married young couples to own their first home on a combined household income of not more than RM10,000. Up to 31 December 2015, BSN has disbursed loans amounting to RM20.5 million to 112 borrowers and more applications are being processed for approval by BSN.

In addition, BSN also continued to implement Government initiatives such as the Bantuan Rakyat 1Malaysia, 1Malaysia Book Voucher programme, Skim Amanah Rakyat 1Malaysia (SARA 1Malaysia), Hire Purchase Scheme 1Malaysia for New School Bus Owners and Special Scheme for Estate Workers Housing Financing.

The initiatives implemented by BSN reflect a continuous effort to raise product and service levels for Malaysians, even though it involves a substantial investment. However, BSN is committed and believes that all efforts made are for the benefit of all levels of society in achieving better lives.

“ SGSP mencatatkan jumlah simpanan melebihi RM581 juta iaitu peningkatan sebanyak 13% dari tahun sebelumnya.

SGSP recorded a total savings of more than RM581 million, an increase of 13% from the previous year.

”



MEREALISASIKAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL

Selain dari meningkatkan mutu perkhidmatan kepada pelanggan, BSN juga meneruskan program tanggungjawab sosial terutamanya kepada golongan yang memerlukan. Pada tahun 2015, BSN terus menjalin kerjasama dengan akhbar Harian Metro dalam program 'Titipan Kasih' dengan membantu anak-anak yatim, ibu tunggal dan keluarga miskin sempena bulan Ramadhan. Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah seperti acara gotong-royong dalam menyediakan juadah berbuka puasa, mengedarkan barang-barang keperluan hari raya serta membawa anak-anak yatim membeli belah bagi persiapan raya.

Bersempena dengan Ulang Tahun BSN ke 40, satu program kebajikan iaitu #BSN40Kebaikan telah diadakan bersama-sama stesen-stesen dibawah Astro Radio iaitu ERA FM, Sinar FM dan THR Gegar. Dengan slogan 'Semarakkan Semangat, Sebarkan Kebaikan', kempen ini bertujuan untuk menggalakkan semangat ukhwa di kalangan masyarakat Malaysia disamping menghulurkan bantuan kepada yang memerlukan. Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah sumbangan kepada rumah anak-anak yatim dan rumah orang-orang tua, penyampaian duit raya kepada kanak-kanak pesakit kanser, membersihkan masjid, memberi tiket bas dan keretapi secara percuma kepada pelajar-pelajar IPTA/IPTS serta pembelian kad isian semula.

Selain itu, Skwad Kasih BSN turut menjalankan misi bantuan kemanusiaan dalam membantu mangsa-mangsa banjir terutamanya di bahagian yang terjejas teruk akibat banjir pada awal tahun. Misi bantuan ini berjaya menghimpun sukarelawan BSN seramai 50 orang dalam membantu membersihkan surau dan rumah mangsa-mangsa banjir serta menempatkan Tabung Tanda Kasih di cawangan-cawangan BSN di seluruh Malaysia dalam membantu mangsa-mangsa yang terlibat.

Menerusi program 'BSN School Carnival' sebanyak 52 sekolah di seluruh negara telah terpilih untuk menyertai karnival ini dengan jumlah sumbangan keseluruhan sebanyak RM520,000 dimana setiap sekolah diberikan RM10,000 untuk menganjurkan karnival ini. Selain dapat menjalin kerjasama diantara Persatuan Ibu Bapa dan Guru serta Kementerian Pendidikan Malaysia, karnival ini juga dapat memupuk serta mendidik generasi muda mengenai kepentingan menyimpan serta berjimat cermat sejak dari usia muda. Para pelajar digalakkan untuk menyertai 'Kelab Penabung Muda (KPM)' dan 'Skim Galakan Simpanan Pelajar' (SGSP) yang merupakan dua produk simpanan bagi pelajar sekolah. Pada tahun 2015, SGSP mencatatkan jumlah simpanan melebihi RM581 juta iaitu peningkatan sebanyak 13% dari tahun sebelumnya. Penyertaan pelajar juga turut meningkat dari 800,000 pelajar kepada 961,000 pelajar dan penyertaan sekolah meningkat sehingga lebih 7,300 buah sekolah di seluruh negara.

FULFILLING SOCIAL RESPONSIBILITIES

Apart from improving the quality of our service to customers, BSN also pursues a social responsibility programme, especially for the needy. In 2015, BSN continued to collaborate with the Harian Metro newspaper in its 'Titipan Kasih' programme by helping orphans, single mothers and poor families during Ramadan. Among the activities carried out were a *gotong royong* event in providing meals to break fast, distributing essential Hari Raya items and bringing orphans shopping in preparation for the festivities.

In conjunction with BSN's 40th anniversary, a welfare programme titled #BSN40Kebaikan was held in collaboration with stations under Astro Radio, namely, ERA FM, Sinar FM and THR Gegar. With the slogan 'Semarakkan Semangat, Sebarkan Kebaikan', the campaign was aimed at promoting a spirit of fraternity among Malaysians in addition to helping those in need. Among the activities carried out were contributions to orphanages and old folks homes, presentation of duit raya to pediatric patients with cancer, cleaning of mosques, providing bus and train tickets free of charge and buying reload cards for students of universities/colleges.

In addition, BSN's *Skuad Kasih* has also launched a humanitarian mission to help flood victims, especially in the worst flood-affected areas earlier this year. This relief mission successfully mustered 50 BSN volunteers to in help clean affected suraus and homes of flood victims as well as place *Tabung Tanda Kasih* fund collection boxes at all BSN branches nationwide to provide financial assistance to the victims.

The 'BSN School Carnival' programme saw 52 schools across the country being selected for participation with total contributions of RM520,000 whereby each school is given RM10,000 to organise the carnival. Besides a good working collaboration with the Parent-Teacher Association and the Ministry of Education, the carnival also fostered and educated the younger generation about the importance of saving and inculcating a habit of thrift at a young age. Students were encouraged to join 'BSN's Young Savers Club (KPM)' and 'Skim Galakan Simpanan Pelajar (SGSP)', which are two savings products for schoolchildren. In 2015, SGSP recorded a total savings of more than RM581 million, an increase of 13% from the previous year. Participation also increased from 800,000 students to 961,000 students, while school participation increased by more than 7,300 schools across the country.

KENYATAAN PENERUS CHAIRMAN'S STATEMENT

“ BSN juga telah dianugerahkan ‘*Brand Excellence*’ kategori perbankan dalam anugerah ‘*Special Edition World Awards BrandLaureate*’ pada Ogos 2015.

BSN was also awarded the ‘Brand Excellence’ award under the category of banks in the ‘Special Edition BrandLaureate World Awards’ in August 2015.

”



Demi menyahut saranan Kerajaan dalam mempromosikan kehidupan rakyat Malaysia yang lebih sihat, BSN telah meneruskan usaha menganjurkan BSN Putrajaya *Night Marathon* (BSN PNM). Memasuki tahun kelima, BSN PNM 2015 terus menarik minat lebih daripada 12,000 peserta dari dalam dan luar negara. Namun, disebabkan masalah jerebu serta kualiti udara yang tidak sihat, larian ini terpaksa dibatalkan di saat-saat akhir atas faktor keselamatan dan kesihatan.

ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN

Sejajar dengan kecemerlangan dan kesungguhan yang telah ditunjukkan oleh BSN, pelbagai anugerah dan pengiktirafan telah diperolehi pada tahun 2015. BSN telah dianugerahkan ‘*Brand Excellence*’ kategori perbankan dalam anugerah ‘*Special Edition World Awards BrandLaureate*’ pada Ogos 2015. Anugerah ini diberikan kepada BSN berdasarkan perkhidmatan berterusan yang cemerlang yang diberikan kepada segenap lapisan masyarakat sepanjang 40 tahun penubuhannya.

Antara lain, BSN turut memenangi lima anugerah di ‘*Marketing Excellence Awards 2015*’ dengan mempertandingkan kempen ‘*Kucing Happy*’ yang merangkul anugerah emas bagi kategori ‘*Excellence in Content Marketing*’ dan dua anugerah perak bagi kategori ‘*Excellence in Social Media*’ dan ‘*Excellence in Digital Marketing*’. Manakala kempen Pengacau Raya yang dihasilkan untuk Hari Raya Aidilfitri memenangi anugerah perak bagi ‘*Excellence in TV/Video Advertising*’ dan anugerah gangsa bagi ‘*Excellence in Content Marketing*’.

Manakala di ‘*Effie Awards*’ Malaysia 2015, BSN berjaya merangkul dua gangsa dalam kategori ‘*Financial Services*’ dan ‘*Small Budget*’ bagi kempen ‘*Kucing Happy*’. BSN turut merangkul 18 anugerah di Kancil Awards 2015 bagi kempen ‘*Kucing Happy*’, ‘*Sama-Sama*’ dan ‘*Pengacau Raya*’ pada Disember 2015. Kempen ‘*Kucing Happy*’ telah merangkul anugerah utama iaitu ‘*Golden Kancil*’ dan ‘*Advertiser of the Year*’ selain turut memenangi sembilan anugerah di kategori yang lain.

In response to the Government’s recommendations to promote healthier living among Malaysians, BSN continued to organise the BSN Putrajaya Night Marathon (BSN PNM). Entering its fifth year, BSN PNM 2015 continued to attract more than 12,000 participants from local and international. However, due to haze and unhealthy air quality, the run had to be canceled at the last minute for security and health reasons.

AWARDS AND RECOGNITION

In line with excellence and dedication displayed by BSN, numerous awards and recognition were obtained in 2015. BSN was awarded the ‘Brand Excellence’ award under the category of banks in the ‘Special Edition BrandLaureate World Awards’ in August 2015. The award was given to BSN based on continuous service excellence towards all levels of society throughout 40 years of its establishment.

Among others, BSN also won five awards in the Marketing Excellence Awards 2015 by entering its ‘*Kucing Happy*’ campaign which won the gold award for the category ‘Excellence in Content Marketing’ and two silver awards for the category ‘Excellence in Social Media’ and ‘Excellence in Digital Marketing’. The ‘*Pengacau Raya*’ campaign which was produced for Hari Raya Aidilfitri won the silver award for ‘Excellence in TV/Video Advertising’ and the bronze award for ‘Excellence in Content Marketing’.

At the Malaysia Effie Awards 2015, BSN won two bronze medals in the categories of ‘Financial Services’ and ‘Small Budget’ also for the ‘*Kucing Happy*’ campaign. BSN also won 18 awards at the Kancil Awards 2015 for the ‘*Kucing Happy*’, ‘*Sama-Sama*’ and ‘*Pengacau Raya*’ campaigns in December 2015. Among the awards won are ‘Advertiser of the Year’ as well as the Golden Kancil Awards for ‘*Kucing Happy*’ which also won nine awards in other categories.



“ Saya dan Lembaga Pengarah amat berbangga dengan pencapaian yang telah ditunjukkan BSN pada tahun 2015 dalam suasana ekonomi yang mencabar.

The Board of Directors and I are very proud of the achievements that BSN has delivered in 2015 within a challenging economic environment.

”

PENGHARGAAN

Saya dan Lembaga Pengarah amat berbangga dengan pencapaian yang telah ditunjukkan BSN pada tahun 2015 dalam suasana ekonomi yang mencabar. Bagaimanapun, saya percaya masih banyak ruang yang mampu dipertingkatkan dalam mencapai aspirasi sebagai salah satu daripada bank terulung di negara ini. Nilai murni utama kita iaitu Komited, Cerdas, Menghormati dan Beretika (C.A.R.E) merupakan pemangkin yang perlu diikuti bagi memastikan kejayaan berpanjangan BSN.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan saya di dalam Lembaga Pengarah di atas kesungguhan dan sokongan yang diberikan sepanjang tahun 2015. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Dato' Siti Zauyah Mohd Desa yang telah banyak memberikan idea serta pandangan untuk terus memajukan BSN. Beliau telah menamatkan perkhidmatan sebagai ahli Lembaga Pengarah BSN pada 1 April 2015. Saya juga ingin mengucapkan selamat datang kepada Datuk Ahmad Badri Mohd Zahir yang telah dilantik sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas pada 29 Julai 2015. Dengan pengalaman luasnya selama lebih 20 tahun di dalam sektor awam dan perbankan, saya percaya, beliau mampu memberi sumbangan kepada Bank ini kelak.

Dalam mengharungi segala cabaran dan perubahan, komitmen yang tinggi dari pihak pengurusan, kakitangan bank, pemegang berkepentingan dan rakan perniagaan telah memastikan kejayaan BSN. Saya mengucapkan terima kasih dan syabas kepada anda semua kerana memberikan keyakinan dan sokongan berterusan supaya BSN dapat melangkah ke hadapan untuk meluaskan peranan BSN dipersada perbankan tempatan.

Terima kasih.

Tan Sri Abu Bakar Hj Abdullah

Pengerusi, Bank Simpanan Nasional

APPRECIATION

The Board of Directors and I are very proud of the achievements that BSN has delivered in 2015 within a challenging economic environment. However, I believe there are still many areas that could be improved to achieve our aspiration to become a leading bank in the country. Our core values of Committed, Agile, Respectful and Ethical (C.A.R.E) are catalysts that must be applied to ensure BSN's sustainable success.

I want to thank my colleagues in the Board of Directors for their dedication and support throughout 2015. I also wish to express gratitude to Dato' Siti Mohd Desa Zauyah who has contributed many ideas and insights to further advance BSN. She completed her service as a member of BSN's Board of Directors on 1 April 2015. I would also like to welcome Datuk Ahmad Badri Mohd Zahir who was appointed as Non-Executive Director on 29 July 2015. With his vast experience of over 20 years in the public sector and banking, I believe, he will be able to contribute to the Bank's future.

In facing with all the challenges and changes, the strong commitment by our management, employees, stakeholders and business partners has ensured the success of BSN. I thank you for your confidence and continued support which ensure BSN can step forward to expand its role in the local banking scene.

Thank you.

Tan Sri Abu Bakar Hj Abdullah

Chairman, Bank Simpanan Nasional

LEMBAGA PENGARAH

BOARD OF DIRECTORS



Dari kiri From left

Dato' Siti Zaayah Mohd Desa
*(Tempoh lantikan tamat pada 1 April 2015
Term of appointment ended on
1 April 2015)*

Datuk Ahmad Badri Mohd Zahir
*(Dilantik pada 29 Julai 2015
Appointed on 29 July 2015)*

Tan Sri Abu Bakar Hj Abdullah
Dato' Haji Ghazali Awang
Encik Alex Foong Soo Hah
Encik Md Tajuddin Md Isa
Datuk Azizan Abdul Rahman

Datuk Adinan Maning
Encik Kamari Zaman Juhari
Encik Ramesh Pillai
Pn. Ummul Shirin Mohamed Thalha
(Setiausaha Lembaga Board Secretary)



PROFIL LEMBAGA PENGARAH BOARD OF DIRECTORS' PROFILE



**Tan Sri Abu Bakar
Hj Abdullah**

Pengerusi Bukan Eksekutif
Non Executive Chairman

Tan Sri Abu Bakar dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah pada 1 Mac 2013.

Beliau mempunyai Ijazah Sarjana dalam Pengajian Antarabangsa dari University of Denver, Colorado, AS dan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Sejarah dari Universiti Malaya. Beliau juga telah menjalani Program Pengurusan Lanjutan Harvard Business School.

Tan Sri Abu Bakar merupakan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dari Julai 2010 hingga Jun 2012.

Beliau mempunyai lebih daripada 30 tahun pengalaman dalam sektor awam terutamanya dalam bidang pentadbiran dan pengurusan. Beliau memulakan kerjaya pada September 1977 di Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri selaku Penolong Pengarah Bahagian Perdagangan Domestik.

Selepas kembali dari Amerika Syarikat, beliau ditugaskan di Kementerian Pertahanan dan dinaikkan pangkat sebagai Ketua Penolong Setiausaha, Sekretariat Majlis Angkatan Tentera pada 1988 sebelum dipindahkan ke Bahagian Pembangunan pada tahun 2000.

Pada 2001, beliau dinaikkan pangkat ke Jabatan Perdana Menteri (JPM) sebagai Setiausaha Pembangunan Wilayah Persekutuan dan Perancangan Lembah Klang. Tiga tahun kemudian, beliau memegang jawatan Timbalan Ketua Setiausaha di Kementerian Wilayah Persekutuan dan kemudian memegang jawatan yang sama di JPM pada 2005. Pada Julai 2007, beliau dinaikkan pangkat sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan.

Tan Sri Abu Bakar was appointed as the Chairman to the Board on 1 March 2013.

He holds a Masters in International Studies from University of Denver, Colorado, USA and BA (Hons) History from Universiti Malaya. He has also completed the Harvard Business School Advanced Management Programme.

Tan Sri Abu Bakar was the Director General of the Public Service Department from July 2010 to June 2012.

He has over 30 years of experience in the public sector mainly in the area of administration and management. He started his career in September 1977 at the Ministry of International Trade & Industry as the Assistant Director of Domestic Trade Division.

After returning from the USA, he was posted to the Ministry of Defence with a promotion to the position of Principal Assistant Secretary of the Armed Forces Council Secretariat in 1988 and was then transferred to the Development Division in 2000.

In 2001, he was promoted to the Prime Minister's Department (PMD) as the Secretary of Federal Territories Development and Klang Valley Planning. Three years later, he became the Deputy Secretary General in the Federal Territories Ministry and then held the same position in the PMD in 2005. In July 2007, he was promoted to the position of Secretary General of the Ministry of Defence.



Dato' Siti Zauyah Mohd Desa

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif
Non Independent Non Executive Director

Dato' Siti Zauyah Mohd Desa dilantik ke Lembaga Pengarah pada 2 April 2013.

Beliau mempunyai Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan dari University of Reading, UK dan Ijazah Sarjana Perbankan Antarabangsa dari University of Manchester, UK. Beliau juga mempunyai Diploma Pentadbiran Awam dari Institut Tadbir Negara (INTAN).

Beliau mempunyai 25 tahun pengalaman dalam sektor awam dan telah menjawat pelbagai jawatan dalam khidmat Kerajaan. Beliau telah memulakan kerjaya di Jabatan Perbendaharaan Malaysia pada 1989 dan telah berkhidmat di beberapa jabatan termasuk pengurusan perolehan, pengurusan pinjaman, pengurusan pasaran kewangan & aktuari serta pengurusan pelaburan & penswastaan. Bermula Julai 2003 hingga Julai 2006, beliau telah berkhidmat dengan Asian Development Bank di Manila selaku Penasihat Pengarah bagi Malaysia, Myanmar, Nepal, Singapura dan Thailand. Pada 12 Disember 2014, beliau telah dilantik sebagai Pengarah Belanjawan Negara, Kementerian Kewangan.

Pada masa kini, Dato' Siti Zauyah merupakan Ahli Lembaga Pengarah di Malaysia Debt Ventures Bhd, Johor Corporation, Malaysia Airports Holdings Berhad, Danalnfra Nasional Berhad dan Westports Malaysia Sdn Bhd.

Dato' Siti Zauyah Md Desa was appointed to the Board on 2 April 2013. She holds a Bachelor's Degree in Quantity Surveying from the University of Reading, UK and a Master's Degree in International Banking from the University of Manchester, UK. She also holds a Diploma in Public Administration from Institut Tadbir Negara (INTAN).

She has over 25 years experience in the public sector and has held various positions in the Government service. She started her career at the Malaysia Treasury Department in 1989 and has served in several departments covering procurement management, loans management, financial markets & actuary management as well as investment & privatisation management. From July 2003 to July 2006, she was attached to the Asian Development Bank in Manila as the Director's Advisor for Malaysia, Myanmar, Nepal, Singapore and Thailand. On 12 December 2014, she was promoted to her current position as the Director of the National Budget Office, Ministry of Finance.

At present, Dato' Siti Zauyah is a Board member of Malaysia Debt Ventures Bhd, Johor Corporation, Malaysia Airports Holdings Berhad, Danalnfra Nasional Berhad and Westports Malaysia Sdn Bhd.



Datuk Ahmad Badri Mohd Zahir

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif
Non Independent Non Executive Director

Datuk Ahmad Badri Mohd Zahir dilantik ke Lembaga Pengarah pada 19 Julai 2015.

Beliau mempunyai Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari University of Hull di United Kingdom dan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Tanah dan Harta dari Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam. Beliau juga mempunyai Diploma Pentadbiran Awam dari Institut Tadbir Negara (INTAN), Kuala Lumpur.

Beliau memulakan kerjayanya sebagai Eksekutif Penilaian Kanan di Chartered Surveyor, C.H William, Talhar & Wong Sdn Bhd di Kuala Lumpur. Dari Julai 1997 hingga Jun 2000, beliau bertugas di Asian Development Bank di Manila sebagai Penasihat Pengarah. Beliau mempunyai pengalaman sebanyak 29 tahun dalam sektor awam dan telah memegang beberapa jawatan di dalam Kerajaan antaranya di Bahagian Kewangan dalam pengurusan pinjaman, pasaran kewangan, dan pengurusan aktuari. Pada 13 Januari 2014, beliau telah dinaikkan pangkat ke jawatan sekarang iaitu Setiausaha di Bahagian Pelaburan Strategik, Kementerian Kewangan.

Datuk Ahmad Badri juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah di Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Danalnfra Nasional Berhad, Kuala Lumpur International Airport Berhad, Danajamin Nasional Berhad, Islamic Corporation for the Development of the Private Sector (ICD), Taha Alam Sdn Bhd serta Sentuhan Budiman Sdn Bhd.

Datuk Ahmad Badri Mohd Zahir was appointed to the Board on 29 July 2015.

He holds a Master in Business Administration from University of Hull, United Kingdom and a Degree in Land and Property Management from MARA University of Technology (UiTM), Shah Alam. He also holds a Diploma in Public Administration from the National Institute of Public Administration (INTAN), Kuala Lumpur.

He started his career as a Senior Valuation Executive with a Chartered Surveyor, C.H. William, Talhar & Wong Sdn Bhd in Kuala Lumpur. From July 1997 to June 2000, he was attached to the Asian Development Bank in Manila as the Director's Advisor. He has over 29 years of experience in the public sector and has held various positions in the Government service particularly in Finance Division covering loan management, financial markets and actuary management. On 13 January 2014, he was promoted to his current position as the Under Secretary of Strategic Investment Division, Ministry of Finance.

Datuk Ahmad Badri currently sits on the Board of Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Danalnfra Nasional Berhad, Kuala Lumpur International Airport Berhad, Danajamin Nasional Berhad, Islamic Corporation for the Development of the Private Sector (ICD), Taha Alam Sdn Bhd as well as Sentuhan Budiman Sdn Bhd.

PROFIL LEMBAGA PENGARAH BOARD OF DIRECTORS' PROFILE



Dato' Haji Ghazali Awang

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
Independent Non Executive Director

Dato' Haji Ghazali Awang dilantik menjadi Ahli Lembaga Pengarah pada 12 Februari 2007.

Beliau mempunyai Ijazah Sarjana Muda Perdagangan (Perakaunan) dari University of Newcastle, Australia dan merupakan Akauntan Bertauliah dengan Institute of Chartered Accountants, Australia dan Institut Akauntan Malaysia. Beliau juga memiliki Diploma dalam Pengajian Islam dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Ijazah Sarjana dalam Agama dari Institut Agama Islam Negeri, Imam Bonjol, Indonesia.

Dato' Haji Ghazali mempunyai pengalaman luas dalam bidang pengauditan, perakaunan dan pengurusan kewangan, dan merupakan Pengarah Kumpulan Perkhidmatan Kewangan dan Korporat di bawah Kumpulan Guthrie Berhad dari 1994-2003. Beliau juga pernah menyandang pelbagai jawatan di Kumpulan Syarikat Shell dari 1987-1994 serta pernah berkhidmat di Amanah Saham Nasional Berhad dan Permodalan Nasional Berhad dari 1980-1986 dalam pelbagai jawatan pengurusan kanan.

Pada masa ini, Dato' Haji Ghazali merupakan Ahli Lembaga Pengarah Heitech Padu Berhad, BIMB Investment Management Berhad, CCM Duopharma Biotech Berhad, Prudential BSN Takaful Berhad, Lembaga Tabung Haji dan Chemara Palmea Holdings Berhad.

Dato' Haji Ghazali bin Awang was appointed to the Board on 12 February 2007.

He holds a Bachelor's Degree in Commerce (Accounting) from the University of Newcastle, Australia and is a Chartered Accountant with the Institute of Chartered Accountants, Australia and the Malaysian Institute of Accountants. He also holds a Diploma in Islamic Studies from the International Islamic University, Malaysia and Master's Degree in Agama from Institut Agama Islam Negeri, Imam Bonjol, Indonesia.

Dato' Haji Ghazali has extensive experience in the fields of auditing, accounting and financial management and was the Group Director for Finance and Corporate Services in Kumpulan Guthrie Berhad from 1994 to 2003. He has also served the Shell Group of Companies from 1987 to 1994 as well as Amanah Saham Nasional Berhad and Permodalan Nasional Berhad from 1980 to 1986 in various senior managerial positions.

Dato' Haji Ghazali currently also sits on the Board of HeiTech Padu Berhad, BIMB Investment Management Berhad, CCM Duopharma Biotech Berhad, Prudential BSN Takaful Berhad, Lembaga Tabung Haji and Chemara Palmea Holdings Berhad.



Encik Alex Foong Soo Hah

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
Independent Non Executive Director

Encik Alex Foong Soo Hah dilantik menjadi Ahli Lembaga Pengarah pada 1 September 2010.

Beliau mempunyai Ijazah Sarjana Muda Matematik dari Universiti Malaya pada tahun 1975 dan Ijazah Sarjana Sains Aktuari dari North Eastern University, Boston pada tahun 1977. Beliau merupakan Felo Persatuan Aktuari Amerika Syarikat. Beliau ditauliahkan sebagai Perancang Kewangan Berdaftar (RFP) pada tahun 2008 dan juga mendapat kelayakan RFP Syariah pada tahun 2009.

Beliau mempunyai lebih daripada 35 tahun pengalaman dalam industri insurans dengan memulakan kerjayanya sebagai pembantu aktuari kumpulan insurans antarabangsa di Hong Kong. Sebelum ini, beliau ialah Ketua Pegawai Eksekutif British American Life Insurance Berhad (kini dikenali sebagai Manulife Insurance Berhad) dari 1991 hingga Ogos 1996. Kemudian, beliau dilantik sebagai Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif Great Eastern Life Assurance Malaysia Berhad dari September 1996 hingga Januari 2008.

Pada masa ini, Encik Alex Foong merupakan Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM), Malaysian Insurance Institute, Quill Capita Sdn Berhad, Nirvana Asia Ltd and Private Pension Administrator (PPA) Malaysia. Sebelum ini, beliau pernah menjadi Lembaga Pengarah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Malaysia Life Reinsurance Group Bhd dan Malaysian Rating Corporation Bhd. Beliau juga merupakan mantan Presiden Life Insurance Association (LIAM) dan juga Persatuan Aktuari Malaysia.

Mr Alex Foong Soo Hah was appointed to the Board on 1 September 2010.

He holds a Bachelor's Degree in Mathematics from Universiti Malaya, 1975 and a Master's Degree in Actuarial Science from Northeastern University, Boston, 1977. He is a Fellow of the Society of Actuaries, USA. He was commissioned as Registered Financial Planner (RFP) in 2008 and obtained his Shariah RFP qualification in 2009.

He has over 35 years experience in the insurance industry having started his career as an actuarial assistant in an international insurance group in Hong Kong. He was formerly the CEO of British American Life Insurance Berhad (currently known as Manulife Insurance Berhad) from 1991 to August 1996. He was subsequently appointed Director and CEO of Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad from September 1996 till January 2008.

Currently, Mr Alex Foong sits on the Board of Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM), Malaysian Insurance Institute, Quill Capita Management Sdn Berhad, Nirvana Asia Ltd and Private Pension Administrator (PPA) Malaysia. He previously served on the Board of Directors of the Employees Provident Fund (EPF), Malaysia Life Reinsurance Group Bhd, and Malaysian Rating Corporation Bhd. He was also a past President of the Life Insurance Association (LIAM) as well as the Actuarial Society of Malaysia.



Encik Md Tajuddin Md Isa

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
Independent Non Executive Director

Encik Md Tajuddin Md Isa telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah pada 15 September 2010.

Beliau adalah lulusan dari Sekolah Pegawai Kadet, Tentera Darat Australia, Portsea, Victoria, Australia pada tahun 1978 dan ditauliahkan sebagai pegawai dengan pangkat Leftenan Muda dalam Rejimen Askar Melayu Diraja Angkatan Tentera Malaysia. Beliau meletakkan jawatan di dalam Angkatan Tentera Malaysia pada tahun 1986 dengan pangkat Kapten dan meneruskan pengajian perundangan di University of Sheffield, England, United Kingdom. Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda Kelas Kedua (atas) LL.B (Kepujian) pada tahun 1989 dan kemudian memperolehi Sijil Amalan Guaman dari Lembaga Kelayakan Profesional, Undang-Undang pada tahun 1990 dan diterima masuk serta didaftarkan sebagai Peguambela & Peguamcara, Mahkamah Tinggi Malaysia pada tahun 1991.

Beliau memulakan kerjaya sebagai peguam di Tetuan Zain & Co pada tahun 1991 dan seterusnya memulakan firma guaman sendiri sebagai Rakan Kongsi Mengurus di Tetuan Md Tajuddin & Co. Beliau mempunyai pengalaman luas di dalam bidang litigasi serta *corporate and conveyancing* dengan penekanan yang kuat kepada Perbankan Islam sejak tahun 1991. Beliau memperolehi Diploma Lulusan Ijazah dalam Perbankan dan Kewangan Islam dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Beliau telah dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah Bank Simpanan Nasional pada 15 September 2010 dan juga merupakan ahli Jawatankuasa Penasihat Syariah Bank Simpanan Nasional; Ahli Lembaga Pemegang Amanah, Dana Amal Jariah; ahli panel Jawatankuasa Tatatertib, Peguambela & Peguamcara, Lembaga Tatatertib; ahli Persatuan Tenaga Profesional, Malaysia; dan ahli Persatuan Penasihat Syariah, Malaysia.

Mr Md. Tajuddin Md. Isa was appointed to the Board on 15 September 2010.

He graduated from the Australian Army, Officer Cadet School, Portsea, Victoria, Australia in 1978 and was commissioned as an officer with the rank of Second Lieutenant in the Royal Malay Regiment of the Malaysian Armed Forces. He resigned from the Malaysian Armed Forces in 1986 with the rank of Captain and proceeded to read law at the University of Sheffield, England, United Kingdom. He graduated with a second class (upper) LL.B (honours) degree in 1989 and thereafter obtained his Certificate of Legal Practice from the Legal Profession Qualifying Board and was admitted as an advocate and solicitor of the Malaya High Court in 1991.

He began his career as a lawyer with Messrs Zain & Co in 1991 and thereafter set up his own legal firm as a Managing Partner at Messrs Md Tajuddin & Co, Advocates & Solicitors, Kuala Lumpur and has considerable experience in litigation, corporate and conveyancing matters with strong emphasis in Islamic Banking since 1991. He obtained his Post Graduate Diploma in Islamic Banking and Finance from the International Islamic University Malaysia (IIUM) and is also a member of the Shariah Advisory Committee of Bank Simpanan Nasional; member of the Board of Trustees, Dana Amal Jariah; panel member of the Disciplinary Committee, Advocates & Solicitors, Disciplinary Board; member of Malaysian Association of Energy Professionals; and member of Association of Shariah Advisors, Malaysia.



Datuk Azizan Abdul Rahman

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
Independent Non Executive Director

Datuk Azizan Abdul Rahman dilantik menjadi ahli Lembaga Pengarah pada 2 Mac 2012.

Beliau berkelulusan Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) dari Universiti Malaya dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Queensland, Australia. Datuk Azizan ialah felo CPA Australia dan akauntan bertauliah dengan Institut Akauntan Malaysia.

Sebelum ini Datuk Azizan merupakan Ketua Pengarah Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA) dari Julai 2005 sehingga persaraan beliau pada September 2011. Beliau juga pernah menjadi Pengarah Jabatan Penyeliaan Perbankan Bank Negara Malaysia dan berkhidmat di BNM dari April 1979 hingga Jun 2005.

Ketika ini Datuk Azizan merupakan Pengerusi Malaysian Rating Corporation Bhd, Kensington Trust Labuan Limited dan Metro Money Exchange Sdn Bhd. Beliau juga merupakan Ahli Lembaga MIDF Amanah Investment Bank Bhd, Malaysian Industrial Finance Bhd, Barakah Offshore Petroleum Bhd, Permodalan BSN Bhd, Gibraltar BSN Holdings Sdn Bhd, Gibraltar BSN Life Bhd, Kensington Trust Malaysia Bhd, CTOS Holdings Sdn Bhd dan CTOS Systems Sdn Bhd.

Datuk Azizan Abdul Rahman was appointed to the Board on 2 March 2012.

He holds a Bachelor's Degree (Hons) in Accounting from the University of Malaya and a Master's Degree in Business Administration from the University of Queensland, Australia. He is a Fellow Member of CPA (Australia) and a Chartered Accountant of the Malaysian Institute of Accountants.

Datuk Azizan was formerly the Director-General of Labuan Financial Services Authority (Labuan FSA) from July 2005 until his retirement in September 2011. Prior to this, he was the Director of Banking Supervision Department in Bank Negara Malaysia (BNM). He was with BNM from April 1979 to June 2005.

He is currently the Chairman of Malaysian Rating Corporation Bhd, Kensington Trust Labuan Limited and Metro Money Exchange Sdn Bhd. He also sits as board member of MIDF Amanah Investment Bank Bhd, Malaysian Industrial Finance Bhd, Barakah Offshore Petroleum Bhd, Permodalan BSN Bhd, Gibraltar BSN Holdings Sdn Bhd, Gibraltar BSN Life Bhd, Kensington Trust Malaysia Bhd, CTOS Holdings Sdn Bhd and CTOS Systems Sdn Bhd.

PROFIL LEMBAGA PENGARAH BOARD OF DIRECTORS' PROFILE



Datuk Adinan Maning

Ketua Eksekutif
Chief Executive

Datuk Adinan dilantik menjadi Ketua Eksekutif Bank Simpanan Nasional pada 1 Disember 2007 dan telah menjadi ahli Lembaga Pengarah sejak itu.

Datuk Adinan mendapat pengajian dalam bidang perakaunan di Institut Teknologi MARA (1976 hingga 1979) dan seterusnya menduduki peperiksaan Institut Akauntan Kos dan Pengurusan (kini dikenali sebagai Institut Akauntan Pengurusan Berkanun).

Beliau memulakan kerjaya di Bank Bumiputera Malaysia Berhad (BBMB) pada awal tahun 1980. Beliau telah berkhidmat dengan BBMB selama 18 tahun dan seterusnya berkhidmat dengan syarikat-syarikat lain termasuk pembangunan hartanah, pembinaan, pengilangan, pengilangan tepung, pemulihan dan pengurusan aset.

Pada masa ini, beliau merupakan Ahli Lembaga Pengarah Prudential BSN Takaful Berhad, BSNC Corporation Berhad dan Gibraltar BSN Life Berhad. Beliau juga merupakan Presiden Institut Bank Simpanan Dunia Wilayah Asia Pasifik, Bendahari Persatuan Badan-badan Berkanun Malaysia, Timbalan Pengerusi Persatuan Institusi-institusi Kewangan Pembangunan Malaysia dan Ahli Jawatankuasa Resolusi Hutang Kecil di Bank Negara Malaysia.

Datuk Adinan was appointed as the Chief Executive of Bank Simpanan Nasional on 1 December 2007 and has been a member of the Board since then.

Datuk Adinan pursued accountancy in Institute Teknologi MARA (1976 to 1979) where he completed the examinations of the Institute of Cost and Management Accountants (now known as Chartered Institute of Management Accountants).

He started his career in Bank Bumiputera Malaysia Berhad (BBMB) in early 1980. He served BBMB for 18 years and subsequently served other companies involved in property development, construction, manufacturing, flour milling, recovery and asset management.

Currently, he sits on the Board of Prudential BSN Takaful Berhad, BSNC Corporation Berhad and Gibraltar BSN Life Bhd. He is at present the President of World Savings Banks Institute Asia Pacific Region, Treasurer of the Persatuan Badan-Badan Berkanun Malaysia, Deputy Chairman of the Association of Development Finance Institutions of Malaysia (ADFIM), and Member of the Small Debt Resolution Committee (SDRC) at Bank Negara Malaysia.



Encik Kamari Zaman Juhari

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
Independent Non Executive Director

Encik Kamari Zaman Juhari dilantik ke Lembaga Pengarah pada 21 April 2014.

Encik Kamari Zaman Juhari sebelum ini merupakan Pengarah Jabatan Kewangan Pembangunan dan Perusahaan Bank Negara Malaysia. Jabatan tersebut bertanggungjawab memelihara pembangunan Institusi-institusi Kewangan Pembangunan yang teguh dan progresif selain membangunkan SME yang berdaya saing dalam mencapai matlamat sosio-ekonomi negara.

Encik Kamari Zaman Juhari menyertai Bank Negara Malaysia (BNM) pada 1982 dengan kelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam Ekonomi Sumber dari Universiti Putra Malaysia dan seterusnya memperoleh Keahlian Felo Mason sebaik menerima Ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Awam dari Harvard pada 1990.

Pada 1992, beliau dilantik sebagai Ketua Unit Luar Pesisir di Labuan dan pada tahun yang sama memegang jawatan Ketua Pedagang Forex sehingga 1996. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Timbalan Pengurus Besar di Lembaga Pembangunan Labuan sehingga 1999. Beliau kemudiannya dipindahkan semula ke BNM dengan memegang jawatan sebagai Ketua Unit Khas SME. Dari tahun 2000, beliau dinaikkan pangkat sebagai Pengarah Unit Penyiasatan Khas (2000-2004), Pengarah Jabatan Sumber Manusia (2004-2007), dan akhir sekali sebagai Pengarah Jabatan Kewangan Pembangunan dan Perusahaan pada 2008. Sebaik bersara, beliau menyertai Bank Simpanan Nasional. Beliau juga merupakan ahli lembaga pengarah di KL Remit Exchange Sdn Bhd.

Mr Kamari Zaman Juhari was appointed to the Board on 21 April 2014.

Mr Kamari Zaman Juhari was formerly the Director of Bank Negara Malaysia's Department of Finance for Development and Enterprise. The department is responsible for fostering the development of robust and progressive Development Financial Institutions, and developing competitive SMEs in achieving the socio-economic objectives of the country.

Mr Kamari Zaman Juhari joined Bank Negara Malaysia in 1982 with a Bachelor's Degree in Resource Economics from University Putra Malaysia and later gained a Mason Fellowship upon graduating with a Masters in Public Administration from Harvard in 1990.

In 1992, he was appointed as the Head of Offshore Unit in Labuan and then held the position of Chief Forex Trader until 1996. He also served as Deputy General Manager with the Labuan Development Authority until 1999. He was then transferred back to BNM and assumed the position of Head of SME Special Unit. From 2000, he was successively promoted to Director of Special Investigation Unit (2000-2004), Director of Human Resource Department (2004-2007), and finally Director of Development Finance and Enterprise Department in 2008. Upon his retirement, he joined Bank Simpanan Nasional. He also sits on the board of KL Remit Exchange Sdn Bhd.



Encik Ramesh Pillai

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
Independent Non Executive Director

Encik Ramesh Pillai dilantik ke dalam Lembaga Pengarah pada 21 April 2014.

Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam Ekonomi dan Perakaunan dari Universiti Loughborough dengan pengkhususan dalam Ekonomi dan Perbankan secara am, dan Perbankan Islam secara khusus. Beliau merupakan Felo di Institute of Chartered Accountants in England and Wales (1991), Pengurus Risiko Perusahaan Bertauliah (ERM), Ahli Profesional Risiko Bertauliah (CRP), Pengarah Risiko Bertauliah (QRD), Pengurus Risiko Perusahaan Islam bertauliah (ERMI), dan Juruaudit Risiko Bertauliah (QRA)

Ramesh juga merupakan Pengarah Serantau bagi Global Association of Risk Professionals (GARP) dan telah memainkan peranan penting dalam penubuhan Professional Risk Managers International Association (PRMIA) di Malaysia. Beliau adalah sumber Pengurusan Risiko Islamik dan Konvensional bagi Lembaga Pelaburan Qatar dan disenaraikan dalam Direktori Kewangan-Q. Terkini, Ramesh adalah mentor Pengurusan Risiko bagi program Serantau F-TEN ICAEW selain menjadi ahli Lembaga Penasihat dan ahli Panel Pakar bagi Komuniti Risiko Global.

Beliau memulakan kerjaya bersama Institusi Kewangan Price Waterhouse di London yang diikuti dengan pelbagai jawatan lain di London termasuk sebagai Pengarah Kewangan dan Pentadbiran bagi sebuah anak syarikat GEC dari Amerika. Ramesh kemudiannya berkhidmat di Indonesia dalam Pembiayaan Projek, dan seterusnya menyertai Citibank di mana beliau mengetuai fungsi Pentadbiran Kredit dan Pengurusan Portfolio. Beliau memiliki pengalaman selama 29 tahun dalam sektor awam dan swasta serta telah memegang pelbagai jawatan termasuk sebagai Ketua Pegawai Eksekutif, Pengarah Kewangan, dan Ketua Pegawai Risiko Kumpulan (di Bank-bank Konvensional dan Islam). Beliau juga pernah berkhidmat dengan Pengurusan Danaharta Nasional sebagai Ketua Pegawai Risiko serta Bank Negara Malaysia sebagai Ketua Pasukan Insurans Deposit.

Ramesh juga pernah berkhidmat selama 10 tahun sebagai Penasihat Bebas Pengurusan Risiko bagi Lembaga Tabung Haji (Pengurusan Dana Islamik) dan Amanah Raya Berhad (Pemegang Amanah Raya).

Terkini, beliau merupakan Pengerusi Lembaga Governor di Institut Pengamal Risiko Perusahaan (menyediakan pensijilan profesional dalam Pengurusan Risiko Perusahaan) serta Pengarah Urusan Kumpulan di Friday Concepts (International), sebuah firma perunding Pengurusan Risiko Butik Antarabangsa.

Mr Ramesh Pillai was appointed to the Board on 21 April 2014.

He holds a Bachelor of Science (Honours) in Economics with Accountancy from Loughborough University where he specialised in Economics and Banking in general, and Islamic Banking in particular. He is a Fellow of the Institute of Chartered Accountants in England and Wales (1991), a Certified Enterprise Risk Manager (ERM), a Certified Risk Professionals (CRP), a Qualified Risk Director (QRD), a certified Islamic Enterprise Risk Manager (ERMI), and a Qualified Risk Auditor (QRA).

He was also a Regional Director for the Global Association of Risk Professionals (GARP) and was instrumental in the creation of the Malaysian chapter of the Professional Risk Managers International Association (PRMIA). He is an Islamic and Conventional Risk Management resource for the Qatar Investment Authority and is listed in their Q-Finance Directory. Ramesh is currently the Risk Management mentor on the ICAEW's Regional F-TEN programme and is a member of the Advisory Board and also on the Panel of Experts of the Global Risk Community.

He started his career in Price Waterhouse's Financial Institutions specialism in London following which he held various positions in London including becoming the Director of Finance and Administration for an American subsidiary of GEC. Ramesh then went on to work in Indonesia, involved in Project Financing, following which he joined Citibank where he headed the Credit Administration and Portfolio Management functions. He has over 29 years of experience in the public and private sector and has held various positions, including that of CEO, Finance Director, and Group Chief Risk Officer (in Conventional and Islamic Banks). He was also with Pengurusan Danaharta Nasional as its Chief Risk officer as well as Bank Negara Malaysia as the Head of its Deposit Insurance Taskforce.

He has also served, over a 10 year period, as the Independent Risk Management Advisor to Lembaga Tabung Haji (Islamic Fund Management) and Amanah Raya Berhad (Public Trustee).

He is currently Chairman of the Board of Governors of the Institute of Enterprise Risk Practitioners (providing professional certification in Enterprise Risk Management) as well as the Group Managing Director of Friday Concepts (International), an International Boutique Risk Management consultancy.



PENGURUSAN MANAGEMENT

Datuk Adinan Maning
Ketua Eksekutif
Chief Executive

**Datuk Yunos
Abd Ghani**

Timbalan Ketua Eksekutif
Perbankan Runcit
Deputy Chief Executive,
Retail Banking



**Ahmad Latfan
Mohd Amran**

Timbalan Ketua Eksekutif,
Sokongan Perniagaan
Deputy Chief Executive,
Business Support



**Frederick
Siew Kin Meng**

Timbalan Ketua Eksekutif,
Sokongan Korporat
Deputy Chief Executive,
Corporate Support





**Mohd Fauzi
Rahmat**
Ketua Pegawai Risiko,
Pengurusan Risiko
Chief Risk Officer,
Risk Management



**Zainuddin
Ahmad**
Ketua, Pengurusan
Sumber Manusia
Head, Human Resource
Management



**Azlan
Abu Bakar**
Ketua, Operasi Perbankan
Head, Banking Operations



**Nilammasri
Ja'afar**
Ketua, Pembiayaan
& Pembangunan
Perniagaan
Head,
Business Financing
& Development



**Ummul Shirin
Mohamed Thalha**
Ketua, Undang-Undang
& Sekretariat Korporat
Head,
Legal & Corporate
Secretariat



Ahmad Noh Jeni
Ketua, Keselamatan
Head, Security



PENGURUSAN MANAGEMENT




Akhsan Zaini
Ketua, Distribution
Head, Distribution



**Alain Boey
Cheng Choong**
Ketua, Pengurusan
Transformasi
Head, Transformation
Management



**Damanhuri
Mahmod**
Ketua, Perbendaharaan
& Pelaburan
Head, Treasury
& Investment



**Kameel
Abdul Halim**
Ketua, Strategi Korporat
Head, Corporate Strategy



**Kamel Effendy
Mohd Razali**
Ketua, Khidmat
Pengurusan &
Pemulihan Hutang
Head, Debt Management
& Recovery Services



**Dato' Mearia @
Massahariah
Hamzah**
Ketua, Peruncitan &
Perniagaan Komuniti
Head, Retail &
Community Business



**Puspa Marina
Dato' Haji Omar**
Ketua, Komunikasi
Strategik
Head, Strategic
Communications



Rosman Ramlan
Ketua, Pentadbiran Am
Head, General
Administration



Suhaimi Mohamad
Ketua, Operasi
Peruncitan Kredit
Head, Retail
Credit Operations



Dzahidi Mohamad
Ketua, Juruaudit Dalam
Head, Internal Audit



Noor Azmi Jaafar
Ketua, Kewangan
Head, Finance



Mohd Khalil Omar
Ketua, Teknologi
Maklumat
Head, Information
Technology



Mohd Sofian Amirudin
Ketua, Perniagaan Kad
Head, Cards Business




Noor Azmi Jaafar
Ketua, Kewangan
Head, Finance



Mohd Supian Mat Nan
Ketua, Perbankan Islam
Head, Islamic Banking



Norshahzan Halin
Ketua, Pematuhan
Head, Compliance




Mohd Supian Mat Nan
Ketua, Perbankan Islam
Head, Islamic Banking



Transaksi
perbank
setemp

EB | ejen bank

Mudah . Sela





MENGGAPAI KEHIDUPAN YANG LEBIH BAIK

Dengan memperkembangkan kebolehan kami bagi memenuhi keperluan masa kini, BSN berhasrat membina hubungan yang lebih bermakna dengan para pelanggan dalam memastikan mereka memperoleh akses kepada kemudahan dan perkhidmatan perbankan dalam menjalani kehidupan yang lebih baik. Bagi memastikan setiap rakyat Malaysia memperoleh akses mudah kepada perkhidmatan kami walaupun berada jauh di pedalaman, Ejen Bank BSN (EB BSN) telah diwujudkan menerusi inisiatif rangkuman kewangan kami untuk memberi perkhidmatan kepada para pelanggan di lokasi-lokasi tanpa cawangan BSN. Perkhidmatan yang ditawarkan adalah simpanan wang, pengeluaran wang, pembayaran bil, simpanan BSN SSP, pembayaran tanpa wang tunai, tambah nilai prabayar dan pembukaan akaun.

A BETTER LIFE WITHIN YOUR REACH

Expanding our portfolio to meet modern day needs, BSN intends to build lifelong, meaningful relationships with our customers to ensure they have access to banking facilities and services in order to live a better life. Ensuring every Malaysian has easy access to our services no matter how far or remote their location through our financial inclusion initiative, BSN's Banking Agents (EB BSN) have been established to serve customers in the absence of BSN branches. Services offered are deposit, cash withdrawal, bill payment, BSN SSP savings, cashless payment, prepaid top-up and account opening.

PENCAPAIAN PERANAN PEMBANGUNAN/ DIMANDATKAN

DISCLOSURE ON DEVELOPMENTAL/ MANDATED ACHIEVEMENTS

SKIM PERUMAHAN BELIA (SPB) YOUTH HOUSING SCHEME (YHS)



Skim Pemilikan Rumah Home Ownership Scheme

untuk pasangan berkahwin yang berusia di antara
25 hingga 40 tahun for married couples between
the ages of 25 to 40 years

Pada pembentangan Belanjawan Negara 2015, Kerajaan Malaysia telah memberi mandat kepada BSN untuk melaksanakan Skim Perumahan Belia (SPB) dalam usaha menangani masalah ketidakmampuan golongan belia untuk memiliki rumah. YHS adalah skim pemilikan rumah pertama khas untuk pasangan berkahwin yang berusia di antara 25 hingga 40 tahun dengan pendapatan isi rumah tidak melebihi RM10,000 sebulan. Skim ini terhad kepada hanya 20,000 pembeli mengikut peraturan *first come first served*. Kerajaan juga menawarkan diskaun 50% ke atas duti setem bagi instrumen pemindahan dan perjanjian pinjaman. Selain itu, Kerajaan juga akan membantu dalam pembayaran ansuran bulanan sebanyak RM200 untuk tempoh dua tahun bermula dari tarikh pembayaran pertama kepada pemaaju.

Di bawah SPB, BSN menyediakan pembiayaan sehingga RM500,000 kepada pemohon yang layak di mana tempoh pembiayaan maksimum adalah 35 tahun atau sehingga pemohon mencapai usia 65 tahun, yang mana lebih awal. Jumlah pembiayaan untuk pemohon yang layak adalah 100% daripada harga pembelian dengan tambahan 5% (daripada harga pembelian) bagi pembiayaan takaful atau insurans (MRTT/ MRTA). Jenis hartanah di bawah pembiayaan ini adalah samada hartanah yang telah siap sepenuhnya, sedang dalam pembinaan atau hartanah sub-jualan.

Skim SPB ini telah dilancarkan pada 3 Julai 2015 dan setakat 31 Disember 2015, sebanyak 1,242 permohonan berjumlah RM302 juta telah diterima. Bagaimanapun, kadar kelulusan adalah hanya pada 50% iaitu 611 kes (RM152 juta). Faktor utama penolakan permohonan adalah sejarah kredit peminjam yang tidak memuaskan seterusnya menjejaskan kemampuan peminjam dalam menanggung komitmen pinjaman.

Walaupun bagaimanapun, kami beriltizam untuk terus membantu belia yang berkelayakan memiliki rumah pertama mereka. Kami akan terus giat mempromosikan SPB menerusi media, edaran risalah dan anjuran aktiviti-aktiviti promosi bersama pemaaju.

During the tabling of the National Budget 2015, the Government of Malaysia mandated BSN to carry out the Youth Housing Scheme (YHS) in an effort to address young couples' inability to afford purchasing homes. The YHS is a first-time home ownership scheme tailored for married couples between the ages of 25 to 40 years and with household income not exceeding RM10,000 per month. The scheme is limited to only 20,000 buyers on a 'first come first served' basis. The Government will also offer a 50% discount on stamp duties on the instrument of transfer and loan agreements. Additionally, the Government will also assist in monthly installments of RM200 for a period of two years from the date of first disbursement to the developer.

Under the YHS, BSN will provide financing it up to RM500,000 to eligible applicants for a maximum financing tenure of 35 years or until the applicant attains the age of 65 years, whichever is earlier. The financing amount to eligible applicants will be 100% of the purchase price with an additional 5% (of purchase price) to finance takaful or insurance (MRTT/MRTA). The property to be financed can either be completed, under construction or sub-sale.

The YHS scheme was officially launched on 3 July 2015. As at 31 December 2015, 1,242 applications totaling RM302 million were received. However, approval rate stood at only about 50% with 611 cases (RM152 million) approved. The main reasons for rejection was poor credit history which impacted potential borrowers' capacity to undertake loan commitments.

Nevertheless, we are committed to extend the help to eligible youths to own their first home. We will continue to actively promote YHS through media, promotion campaigns and organise joint promotion activities with developers.

EJEN BANK BSN (EB BSN) BSN BANKING AGENT

BSN amat bangga menjadi bank perintis di Malaysia dalam memperkenalkan Ejen Bank BSN (EB BSN) pada Januari 2012. Dalam menyokong agenda rangkuman kewangan Bank Negara Malaysia, konsep EB BSN adalah untuk memberi perkhidmatan kepada masyarakat luar bandar yang tidak mempunyai akses kepada kemudahan perbankan asas. Pada peringkat awal, rangkaian EB BSN bermula dengan hanya 200 ejen di mana kebanyakannya adalah terdiri daripada pemilik kedai runcit yang mempunyai hubungan rapat dengan masyarakat di komuniti masing-masing. EB BSN telah bermula dengan lima transaksi perbankan asas iaitu deposit tunai, pengeluaran tunai, pembayaran bil, pembelian eSSP dan pembayaran tanpa tunai. Bagi memenuhi keperluan pelanggan, BSN telah menambah dua lagi transaksi di premis EB BSN iaitu tambah nilai prabayar dan pembukaan akaun. Semua transaksi yang dilakukan di premis EB BSN adalah melalui terminal mudah alih POS (point of sales) di mana semua transaksi dilaksanakan secara *real time* dan tanpa sebarang borang.

Setakat Disember 2015, rangkaian EB BSN telah berkembang kepada 6,238 ejen di seluruh negara. Jumlah transaksi yang telah dilakukan menerusi EB BSN telah mencecah lebih 60 juta, dengan nilai keseluruhan melebihi RM4.54 bilion. Di samping itu, perkhidmatan EB BSN telah merangkumi 886 mukim (96%) di Malaysia. Perkhidmatan pembayaran tanpa tunai pula telah mencatatkan kadar pertumbuhan tahunan terkumpul sebanyak 125% dari segi bilangan transaksi sejak perkhidmatannya mula ditawarkan pada tahun 2012. Peningkatan ini memberi gambaran yang positif terhadap trend penggunaan kad semasa membuat pembayaran. BSN mensasarkan EB BSN akan terus meningkat kepada 7,000 EB BSN menjelang penghujung tahun 2016 bagi memperkukuhkan lagi mandat yang diberikan kepada BSN untuk menyediakan akses perkhidmatan kewangan di kawasan luar bandar.

BSN takes pride in being the pioneer bank in Malaysia to introduce BSN Banking Agent (EB BSN) back in January 2012. The EB BSN concept serves to bring basic banking facilities closer to underserved communities and is in support of Bank Negara Malaysia's financial inclusion agenda. In the beginning, the EB BSN network started with 200 agents comprising mostly retail outlet owners as they had closer interaction within the communities in which they operate. Starting with only five transactions made available at EB BSN premises, namely cash deposits, withdrawals, bill payments, eSSP purchase and cashless payment; EB BSNs has now progressed to seven transactions, with the addition of prepaid top-up and account opening transactions, to better serve customers' needs. Transactions at EB BSNs are made via a handheld point-of-sales (POS) terminal and are real-time and formless, creating ease of banking.

At the end of December 2015, the EB BSN network has grown to a total number of 6,238 agents nationwide. The total number of transactions conducted through the EB BSN has exceeded 60 million, with a total value of more than RM4.54 billion. A total of 886 (or 96%) sub-districts (*mukim*) in Malaysia are served by EB BSNs. Cashless payment has recorded a significant compounded annual growth transaction rate of 125% since launch, indicating a positive change in consumer trend of using cards in making payment.

By the end of 2016, BSN is targeting to achieve a total of 7,000 EB BSNs to further strengthen the mandate given to us to provide access to financial services in rural areas.

PEMBIAYAAN MIKRO MICRO FINANCE

BSN adalah sebuah Institusi Kewangan Mikro (MFI) yang dimandatkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menawarkan pembiayaan kepada usahawan mikro sejak 2007. BSN telah meningkatkan pegangan dalam pasaran pembiayaan kewangan mikro di Malaysia dan kini merupakan peneraju pasaran dalam sektor pembiayaan mikro dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM543.4 juta. Walaupun persekitaran ekonomi semakin mencabar, pembiayaan mikro terus berkembang di mana usahawan mikro terus giat memainkan peranan dalam pertumbuhan negara. Sejak tahun 2007, BSN telah menawarkan perkhidmatan kepada lebih 30,000 usahawan mikro dan akan terus gigih dalam meningkatkan usaha untuk membantu golongan ini. Sejak lima tahun yang lalu, BSN telah menawarkan pembiayaan mikro kepada peniaga-peniaga pasar malam, penduduk kampung baharu Cina dan perniagaan mikro yang terjejas akibat banjir pada tahun 2015. BSN juga telah menawarkan Pembiayaan Mikro menggunakan konsep 'Tawarruq' sejak 2014 bagi memenuhi keperluan pembiayaan Islamik untuk pelanggan.

BSN is a mandated Micro Finance Institution (MFI) by Bank Negara Malaysia and has offered financing to micro entrepreneurs since 2007. Since then, BSN had continued to expand its market share and is currently the market leader in Micro Finance with a total financing of RM543.4 million. It is encouraging to see that despite the challenging economic environment, micro financing continues to grow and micro entrepreneurs continue to play an active role in the growth of the country. BSN has served more than 30,000 micro entrepreneurs since 2007 and will continue to beef up efforts to assist more.

Over the past five years, the micro finance scheme has also been extended to night market traders, Chinese new villagers and to micro businesses affected by floods in 2015. BSN has also developed Micro Finance with 'Tawarruq' concept in 2014 in order to better meet customer's needs for Islamic financing.



DEPOSIT PELAJAR SEKOLAH SCHOOLCHILDREN DEPOSITS



BSN terus memperkukuhkan mandatnya dalam memupuk amalan menyimpan di kalangan penabung muda, terutamanya di kalangan pelajar-pelajar sekolah di Malaysia. Menerusi Kelab Penyimpan Muda (KPM) dan Skim Galakan Simpanan Pelajar (SGSP), BSN telah berjaya meningkatkan jumlah keahlian, simpanan dan penyertaan daripada sekolah-sekolah dan para pelajar menerusi pelbagai aktiviti, kempen dan program kesedaran.

Sepanjang tahun 2015, BSN berjaya menganjurkan *BSN School Program* di beberapa buah sekolah terpilih di seluruh negara. Antara aktiviti semasa *BSN School Program* berlangsung adalah pertandingan mencungkil bakat kanak-kanak dan pertandingan mewarna bagi mengutip derma untuk sekolah-sekolah terlibat selain menggalakkan para pelajar menyertai skim SGSP dan KPM. Faktor utama kejayaan program ini adalah hasil daripada kerjasama yang erat di antara BSN dan Kementerian Pendidikan (MOE) dimana BSN diberi kebenaran untuk mengendalikan *BSN School Program* di sekolah-sekolah rendah terpilih di seluruh negara. Dengan kerjasama ini, BSN dapat menjalin hubungan baik dengan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) di setiap sekolah yang terlibat. Selain itu, bagi memperkukuhkan penampilannya di kalangan masyarakat bukan Melayu, *BSN School Program* juga telah diadakan di sekolah-sekolah jenis kebangsaan. Setakat 31 Disember 2015, BSN School Program telah berjaya mengumpul sebanyak RM39.96 juta deposit iaitu melebihi sasaran Bank sebanyak RM27.54 juta. Antara 54 buah sekolah yang terlibat dalam karnival ini, 18 buah sekolah adalah merupakan sekolah jenis kebangsaan Cina.

Bagi mendidik para pelajar mengenai ilmu dan pengurusan kewangan, BSN juga mengendalikan program *BSN Educate*. Beberapa aktiviti seperti pertandingan mewarna, permainan dan kuiz dijalankan semasa hari ko-kurikulum. Bank juga membuka kaunter untuk menerima deposit daripada para pelajar (menerusi guru-guru mereka) bagi membuka akaun BSN GIRO. Bagi tahun 2015, program ini telah menarik minat sejumlah 53,882 peserta dengan jumlah simpanan sebanyak RM47.54 juta.

Untuk kemudahan perbankan dan bagi meningkatkan deposit dari kalangan pelajar sekolah, BSN juga telah melantik lebih 100 buah koperasi sekolah termasuk koperasi MRSM, koperasi sekolah rendah dan koperasi sekolah menengah sebagai ejen bank. Untuk terus menerajui dan menggalakkan simpanan pelajar-pelajar sekolah, KPM telah melalui penjenamaan semula dan dikenali sebagai BSN Smart Junior (BSJ) pada 15 Disember 2015.

BSN continues to strengthen its mandated role of mobilising savings among small savers, particularly among Malaysian schoolchildren. Through the Young Savers Club (KPM) and *Skim Galakan Simpanan Pelajar* (SGSP) BSN has managed to increase membership, savings and participations from schools and students through various activities, campaigns and awareness programmes.

Throughout 2015, BSN successfully organised the BSN School Carnival at selected schools nationwide. Part of the activities under the BSN School Carnival include kids talent and coloring contests to raise funds for the schools as well as to encourage student savers to join SGSP scheme and KPM. One key success factor of the programme is largely attributed to the Bank's collaboration with the Ministry of Education (MOE). With this collaboration, the Bank has been given approval to run the BSN School Carnival at selected primary schools nationwide and is able to establish close ties with each of the schools' Parents Teachers Association (PTA). Additionally, to strengthen its presence among non-Malay communities, the BSN School Carnival was also held at vernacular schools. As at 31 December 2015, the School Carnival had attracted RM39.96 million in deposits surpassing the Bank's target of RM27.54 million. Furthermore, out of 54 schools where the carnivals were held, 18 were Chinese vernacular schools.

To educate students on financial literacy and management, BSN also runs the BSN School Educate programme. Activities such as coloring contests, games, and quizzes were conducted during the co-curriculum day. The Bank also had a counter open to receive deposits from the students (via their teachers) to open BSN GIRO accounts. In 2015, the programme attracted a total of 53,882 participants with total savings of RM47.54 million.

For banking convenience and to increase deposits from schoolchildren, BSN had also appointed more than 100 schools cooperatives including MRSM cooperative, primary and secondary school cooperatives, as bank agents. Moving forward, KPM has been rebranded as BSN Smart Junior (BSJ) on 15 December 2015.

HASIL PEMBANGUNAN DAN OUTPUT SEKTOR YANG DIMANDATKAN DEVELOPMENT OUTCOME AND MANDATED SECTOR OUTPUT

Menyokong agenda Kerajaan dengan menyediakan pembiayaan kepada golongan belia (berkahwin) untuk membeli rumah pertama mereka.

Membangun dan mempromosikan Skim Perumahan Belia (SPB) iaitu pakej pembiayaan untuk pembeli rumah pertama yang berusia di antara 25 dan 40 tahun dengan pendapatan isi rumah bulanan tidak melebihi RM10,000.

In support of the government's agenda to provide financing to the (married) youth to purchase their first home.

Develop and promote the Youth Housing Scheme (YHS), a financing package for first-time house buyers between the ages of 25 and 40 years and whose monthly household income does not exceed RM10,000.

Setakat 31 Disember 2015 As at 31 Dec 2015

Permohonan Applications
1,242 akaun accounts

RM301.7 juta mil

Diluluskan Approved
611 akaun accounts

RM152.1 juta mil

Ditolak Rejected
599 akaun accounts

RM141.4 juta mil

Menanti Kelulusan Pending Approval
32 akaun accounts

RM8.2 juta mil

Pembayaran Disbursed
112 akaun accounts

RM20.5 juta mil

Jumlah Baki Pinjaman
Loan Outstanding

RM20.5 juta mil

Memperluaskan akses kepada perkhidmatan kewangan terutamanya di kawasan luar bandar menerusi pertambahan Ejen Bank BSN (EB BSN).

Increase convenient access to financial services, especially in rural areas through the expansion of BSN Banking Agents (EB BSN).



Setakat 31 Disember 2015 As at 31 Dec 2015

6,238

Ejen dilantik
Agents appointed

74 %

Liputan di kawasan
luar bandar
Coverage in rural areas

12,796

Akaun simpanan dibuka berjumlah
Savings account opened amounting to
RM551,832

PENCAPAIAN PERANAN PEMBANGUNAN/DIMANDATKAN

DISCLOSURE ON DEVELOPMENTAL/MANDATED ACHIEVEMENTS

Mempromosi dan memupuk amalan menyimpan, terutamanya di kalangan penyimpan kecil dan menerapkan amalan menyimpan sejak usia muda.

Promote and mobilise savings, particularly from small savers and inculcate savings' habit from young

Simpanan daripada pelajar-pelajar sekolah

Meningkatkan jalinan kerjasama dengan sekolah-sekolah menerusi program-program seperti *BSN School Carnival* (dengan sekolah rendah) dan program-program *BSN Educate*.

School children deposits

Increase collaboration with schools through school programmes such as the BSN School Carnival (with primary schools) and BSN Educate programmes.

Kerjasama dengan
Collaboration established with

54 buah sekolah rendah
primary schools

Pertumbuhan deposit daripada program simpanan pelajar sekolah
Growth in deposits from school programmes

RM194.6 juta mil

Menggembelingkan deposit runcit.

Mobilisation of retail deposits.

Pertumbuhan deposit runcit berjumlah
Total retail deposit growth of

RM911.3 juta mil

Pembiayaan usahawan mikro

- Mengekalkan kedudukan sebagai peneraju pembiayaan mikro negara.
- 49% pegangan dalam pasaran Pembiayaan Mikro dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM543.4 juta daripada pelbagai produk/skim Pembiayaan Mikro. (Pertumbuhan: RM53.6 juta)

Financing micro entrepreneurs

- Maintain position as the lead Micro Finance provider in the country.
- 49% market share of Micro Finance industry with a total financing of RM543.4 million from various Micro Finance products/schemes. (Growth: RM53.6 million)



49 %

Pegangan dalam Pasaran Pembiayaan Mikro

Market Share of Micro Finance Industry

KESAKSAMAAN ORGANISASI ORGANISATIONAL SOUNDNESS



Kemampuan Kewangan
Financial sustainability

0.5 %

Pulangan ke atas Aset
Return on Assets

7 %

Pulangan ke atas Ekuiti
Return on Equity

14.8 %

Nisbah Modal Berwajaran Risiko
Risk Weighted Capital Ratio

TINJAUAN STRATEGIK

STRATEGIC OUTLOOK



“Menggapai kehidupan yang lebih baik.

A better life within your reach”

Sejajar dengan visi korporat baharu kami iaitu “Tiada Rakyat Malaysia yang ketinggalan”, BSN terus berpegang teguh dengan komitmennya untuk menyediakan perkhidmatan yang baik kepada setiap lapisan masyarakat di Malaysia. Penjenamaan semula yang menyeluruh pada akhir tahun 2015 telah memberi nafas baru kepada jenama BSN. Menggunakan momentum penjenamaan semula tersebut, BSN berhasrat dapat menyampaikan jaminan jenamanya yang baharu iaitu “Menggapai kehidupan yang lebih baik”. Teras strategik BSN adalah berpaksikan empat aspek utama iaitu khidmat pelanggan, inovasi, proses dan teknologi.

BSN beriltizam akan mempertingkatkan keupayaan dan daya saing kakitangannya dalam produk dan perkhidmatan Bank menerusi latihan intensif dan perkongsian maklumat bagi memastikan tahap penyampaian khidmat pelanggan dapat terus dipertingkatkan. BSN juga akan terus berusaha menerapkan nilai-nilai teras baharunya, CARE iaitu *Committed* (Komited), *Agile* (Cerdas dan Tangkas), *Respectful* (Menghormati) dan *Ethical* (Beretika) di kalangan kakitangan bagi memastikan pelanggan berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan.

BSN akan memperkenalkan produk-produk baharu ke dalam pasaran bagi mengatasi jurang antara produk sedia ada dan dalam beberapa segmen pelanggan seperti golongan belia (lepasan universiti dan golongan profesional), golongan berpendapatan tinggi dan segmen bukan Bumiputera. Seterusnya, produk-produk BSN akan dibangunkan berdasarkan falsafah produk BSN yang baharu di mana tumpuan akan diberikan kepada keperluan golongan berpendapatan tinggi. Walaubagaimanapun, penekanan terhadap produk untuk pelanggan sedia ada dan segmen yang dimandatkan akan terus diberi perhatian bagi memastikan kepuasan pelanggan.

Untuk meneruskan pelaksanaan mandatnya dalam menyokong agenda rangkuman kewangan Bank Negara Malaysia, BSN akan terus memperkukuhkan semua saluran penyampaian. Ini bagi memastikan agar semua segmen masyarakat terus mendapat akses perbankan asas dengan mudah. Justeru itu, BSN akan melengkapkan rangkaian cawangan dengan pertambahan bilangan Ejen Bank BSN (EB BSN), yang kini meliputi 886 mukim (96%) di Malaysia. Kami akan terus berusaha mempertingkatkan lagi kapasiti operasi dan kecekapan proses perniagaan.

Bagi memastikan inisiatif-inisiatif ini berjalan lancar, BSN akan terus menaiktaraf sistem teknologi perbankannya sebagai pemboleh utama. *Virtual Teller Machine BSN* (VTM) adalah yang pertama di Malaysia, membuktikan hasrat BSN untuk sentiasa memperbaiki tahap perkhidmatannya. Selain itu, 2016 akan menjadi tahun yang penting di mana sistem Core Banking yang baharu akan mula beroperasi untuk memastikan kelancaran dan pertambahan keupayaan operasi. Kami juga akan membangunkan aplikasi perbankan mudah alih bagi menyokong platform jualan dan pemasaran yang telah diperbaharui. Dengan inisiatif ini, para pelanggan kami dapat menikmati perkhidmatan kewangan yang lebih *personalised* dan profesional.

Walaupun persekitaran perniagaan pada tahun 2016 dijangka mencabar, BSN berhasrat mengambil peluang daripada momentum yang diperolehi melalui penjenamaan semula korporat bagi meluaskan perniagaan deposit dan pinjaman/pembiayaan untuk

produk-produk terpilih seperti Skim Perumahan Belia, Sewa Beli dan Kad Kredit. Bagi produk deposit, Bank merancang untuk menambah tawaran produk Sijil Simpanan Premium (SSP) selain merombak program-program sekolahnya.

In line with the new corporate vision of “No Malaysian Left Behind”, BSN continues to uphold its commitment to serve Malaysians from all walks of life. Leveraging on the rebranding exercise in late 2015, BSN will ride on the momentum gained from a revitalised brand image to deliver its brand promise - “A better life within your reach”. The strategic thrust of BSN is anchored on four key areas, which are customer service, innovation, process and technology.

BSN endeavours to elevate the knowledge of our staff on the Bank's product and service offerings through intensive training and information sharing to deliver high-quality customer service standards. BSN also undertakes to continue to imbue the Bank's new core values, C.A.R.E, i.e. Committed, Agile, Respectful and Ethical, in our staff to ensure our customers are satisfied with services offered.

BSN will introduce new products into the market to address the gaps in product offerings and lack of focus in certain customer segments such as the youths (university graduates and young working professionals), high-income earners and non-Bumiputera segment. Moving forward, BSN products will be developed based on BSN's new product philosophy whereby a greater focus will be directed towards serving the needs of the mass affluent. However, emphasis will still be placed on serving the demands of our existing customers and mandated segments to ensure customer satisfaction.

To continue delivering its mandate in support of Bank Negara Malaysia's financial inclusion agenda, BSN will further strengthen all delivery channels. This is to ensure all segments of society continue to have banking access within their reach. Therefore, BSN will enhance its branch network with an increased number of BSN Banking Agents (EB BSN), which now covers 886 (or 96%) sub-districts (*mukim*) in Malaysia. We will continue to invest in further improving operational capacity and efficiency of business processes.

In ensuring smooth delivery of the initiatives, BSN will continue to upgrade banking technology as a key enabler. The introduction of the Virtual Teller Machine, a first in Malaysia, is a statement of intent by BSN in embracing technology to continuously improve our services and standards. In addition, 2016 will be a landmark year as the new Core Banking system will be operational to ensure more efficient and capable operations. We will also be developing a mobile banking application to support a revitalised sales and marketing platform. With this initiative, our customers can enjoy more personalised and professional financial services.

Although 2016 is expected to offer a more challenging operating environment, BSN endeavours to take advantage of momentum gained from our Corporate rebranding initiative to robustly grow our loans/financing and deposit business albeit in selected products, for example the Youth Housing Scheme, Hire Purchase and Credit Cards. For deposits, the Bank is looking at enhancing its *Sijil Simpanan Premium* (BSN SSP) product offering and revamping its school programmes.

LAPORAN AKTIVITI



Kempen '10 POWER BSN SSP' memperkasakan nilai RM10 yang kini menjadi kurang relevan kepada rakyat Malaysia.
The 'BSN SSP 10 POWER' campaign empowered the RM10, a denomination which was becoming irrelevant to Malaysians.

31 Januari/January 2015

Sri Pentas, Bandar Utama, Petaling Jaya

BSN TAWAR LEBIH 88,000 GANJARAN BSN SSP BERNILAI RM18 JUTA

Tahun 2015, menyaksikan produk simpanan BSN Sijil Simpanan Premium (BSN SSP) melancarkan kempen baru dengan moto '10 Powerr BSN SSP' yang bertujuan untuk menarik minat masyarakat untuk menabung. Rasional 10 Powerr merupakan galakan untuk menabung yang bermula hanya dengan serendah RM10, namun, simpanan di BSN SSP boleh memberi nilai yang lebih melalui peluang menikmati ganjaran hebat.

BSN menawarkan lebih 88,000 hadiah Cabutan BSN SSP bernilai RM18 juta berbanding 61,000 hadiah pada tahun sebelumnya. Hadiah-hadiah yang ditawarkan termasuklah kereta mewah BMW dan Mercedes Benz, Perodua Axia, gajet elektronik serta simpanan BSN SSP. Ia turut memperkenalkan empat cabutan BSN SSP 2015 iaitu Cabutan Istimewa, Bulanan, Tempatan dan yang terbaharu ialah Cabutan Mingguan.

BSN mengekalkan hadiah BSN SSP RM1 juta sebagai hadiah utama bagi Cabutan Istimewa, manakala Cabutan Bulanan dikekalkan kepada hadiah kereta mewah BMW dan Mercedes Benz yang dicabut sebulan sekali. Bagi Cabutan Tempatan, BSN menawarkan hadiah baharu berupa kereta Perodua Axia untuk 13 pemenang di setiap negeri pada setiap bulan. Manakala Cabutan Mingguan, hadiah berupa simpanan BSN SSP dicabut setiap dua kali seminggu.

Pembaharuan kepada jenis cabutan dan tambahan hadiah pada tahun ini merupakan komitmen BSN untuk menggalakkan orang ramai untuk terus menyimpan bersama BSN SSP.



Datuk Johari Abdul Ghani, Timbalan Menteri Kewangan menyampaikan replika kunci BMW 320i kepada pemenang bulan November iaitu A. Gunavathy dari Selangor. *Datuk Johari Abdul Ghani, Deputy Minister of Finance, delivers the replica key of a BMW 320i to November's winner, A. Gunavathy from Selangor.*



Tan Sri Abu Bakar bersalam dengan Datuk Johari ditemani oleh Ahmad Latfan Mohd Amran dan Dato' Mearia Hamzah. *Tan Sri Abu Bakar shaking hands with Datuk Johari, accompanied by Ahmad Latfan Mohd Amran and Dato' Mearia Hamzah.*

BSN OFFERS OVER 88,000 BSN SSP REWARDS WORTH RM18 MILLION

In 2015, BSN launched a new campaign for Premium Savings Certificate (BSN SSP) themed '10 Powerr BSN SSP', to attract more people to save. The rationale behind the 10 Powerr campaign was to provide an incentive to start saving from as low as RM10 and yet potentially gain added value as BSN SSP savings provide the opportunity for enjoying great rewards.

In addition, BSN offered over 88,000 BSN SSP Draw prizes worth RM18 million compared with 61,000 the previous year. The prizes included BMWs and Mercedes Benzs, Perodua Axias, electronic gadgets and BSN SSP savings. Four BSN SSP draws were held in 2015 - the Special Draw, Monthly Draw, Local Draw and the latest was the Weekly Draw.

BSN SSP maintained RM1 million as the main prize for the Special Draw, while the Monthly Draw retained BMW and Mercedes Benz luxury cars as top monthly prizes. For the Local Draw, BSN offered the Perodua Axia as the new prize to 13 winners of every state, every month. While for the Weekly Draw, BSN SSP savings were up for grabs every fortnight.

The additional prizes and number of draws reflect BSN's commitment to encourage people to save via the BSN SSP.

ACTIVITY REPORT



Bergambar bersama rombongan dari Persatuan Dyslexia Malaysia.
Posing with the entourage from the Dyslexia Association of Malaysia.



Pemberian cenderahati di berikan kepada rombongan sebelum mereka pulang. *Presenting a gift to the group before they headed back.*

27 Januari/January 2015 Rooftop, Wisma BSN

PENYERAHAN SUMBANGAN BSN PNM 2014 KEPADA PERSATUAN DYSPLEXIA MALAYSIA



BSN telah menyumbang sebanyak RM100,000 kepada Persatuan Dyslexia Malaysia melalui BSN Putrajaya Night Marathon (BSN PNM) 2014 yang telah berjaya menarik penyertaan lebih 12,000 peserta. Sumbangan ini telah diraih menerusi kategori Larian Tanggungjawab Sosial Korporat 10 km dimana ianya merupakan sebahagian daripada aktiviti tanggungjawab sosial BSN. BSN komited dan akan terus prihatin dalam memastikan golongan yang memerlukan mendapat bantuan dan sokongan supaya mereka dapat menikmati kehidupan yang lebih baik.

Kedatangan rombongan pelajar-pelajar dan guru-guru dari persatuan tersebut disambut oleh Pengerusi serta Pengurusan Kanan BSN dan turut di bawa melawat sekitar bangunan dan kaunter operasi bank.

BSN PNM's 2014 CONTRIBUTION TO THE DYSPLEXIA ASSOCIATION OF MALAYSIA

BSN contributed RM100,000 to the Dyslexia Association of Malaysia through the BSN Putrajaya Night Marathon (BSN PNM) 2014 which attracted over 12,000 participants. The contribution was raised through the Corporate Social Responsibility (CSR) 10 km Corporate Run which is one of BSN's social responsibility initiatives. BSN is committed and will continue to ensure that those in need will receive help and support in order to enjoy a better life.

The arrival of a group of students and teachers from the association were welcomed by BSN's Chairman and Senior Management and escorted for a visit around the Bank's building and operation counters.



BSN PNM merupakan salah satu platform bagi menyalurkan sumbangan kepada golongan yang memerlukan. *BSN PNM is one of the platforms BSN uses to provide donations to the needy.*



Para pemenang kempen 'Cuti-Cuti BSN'.
The winners of the 'Cuti-Cuti BSN' campaign.



Majlis penyampaian hadiah kepada pemenang disempurnakan oleh Dato' Mearia Hamzah.
The prizegiving ceremony to the winners was officiated by Dato' Hamzah Mearia.

10 Februari/February 2015

Maya Hotel, Kuala Lumpur

MAJLIS PENYERAHAN HADIAH KEPADA PEMENANG KEMPEN 'CUTI-CUTI BSN'

BSN telah mengumumkan pemenang bagi kempen 'Cuti-Cuti BSN' yang berlangsung dari September hingga Disember 2014. Pada majlis tersebut 10 pemenang utama dan 40 pemenang bulanan telah diumumkan. Sepuluh pemenang utama dipilih berdasarkan transaksi deposit yang dilakukan melebihi RM250,000 manakala pemenang bulanan pula dipilih berdasarkan transaksi deposit melebihi RM80,000 dengan menggunakan Kad Debit Visa payWave BSN. Para pemenang turut berpeluang menikmati percutian ke Korea dan Singapura.

Menerusi kempen ini, BSN telah menerima sehingga 6.5 juta penyertaan dengan 16,000 pembukaan akaun baru dan lebih 72,000 pertukaran kad kepada Kad Debit Visa payWave BSN sepanjang kempen ini berlangsung.

PRIZEGIVING CEREMONY FOR WINNERS OF THE 'CUTI-CUTI BSN' CAMPAIGN

BSN announced the winners of the 'Cuti-Cuti BSN' campaign which ran from September to December 2014. During the event, 10 grand prize winners and 40 monthly winners were announced. The top ten winners were selected based on deposit transactions of over RM250,000, while the monthly winners were selected based on deposit transactions exceeding RM80,000 using the BSN Visa payWave Debit Card. The winners also enjoyed a trip to Korea and Singapore.

This campaign attracted up to 6.5 million entries and recorded 16,000 new account openings and saw over 72,000 cards being exchanged for the BSN Visa payWave Debit Card throughout its duration.

5 Mac/March 2015

Wisma RKT, Jalan Raja Abdullah, Kuala Lumpur



PUSAT PEMBIAYAAN AUTOMOBIL BSN YANG PERTAMA

BSN telah melancarkan Pusat Pembiayaan Automobil (AFC) BSN yang pertama bertempat di Wisma RKT, Jalan Raja Abdullah, Kuala Lumpur. Mula beroperasi sejak Disember 2014, ianya mempunyai kakitangan seramai hampir 40 orang yang sedia membantu para pelanggan menjalankan urusan pembelian kenderaan dari jam 9 pagi hingga 5 petang.

Selain daripada produk pembiayaan lain yang BSN tawarkan, perkhidmatan 'Sewa Beli' telah menjadi tunjang utama kepada BSN dalam memenuhi keperluan pembiayaan kenderaan pelanggan dan pelancaran AFC BSN ini adalah seiring dengan usaha BSN dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada para pelanggan. Proses sewa beli kenderaan pelanggan boleh dijalankan dengan lebih cepat dan berkesan dalam mencapai sasarannya untuk menyumbang sehingga 10% daripada pendapatan keseluruhan Bank dalam masa tiga tahun.

BSN'S FIRST AUTO FINANCE CENTRE

BSN launched its first Auto Finance Centre (AFC) at Wisma RKT, Jalan Raja Abdullah, Kuala Lumpur. Operational since December 2014, it is supported with almost 40 trained staff ready to assist customers with their automobile financing from 9am to 5pm.

In addition to other financing products offered by BSN, 'Hire Purchase Loans' have been a key pillar to BSN in meeting the vehicle financing needs of customers, thus the launch of BSN AFC is in line with BSN efforts in providing the best service to our customers. The vehicle hire purchase process is now faster for customers and more effective in achieving its target of contributing up to 10% of the Bank's overall revenue within three years.



Kaunter perkhidmatan yang sedia membantu pelanggan menjalankan urusan pembiayaan sewa beli. *Responsive counter service to help customers process their hire purchase financing.*



Datuk Adinan Maning menandatangani plak perasmian. *Datuk Adinan Maning signing the inauguration plaque.*



BSN merupakan pengeluar terbesar kad debit Visa PayWave di Malaysia. *BSN is the largest card issuer of Visa payWave debit cards in Malaysia.*

12 Mac/March 2015 Wisma BSN, Kuala Lumpur

BSN RAIH PENCAPAIAN PENGELUARAN 1 JUTA KAD DEBIT

Kad Debit Visa payWave BSN telah meraih pencapaian lebih 1 juta dalam masa satu tahun sejak diperkenalkan pada Disember 2013. Kad ini merupakan satu-satunya kad pelbagai aplikasi 5-dalam-1 yang disambungkan kepada akaun simpanan BSN (Giro atau Giro-i) dengan teknologi tanpa sentuh yang amat mudah, cepat dan selamat tanpa perlu menggunakan PIN (Nombor Pengenalan Peribadi) atau menurunkan tandatangan. Pencapaian ini merupakan satu lagi kejayaan yang boleh dibanggakan oleh BSN sempena ulang tahunnya yang ke-40.

Majlis pelancaran serta promosi kad debit ini telah dijalankan dengan jayanya selama tiga hari berturut-turut di Berjaya Times Square, Kuala Lumpur dengan Kempen "You Against Debt" dalam memupuk perbelanjaan berhema dan menggalakkan belia Malaysia untuk hidup bebas hutang. Kempen ini telah mendapat liputan meluas di media-media sosial sepanjang tempoh kempen itu dijalankan.

Lain-lain kempen dan juga aktiviti yang menarik berkaitan dengan Kad Debit Visa payWave BSN adalah kempen "Swipe and Drive" kolaborasi pihak BCard dan Caltex yang berlangsung sehingga 14 Mac 2015 di mana pemegang Kad Debit Visa payWave BSN/i boleh turut menyertai kempen tersebut.

BSN CELEBRATES THE ACHIEVEMENT OF ONE MILLION DEBIT CARDS

BSN celebrated its achievement of more than one million BSN Visa payWave Debit cards within one year since it was introduced in December 2013. This card is the only 5-in-1 multi-application card connected to BSN savings account (Giro or Giro-i) with contactless technology that is easy, fast and secure without having to use a PIN (Personal identification Number) or signature. This was another milestone and commendable achievement celebrated in conjunction with BSN's 40th anniversary.

The launch and promotion of the debit cards was held successfully for three consecutive days at Berjaya Times Square, Kuala Lumpur in conjunction with the 'You Against Debt' campaign to foster prudent spending and encourage young Malaysians to live debt free. The campaign was widely covered in the social media throughout the campaign duration.

Other interesting campaigns associated with the BSN Visa payWave Debit Card included the 'Swipe and Drive' campaign collaboration between BCard and Caltex, which ran until 14 March 2015. BSN Visa payWave Debit cardholders were also eligible to participate in this campaign.



17 April/April 2015

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) BAGI PROGRAM KARNIVAL SEKOLAH BSN 2015

BSN dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menandatangani memorandum persefahaman bagi Program Karnival Sekolah BSN 2015, bersama empat buah sekolah yang dipilih di setiap negeri menjadikan jumlah sekolah sebanyak 52 buah di seluruh Malaysia. Karnival ini bermula dari 1 May sehingga 30 November 2015, melibatkan Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Rendah Kebangsaan (SRK), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT).

Karnival ini merupakan inisiatif BSN dalam membantu pihak sekolah meningkatkan dana sekolah melalui jualan amal dan aktiviti yang dijalankan. BSN turut menaja RM10,000 untuk setiap sekolah yang terpilih menjalankan aktiviti-aktiviti sepanjang program ini dengan RM5,000 bagi melaksanakan karnival dan RM5,000 lagi sebagai hadiah wang tunai pertandingan bakat dan mewarna.

Penglibatan BSN akan memberi pendedahan kepada pelajar mengenai produk-produk BSN selain memberi kesedaran budaya menabung yang perlu dipupuk di peringkat awal lagi melalui Kelab Penabung Muda (KPM) dan Skim Galakan Simpanan Pelajar (SGSP).

MEMORANDUM OF UNDERSTANDING (MOU) FOR BSN SCHOOL CARNIVAL PROGRAMME 2015

BSN, in collaboration with the Ministry of Education (MOE), signed a Memorandum of Understanding (MOU) with four chosen primary schools from every state in conjunction with the BSN School Carnival 2015 programme; involving a total of 52 schools nationwide. The Carnival which was held from 1 May until 30 November 2015 involved Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Rendah Kebangsaan (SRK), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) and Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT).

The carnival is a BSN initiative to help schools raise funds through charity sales and school activities. BSN also donated RM10,000 to each selected school to run the activities of this programme, with RM5,000 directed for the implementation of the carnival and another RM5,000 as cash prizes for the talent and colouring competitions.

BSN's involvement exposes students to BSN products besides nurturing awareness of a savings culture at an early stage through the Young Savers Club (KPM) and the *Skim Galakan Simpanan Pelajar* (SGSP).



Noraini Mohd Johan, Pengarah Perniagaan Negeri Kuala Lumpur, BSN menyampaikan memorandum kepada wakil sekolah. *Noraini Mohd Johan, Kuala Lumpur Business Director of BSN, presenting the memorandum to a school representative.*



Para pelajar yang memenangi pertandingan bakat sempena Program Karnival Sekolah BSN 2015. *Students who won the talent competition in conjunction with BSN's School Carnival Programme 2015.*



24 April/April - 3 Mei/May 2015
PWTC, Kuala Lumpur

PESTA BUKU ANTARABANGSA KUALA LUMPUR 2015 (PBAKL)

Buat kali kedua berturut – turut, BSN telah menjadi penaja rasmi bagi Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) yang dianjurkan di PWTC, Kuala Lumpur bermula dari 24 April hingga 3 Mei 2015. Ianya telah diadakan dengan jayanya dan telah menerima kunjungan seramai lebih 2 juta pengunjung.

Dengan tema yang dibawa 'Buku: Menjana Kepintaran Kreatif', BSN mendapat sambutan yang amat menggalakkan sepanjang pesta ini berlangsung dengan peningkatan jualan bagi simpanan BSN SSP, pembukaan akaun, kad kredit dan lain-lain.

KUALA LUMPUR INTERNATIONAL BOOK FAIR 2015 (KLIBF)

For the second consecutive year, BSN became the official sponsor of the Kuala Lumpur International Book Fair (KLIBF) held at PWTC, Kuala Lumpur from 24 April to 3 May 2015. It was held successfully and received over 2 million visitors.

Supported by the theme 'Books: Generating Creative Intelligence', BSN received overwhelming response during the fair, with increased enrolment of BSN SSP savings, account openings, application of credit cards and others.



Para pengurusan kanan BSN bersama wakil-wakil sekolah. *The senior management of BSN with the school representatives.*

28 April/April 2015 Everly Hotel, Putrajaya

MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH SKIM GALAKAN SIMPANAN PELAJAR (SGSP)

Majlis penyampaian hadiah bagi Skim Galakan Simpanan Pelajar (SGSP) BSN peringkat kebangsaan bagi tahun 2014 telah mencatat penyertaan lebih 567,000 pelajar dan lebih 6,800 sekolah dengan simpanan lebih RM514 juta. Jumlah ini merupakan peningkatan sebanyak 100% berbanding pada 2013 yang mencatatkan simpanan melebihi RM376 juta dengan penyertaan daripada 567,000 pelajar dan lebih 5,600 sekolah.

Para pelajar yang menyertai SGSP ini berpeluang untuk memenangi hadiah – hadiah daripada tiga kategori iaitu Kategori Individu, Sekolah dan Tabungan Berhemah. Usaha ini dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dapat mempertingkatkan usaha dalam mendekati komuniti setempat menerusi Program Celik Kewangan yang bertujuan memupuk sifat menabung berpanjangan dalam diri pelajar.

Dengan adanya skim ini, ianya dapat memupuk pelajar menabung dan pada masa yang sama, menawarkan hadiah wang tunai berdasarkan peningkatan bersih bagi jumlah simpanan, kekerapan simpanan dan purata simpanan.

PRIZE GIVING FOR 'SKIM GALAKAN SIMPANAN PELAJAR (SGSP)'

The prize presentation ceremony for BSN's *Skim Galakan Simpanan Pelajar (SGSP)* at national level for the year 2014 recorded the participation of over 567,000 students and more than 6,800 schools with over RM514 million savings achieved. This amount represents an increase of 100% compared to 2013 which recorded savings of more than RM376 million with the participation of 567,000 students and over 5,600 schools.

Students participating in the SGSP stood a chance to win under three categories: Individual, School and Prudent Savings. This initiative is in collaboration with the Ministry of Education to increase efforts in reaching out to local communities through its Financial Literacy Programme which aims to foster a lifelong habit of saving among students.

The scheme is to encourage the students to save money and at the same time, motivates students with cash prizes, based on the net increase in total deposits, the frequency of saving and average sum of savings deposits.



1 Jun/June 2015 Wisma BSN, Kuala Lumpur

'IMPIAN TUNAI 8 KINI KEMBALI'

Bersempena dengan sambutan Hari Guru 2015, BSN telah melancarkan kempen eksklusif untuk pemegang kad kredit/i 1TeachersCard iaitu "Impian Tunai 8 Kini Kembali" buat kali ketiga. Kempen yang berlangsung dari 14 Mei hingga 14 September 2015 dengan bertemakan angka lapan selaras dengan kadar istimewa 8.88% yang ditawarkan. Hadiah utama berupa pulangan tunai RM88,888 untuk seorang pemenang; RM8,888 untuk dua orang pemenang setiap bulan dan RM888 untuk dua orang pemenang setiap minggu. Nilai hadiah yang ditawarkan menerusi

kempen ini berjumlah hampir RM200,000 dengan hanya perlu berbelanja minimum RM88 dengan Kad Kredit/i 1TeachersCard bagi melayakkan diri menyertai kempen ini.

Kad Kredit 1TeachersCard MasterCard turut menawarkan pelbagai ciri dan faedah istimewa khusus kepada komuniti guru yang mementingkan penjimatan, ganjaran, gaya hidup dan saluran pembayaran yang mudah. Pemegang kad dapat menikmati ganjaran melalui program '*BSN Reward Points*' bagi setiap ringgit yang dibelanjakan di mana para pemegang Kad Kredit 1TeachersCard boleh menebus mata ganjaran yang dikumpul untuk Enrich Miles, cenderahati, bawcar membeli-belah serta bawcar makanan pada bila-bila masa.



Pemberian percuma tiket bas dan keretapi kepada para pelajar UPM, Serdang.
Providing free bus and train tickets to students of UPM, Serdang.



Frederick Siew memberi sedikit buah tangan kepada pesakit di wad Paediatric, HUKM.
Frederick Siew presenting souvenirs to patients in the HUKM Paediatric ward.

12 Jun/June - 3 Julai/July 2015



KEMPEN #BSN40KEBAIKAN HULUR BANTUAN KEPADA TIGA ORGANISASI

BSN dengan kerjasama stesen-stesen radio di bawah naungan Astro Radio iaitu ERA FM, Sinar FM dan THR Gegar telah bersama-sama menjayakan kempen #BSN40Kebaikan dengan slogan 'Semarakkan Semangat, Sebarkan Kebaikan' yang bertujuan menggalakkan semangat ukhwa di kalangan masyarakat Malaysia di samping menghulurkan bantuan kepada yang memerlukan. Kempen media sosial bermula daripada 12 Jun – 3 Julai 2015 bersempena dengan ulang tahun BSN yang ke 40 tahun. Empat puluh kebaikan dilaksanakan di seluruh negara dengan menyebarkan kebaikan dan keceriaan terutamanya menjelang bulan Ramadan.

Antara aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan adalah penyampaian sumbangan kepada rumah anak-anak yatim dan rumah orang-orang tua; mengunjungi dan menyampaikan duit raya kepada pesakit kanak-kanak yang menghidapi kanser di beberapa hospital, membantu membersihkan masjid, memberikan tiket bas dan keretapi secara percuma kepada pelajar-pelajar IPTA/IPTS yang ingin pulang ke kampung halaman, membelanja kad isian semula mereka dan banyak lagi.

Melalui kempen ini, setiap hashtag yang dimuat naik, RM1 akan didermakan. Dana sebanyak RM40,000 telah berjaya dikumpul dan diserahkan kepada tiga organisasi iaitu Pusat Jagaan Warga Emas Nur Ehsan di Kempas, Johor, wad Paediatric di Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) di Kubang Kerian, Kelantan dan Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM) di Bandar Tun Razak, Cheras, Kuala Lumpur.

THE #BSN40KEBAIKAN CAMPAIGN PROVIDED AID TO THREE ORGANIZATIONS

BSN in cooperation with radio stations under of Astro Radio namely ERA FM, Sinar FM and THR Gegar together successfully organised the #BSN40Kebaikan campaign with the slogan 'Semarakkan Semangat, Sebarkan Kebaikan' which aimed to promote the spirit of fraternity among Malaysians in addition to lending assistance to the needy. The social media campaign, which was held from 12 June to 3 July 2015 in conjunction with BSN's 40th anniversary, implemented 40 good deeds throughout the country by spreading kindness and cheerfulness especially during the fasting month.

Among the activities carried out were contributions to orphanages and old folks' homes, visits and presentation of duit raya to pediatric patients with cancer at several hospitals, cleaning of mosques, providing bus and train tickets free of charge to students of universities/colleges who wanted to 'balik kampung', buying them reload cards and many more.

As part of the campaign, RM1 was donated for every hashtag uploaded. A fund of RM40,000 was collected and donated to three organisations namely Pusat Jagaan Warga Emas Nur Ehsan in Kempas, Johor, paediatric wards in Universiti Sains Malaysia Hospital (HUSM) in Kubang Kerian, Kelantan and Universiti Kebangsaan Malaysia Hospital (HUKM) in Bandar Tun Razak, Cheras, Kuala Lumpur.

'IMPAN TUNAI 8 KINI KEMBALI' CAMPAIGN

In conjunction with Teacher's Day 2015, BSN launched the 'Impian Tunai 8 Kini Kembali' campaign for the third time, exclusively for the cardholders of the 1TeachersCard Credit Card/-i. The campaign, which lasted from 14 May to 14 September 2015, capitalised on the theme of a figure eight, in accordance with special rates at 8.88%. The grand prize was cash returns of RM88,888 for one winner; RM8,888 for two monthly winners and RM888 for two weekly winners. The total value of prizes offered through this campaign amounted to almost RM200,000, while participants need to spend a minimum of only RM88 with 1TeachersCard Credit Card/-i to qualify for this campaign.

The 1TeachersCard MasterCard also offered a variety of features and benefits exclusively for the teaching community who prioritise savings, rewards, lifestyle and convenient payment channels. Cardholders enjoy rewards through the BSN Reward Point programmes whereby points are awarded for every ringgit spent, and cardholders of 1TeachersCard Credit Cards can redeem accumulated points for Enrich Miles, souvenirs, shopping vouchers and food vouchers at any time.



7 Julai/July 2015

Wisma BSN, Kuala Lumpur

KEMPEN 'PULANGAN TUNAI UNTUNG GILER' KAD KREDIT & KAD DEBIT BSN

Kempen 'Untung Giler Cash Back' yang berlangsung dari November 2014 – Mac 2015 menyaksikan BSN mengumumkan pemenang Hadiah Utama yang bernilai RM100,000 dan RM50,000 bagi dua kategori manakala 40 lagi pemenang berjaya membawa balik hadiah tunai bernilai antara RM3,000 sehingga RM25,000.

Kempen ini memberi ganjaran kepada pelanggan setia BSN dengan hadiah wang tunai yang menarik bagi pemegang kad yang berbelanja minimum sebanyak RM50 dalam satu resit. Manakala bagi melayakkan diri memenangi Hadiah Utama, pemegang kad hanya dikehendaki berbelanja RM2,000 terkumpul untuk Kad Kredit atau RM1,000 untuk Kad Debit semasa tempoh kempen.

'UNTUNG GILER CASH BACK' CAMPAIGN BSN CREDIT CARD AND DEBIT CARD

BSN announced its Grand Prize winners for the 'Untung Giler Cash Back' campaign held from November to March 2015. Two lucky winners walked away with RM100,000 and RM50,000 cash each while 40 other winners took home cash prizes ranging from RM3,000 and RM25,000.

This campaign was to reward loyal BSN customers with attractive cash prizes for cardholders who spent a minimum of RM50 in a single receipt. On the other hand, to be in the running for the Grand Prizes, the cardholders were required to spend an accumulated total of RM2,000 for the Credit Card or RM1,000 for Debit Card during the campaign period.



Para pemenang bergambar bersama replika cek masing-masing. The winners posing with their mock cheques.



7 Ogos/August 2015 Pulau Tioman, Perak

BSN-APMM JALIN KERJASAMA BANTU OPERASI PERBANKAN

BSN bekerjasama dengan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) untuk meningkatkan sistem pengurusan perbankan terutamanya di kawasan perairan yang terkenal di kalangan pelancong di samping dapat merencanakan lagi kegiatan ekonomi di sana.

Kolaborasi ini menyaksikan BSN menjadi satu-satunya institusi perbankan yang menyediakan kemudahan di pulau itu. Kerjasama seumpama ini bukan saja dapat meningkatkan keselamatan di perairan negara malah memberi nilai tambah kepada penduduk setempat.

Pada majlis tersebut, BSN turut menyampaikan sumbangan set radio komunikasi kepada wakil nelayan Rompin dan Tioman bagi memudahkan mereka berhubung dengan pihak berkuasa terutama ketika kecemasan.

BSN-MMEA COLLABORATION TO IMPROVE BANKING OPERATIONS

BSN collaborated with the Malaysian Maritime Enforcement Agency (MMEA) to improve its banking management system, especially in tourist frequented maritime areas, and to boost economic activity.

This collaboration positions BSN as the only institution providing banking facilities on the island. This kind of cooperation not only improves maritime security in the region but also provides added value to the local population.

During the event, BSN also presented a set of radio communications to the representative of Tioman and Rompin fishermen to facilitate their contact with the authorities, especially during emergencies.



Sesi soal jawab bersama media ketika sidang media berlangsung. *Question and answer session with the media during the press conference.*

26 Ogos/August 2015 Wisma BSN, Kuala Lumpur

SIDANG MEDIA BSN PUTRAJAYA NIGHT MARATHON 2015

Majlis sidang media diadakan bagi melancarkan BSN Putrajaya Night Marathon 2015 (BSN PNM). Sambutan yang diterima amat menggalakkan dengan pencapaian sasaran penyertaan maksimum iaitu sebanyak 12,000 hanya dalam tempoh 10 hari apabila pendaftaran dibuka pada 22 Jun. Selain daripada itu, setiap peserta BSN PNM turut dilindungi oleh insurans oleh Gibraltar BSN Life Berhad sewaktu larian tersebut.

Dengan pengenalan kepada logo baharu BSN PNM serta kategori baharu iaitu 'Glow Run' ianya dapat memeriahkan lagi larian marathon yang diadakan pada waktu malam, dengan peserta yang menyertai memakai cermin mata bersinar, tali kasut bersinar dan batang plastik bersinar yang digunakan sepanjang perlumbaan marathon sejauh lima kilometer.

Kategori yang dipertandingkan ialah Marathon Penuh sejauh 42 km, Separuh Marathon 21 km dan Larian Tanggungjawab Sosial Korporat 10km yang masing-masing menawarkan ganjaran wang tunai dari RM10,000 hingga RM500. Melalui kategori badan korporat yuran penyertaannya disumbangkan kepada empat jabatan pediatrik Hospital Kuala Lumpur, Hospital Sungai Buloh, Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang dan Hospital Selayang.

Walaupun bagaimanapun, larian ini terpaksa dibatalkan disaat-saat akhir akibat cuaca jerebu yang tebal di kawasan Putrajaya yang boleh menjejaskan tahap kesihatan peserta jika larian itu diteruskan. Namun demikian, sambutan pada hari kutipan "Race Kit" amatlah menggalakkan dengan kehadiran para peserta dan pelbagai aktiviti diadakan bagi menarik perhatian pengunjung yang hadir.



Para peserta marathon pada hari Kutipan 'Race Kit'. *Marathon runners on the day of the 'Race Kit' collection.*

BSN PUTRAJAYA NIGHT MARATHON 2015 PRESS CONFERENCE

A press conference was held to launch BSN's Putrajaya Night Marathon 2015 (BSN PNM). The response was very encouraging, following an amazing response from marathon enthusiasts with all 12,000 places taken up in less than 10 days after it opened for registration on 22 June. In addition, each BSN PNM participant was also covered by insurance from Gibraltar BSN Life Berhad during the run.

The introduction of the new BSN PNM logo as well as the new 'Glow Run' category illuminated the marathon which was held in the evening, with participants wearing glow glasses, glow shoes laces and glow sticks throughout the five kilometers race.

Categories that were contested included the 42km Full Marathon, 21km Half Marathon and 10 km Corporate Social Responsibility Run whereby each offered cash rewards from RM10,000 to RM500 respectively. The participation fees from the corporate bodies category were channelled to four paediatric departments, namely Kuala Lumpur Hospital, Sungai Buloh Hospital, Tengku Ampuan Rahimah Hospital, Klang and Selayang Hospital.

However, this race had to be canceled due to the haze situation in Putrajaya that could have been hazardous to participants. Nonetheless, there was a huge turn out on the race kit collection day with the presence of the participants as well as various activities held to attract the visitors.



Sesi senamrobik turut diadakan pada hari kutipan 'Race Kit'. *Aerobic exercise were also held during the 'Race Kit' collection.*



10 Ogos/August 2015

JW Marriot Hotel, Kuala Lumpur

BSN SEBAGAI PENAJA UTAMA KL FASHION WEEK 2015

BSN mengumumkan penyertaan kali kedua sebagai Bank Rasmi dalam *Kuala Lumpur Fashion Week Ready to Wear 2015* (KLFW RTW 2015). Penaja-penaja lain termasuklah Pavilion Kuala Lumpur, AirAsia Berhad, Volkswagen Malaysia, Huawei Mobile Phone, Dell, Laurastar, JW Marriot, The Ritz Carlton dan banyak lagi.

Pada majlis tersebut, BSN turut mempromosikan kempen 'BSN Paris, Milan, London. Here I Come' iaitu kempen pembiayaan peribadi yang memberi ganjaran kepada pemenang dan pasangan mereka menikmati percutan membeli-belah bernilai RM30,000 ke Paris, Milan atau London.

Selain daripada itu, pemenang bertuah turut menerima jemputan eksklusif ke BSN Fashion Night Out RTW 2015. Melalui kerjasama dengan artis Yuna, pemenang juga dapat menyaksikan persembahan eksklusif secara langsung 'BSN Evening with Yuna'. Antara lain hadiah berupa selendang rekaan Asha Karim dengan kristal Swarovski bernilai RM1,500 dan lain-lain hadiah menarik turut ditawarkan.

BSN AS MAIN SPONSOR OF KL FASHION WEEK 2015

BSN announced its second participation as the Official Bank of the Kuala Lumpur Fashion

Week Ready to Wear 2015 (KLFW RTW 2015). Other sponsors included Pavilion Kuala Lumpur, AirAsia Berhad, Malaysia Volkswagen, Huawei Mobile Phone, Dell, Laurastar, JW Marriot, Ritz Carlton and many more.

At the ceremony, BSN also promoted its 'BSN Paris, Milan, London. Here I Come' campaign, a personal financing campaign that rewarded winners and their partners with shopping trips worth RM30,000 to Paris, Milan or London.

In addition, a lucky winner also received an exclusive invitation to BSN RTW Fashion Night Out 2015 and, through a collaboration with the artiste Yuna, winners got to watch an exclusive live show 'BSN Evening with Yuna'. Other than that, prizes that were also offered were Asha Karim designer scarves with Swarovski crystals, worth RM1,500 and other interesting prizes.



21 Ogos/August 2015 Tanah Abang, Mersing, Johor

BSN SEDIA AKSES RANGKUMAN KEWANGAN MELUAS KEPADA KOMUNITI ORANG ASLI

BSN terus memperkukuhkan agenda rangkuman kewangan di Malaysia melalui program bersama komuniti masyarakat Orang Asli di Tanah Abang, Mersing, Johor. Aktiviti beramah-mesra bersama masyarakat setempat turut meliputi penerangan lanjut mengenai perkhidmatan Ejen Bank BSN (EB BSN) dan produk Pembiayaan Mikro BSN, pertandingan mewarna, pembukaan kaunter informasi dan sebagainya. BSN turut membuka kaunter online di mana orang ramai boleh menikmati kemudahan pembukaan akaun, simpanan BSN SSP, pembayaran bil serta beberapa khidmat perbankan yang lain.

Bersempena program bersama komuniti ini, BSN turut menyalurkan Pembiayaan Mikro kali kedua sebanyak RM100,000 kepada tiga pelanggannya yang telah menunjukkan perkembangan perniagaan yang positif selepas pembiayaan kali pertama. Ketiga-tiga pelanggan ini terdiri daripada usahawan mikro yang berasal dari kawasan Tanah Abang, Mersing dan kawasan sekitar. Mereka juga merupakan EB BSN.



Kaunter BSN dikerumuni komuniti orang asli bagi mendapatkan perkhidmatan yang ditawarkan oleh BSN. Members of the Orang Asli community surround the BSN counter to assess services offered by BSN.



Pelanggan BSN yang menerima Pembiayaan Mikro kali kedua. BSN customers who received a second Micro Finance loan.

BSN EXPANDS FINANCIAL INCLUSION ACCESS TO ORANG ASLI COMMUNITIES

BSN continues to strengthen its financial inclusion agenda in Malaysia through a joint programme with the Orang Asli community in Tanah Abang, Mersing, Johor. Activities that encouraged mingling with the local people were carried out alongwith information about the services of BSN banking agents (EB BSN) and BSN's Micro Finance products, the opening of an information counter, colouring contest and more. BSN also opened an online counter where people could enjoy the convenience of opening an account, saving with BSN SSP, bill payments, and several other banking services.

In conjunction with this community programme, BSN also distributed a second Micro Finance loan of RM100,000 to three customers who have demonstrated positive business development after the first financing. All three of these customers comprised micro entrepreneurs from Tanah Abang, Mersing and the surrounding area. They are also EB BSNs.



8 September/September 2015

Menara Kuala Lumpur

BSN BEKERJASAMA DENGAN TM DALAM PROJEK TRANSFORMASI RANGKAIAN

BSN dan Telekom Malaysia Bhd™ memeterai perjanjian perkhidmatan selama lima tahun melibatkan pelaksanaan Projek Transformasi Perkhidmatan Rangkaian Kawasan Luas (WAN) bagi meningkatkan aspek kesalinghubungan operasi perbankan.

Melalui perjanjian ini, perkhidmatan ini menghubungkan cawangan BSN di seluruh negara melalui infrastruktur telepresence dengan menyampaikan video berkualiti definisi tinggi (HD) yang membolehkan mesyuarat diadakan melalui sidang video di antara ibu

pejabat dan cawangan di seluruh negara. Dengan adanya teknologi serba canggih ini, ianya membolehkan BSN kekal berdaya saing dalam pasaran serta meningkatkan kecekapan operasi dan memperkayakan lagi pengalaman orang ramai berurusan di Bank. Inisiatif ini juga turut membolehkan semua cawangan untuk saling berhubung dengan pelanggan BSN melalui Perkhidmatan Rangkaian Kawasan Luar (WAN) yang disediakan oleh pihak TM.



Datuk Adinan bersama Datuk Zamzamzairani pada majlis menandatangani perjanjian. Datuk Adinan with Datuk Zamzamzairani at the agreement signing ceremony.

BSN PROJECTS IN COOPERATION WITH TM NETWORK TRANSFORMATION PROJECT

BSN and Telekom Malaysia Bhd™ signed a five-year service agreement for the new Converged Network Transformation Project in which TM will be delivering Wide Area Network (WAN) services to improve connectivity for banking operations.

Through this agreement, the service connects BSN branches nationwide through a telepresence infrastructure that transmits high definition (HD) quality videos, enabling video conferencing between headquarters and branches across the country. Equipped with this state of the art technology, BSN is able to remain competitive in the market and improve operational efficiencies, while enriching the experience of people dealing with the Bank. This initiative also enables all branches to keep in touch with BSN customers through the WAN service provided by TM.



Para VIP menyaksikan video perasmian. VIPs watching the official launch video.

1 Oktober/October 2015

Seri Pacific Hotel, Kuala Lumpur

BSN TAWAR SKIM PERUMAHAN BELIA (YHS)

Skim Perumahan Belia (YHS), telah dilancarkan oleh Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah dan skim ini merupakan perkongsian pintar bersama Perbadanan Gadaai Janji Nasional, Cagamas Bhd dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Skim Perumahan Belia diumumkan oleh Perdana Menteri pada sesi pembentangan bajet 2015 bagi membantu pasangan belia diantara 25 dan 40 yang berkahwin untuk memiliki rumah milikan pertama dengan gabungan pendapatan isi rumah tidak lebih daripada RM10,000.

Sebagai sebuah Institusi Kewangan dan agensi di bawah Kementerian Kewangan, BSN adalah bank tunggal yang dilantik untuk melaksanakan skim ini. Sebanyak 20,000 tawaran pinjaman terbuka kepada pemohon yang layak bergantung kepada kelulusan serta berdasarkan 'first come first serve'.

Pembiayaan perumahan ini ditawarkan berdasarkan skim konvensional dan Islamik dengan margin pembiayaan sehingga 100% daripada harga pembelian. Pemohon yang berjaya juga akan menerima pembiayaan tambahan sehingga 5% daripada harga pembelian untuk kos 'Mortgage Reducing Term Assurance (MRTA)' atau 'Mortgage Reducing Term Takaful (MRTT)'. Pinjaman ini harga yang kompetitif dan pemohon yang berjaya

perlu mempunyai GIRO BSN atau GIRO-i. Kerajaan turut menawarkan bantuan bayaran balik pinjaman sebanyak RM200 sebulan bagi tempoh 2 tahun pertama bagi membantu pasangan. Terdapat juga pengecualian duti setem 50% ke atas perjanjian jual beli serta kemudahan dokumen undang-undang. Pemohon yang berjaya juga boleh mengeluarkan wang simpanan Akaun 2 KWSP untuk pembayaran balik pinjaman dan perbelanjaan lain yang berkaitan.

BSN OFFERS YOUTH HOUSING SCHEME (YHS)

The Youth Housing Scheme (YHS), was launched by Finance Minister II, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah as a smart partnership between National Mortgage Corporation, Cagamas Bhd and the Employees Provident Fund (EPF). The YHS was announced by the Prime Minister under Budget 2015, to help young married couples between 25 and 40, with a combined household income of not more than RM10,000, to own their first home.

As a Developmental Financial Institution and agency under the Ministry of Finance, BSN is the sole bank appointed to execute this scheme. A total of 20,000 loan offers have been made available to eligible applicants, subject to approval on first come first served basis.

This housing finance scheme is offered under the conventional as well as Islamic schemes with financing margin of up to 100% of the purchase price. Successful applicants will also receive additional financing of up to 5% of the purchase price to the cost of 'Mortgage Reducing Term Assurance (MRTA)' or 'Mortgage Reducing Term Takaful (MRTT)'. The loan offers competitive pricing and successful applicants must have BSN GIRO or GIRO-i account. The Government also provides loan repayment assistance of RM200 per month for the first two years to assist eligible couples. There is also stamp duty exemption of 50% on the sales and purchase agreement and facility legal documents. Successful applicants can also withdraw EPF savings in Account 2 for monthly loan repayments and other related expenses.



Wajah-wajah ceria warga BSN pada majlis pelancaran penjenamaan semula imej korporat BSN. *Cheerful faces of BSN staff at the launch of the rebranding of BSN's corporate image.*



15 Oktober/October 2015

Mandarin Oriental Hotel, Kuala Lumpur

PENJENAMAAN SEMULA IMEJ KORPORAT BSN

BSN telah memperkenalkan identiti dan logo korporat yang lebih segar berwarna teal yang melambangkan kebolehpercayaan dan keutuhan disamping penambahan pohon pitis kepada 14 pitis yang mewakili 14 buah negeri di Malaysia. Penjenamaan baru ini diperkenalkan di kesemua titik sentuh pelanggan, termasuk di laman web, rangkaian media sosial, iklan, infrastruktur bank dan cawangan perbankan di seluruh negara.

Dengan janji jenama baharu iaitu, 'Menggapai Kehidupan yang Lebih Baik' BSN terus membangun berasaskan operasi fokus-pelanggan dalam menawarkan perkhidmatan perbankan yang berkualiti kepada semua rakyat Malaysia. BSN menyasarkan untuk menjadi platform yang menyeluruh bagi perkhidmatan dan infrastruktur kewangan untuk pelanggan sekaligus membantu mereka mencapai impian melalui akses perkhidmatan kewangan pelanggan untuk produk yang inovatif untuk kehidupan yang lebih baik.

BSN juga memperkenalkan empat nilai murni yang menjadi asas kepada janji jenama demi menawarkan pengalaman berbeza dan unik kepada pelanggan:

- Komited: Kami komited ke arah kecemerlangan dalam segala yang kami lakukan.
- Cerdas dan Tangkas: Kami peka dengan trend pasaran dan memanfaatkan peluang.
- Menghormati: Kami hargai kepelbagaian, buah fikiran dan pendapat orang ramai serta berusaha untuk meletakkan diri di tempat mereka untuk lebih memahami kehendak mereka.
- Beretika: Kami telus, jujur dan mendukung nilai-nilai moral yang paling tinggi.

Majlis tersebut dirasmikan oleh Menteri Kewangan II, YB Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah disaksikan oleh Pengerusi dan Pengurusan Kanan BSN serta tetamu jemputan yang lain. Turut menyerikan majlis pada malam tersebut adalah dua penyanyi terkenal Malaysia, Ning Baizura dan Sheila Majid.

REBRANDING OF BSN'S CORPORATE IMAGE

BSN introduced a refreshed corporate identity and logo in teal color to symbolize trustworthiness and reliability. The signature Pohon Pitis now includes 14 pitis to represent the 14 states in Malaysia. The new branding was introduced at all customer touch points, including its website, social media channels, advertisements, company infrastructure and banking outlets nationwide.

Accompanied by the new brand promise of 'A Better Life Within Your Reach', BSN continues to build customer-focused operations by offering quality financial services to all Malaysians. BSN aims to become an integrated platform of financial services and infrastructure for customers while helping them achieve their dreams through access to banking services and innovative products that will help to provide opportunities for a better life.

BSN also introduced four core values that form the basis of the brand promise by offering a different and unique experience to its customers:

- Commitment: We are committed to excellence in all that we do.
- Agile: We anticipate market trends and leverage on opportunities.
- Respectful: We value diversity among people, ideas and points of view and strive to put ourselves in their shoes to better understand their needs.
- Ethical: We are transparent, honest and uphold the highest moral values.

The ceremony was officiated by the Minister of Finance II, YB Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah, and was witnessed by BSN's Chairman and Senior Management of BSN as well as other invited guests. Also gracing the event were two famous Malaysian singers, Ning Baizura and Sheila Majid.

12 Disember/December 2015

Bentley Music, Mutiara Damansara

'BSN EVENING WITH YUNA' – MERAIKAN PEMENANG BAGI KEMPEN 'PARIS, MILAN, LONDON... HERE I COME!'

BSN dengan kerjasama artis Yuna menganjurkan konsert mini bagi meraikan 100 pelanggannya yang memenangi Kempen Pembiayaan Peribadi BSN - 'Paris, Milan, London... Here I Come!'.

Pada majlis tersebut, tiga pemenang hadiah utama diumumkan di mana mereka bersama pasangan diterbangkan ke destinasi masing-masing iaitu Paris, Milan dan London bagi menikmati percutan membeli-belah yang ditanggung sepenuhnya oleh pihak BSN. Melalui kempen ini, para pelanggan dapat menikmati kadar faedah yang terendah di Malaysia dengan pembiayaan setinggi RM200,000 tanpa penjamin serta hadiah-hadiah menarik yang boleh dimenangi setiap bulan dan banyak lagi.



Yuna bergambar bersama para pemenang dan pengurusan kanan BSN. Yuna posing with the winners and senior management of BSN.




'BSN EVENING WITH YUNA' – A CELEBRATION WITH WINNERS OF THE 'PARIS, MILAN, LONDON... HERE I COME!' CAMPAIGN

BSN, in collaboration with the celebrity artiste Yuna, organised a mini concert in celebration of the 100 customers who were winners of the BSN Personal Financing Campaign - 'Paris, Milan, London... Here I Come!'. At the ceremony, the three grand prize winners were announced. They won trips for two to their respective destinations, either Paris, Milan or London, to enjoy a shopping spree and all expenses were borne by BSN. This campaign offers customers the lowest interest rates in Malaysia with funding of up to RM200,000 without surety and attractive prizes to be won every month, as well as other great benefits.



Membanggakan! BSN menjadi bank perintis dengan pengenalan kepada perkhidmatan VTM. A moment of pride! BSN achieving pioneering bank status with the introduction of VTM services.



Dato' Seri Dr. Zahid Hamidi bersama Datuk Adinan mencuba mesin VTM selepas majlis pelancaran. Dato' Seri Dr. Zahid Hamidi and Datuk Adinan trying out the VTM machine after the launch.

15 Disember/December 2015 Auditorium, Wisma BSN

PELANCARAN MESIN JURUWANG MAYA (VTM) BSN

BSN menjadi bank perintis dalam industri perbankan tempatan dengan menambah baik sistem kaunter manual sedia ada dengan pengenalan kepada perkhidmatan Mesin Juruwang Maya ataupun 'Virtual Teller Machine (VTM)'. Kebanyakan urusan perbankan adalah sama seperti di kaunter manual BSN yang sedia ada, namun dengan VTM, pelanggan dapat menikmati pengalaman baharu berurusan melalui sidang video bersama Ejen Teller Maya ataupun 'Virtual Teller Agent (VTA)'. Sistem VTM ini dilengkapi dengan perakam video dan suara bagi memastikan pelanggan berurusan tanpa ragu-ragu dan ketepatan mengira wang tunai juga adalah 100%. Setiap urusan dilakukan secara real-time menggunakan Sistem Teller Bank (BDS) yang sedia ada dan telah diintegrasikan dengan sistem utama Bank.

Menerusi VTM, pelanggan dapat menikmati perkhidmatan perbankan melalui sidang video yang dikendalikan oleh lebih 450 juruwang BSN di cawangan yang dihubungkan melalui sistem itu. Konsep berkenaan juga dapat meningkatkan lagi tahap produktiviti kakitangan cawangan BSN dan seterusnya membantu bank mencapai tahap keberkesanan lebih optimum sekaligus memudahkan pelanggan tidak menunggu lama untuk dilayan.

Pelanggan juga boleh membuat pelbagai urusan perbankan antaranya pembukaan akaun dan kad debit, deposit tunai, pembayaran bil dan

pinjaman serta membuat simpanan Sijil Simpanan Premium BSN (BSN SSP). Dalam pada itu operasi perbankan melalui VTM juga akan dipanjangkan apabila ditempatkan di tempat awam terpilih kelak.

LAUNCH OF BSN'S VIRTUAL TELLER MACHINE

BSN became the pioneer in the local banking industry with the introduction of Virtual Teller Machine (VTM) service. Most of the banking transactions offered are the same as the manual BSN counters, but with VTM, customers can enjoy a new experience dealing with Virtual Teller Agents (VTA) through video conferencing. The VTM system is equipped with video and voice recorders to ensure that customers can engage with confidence and the accuracy of cash counting is 100%. Each transaction is done in real-time using the existing Bank Teller System (BDS) and has been integrated with the Bank's core system.

Through VTM, clients can enjoy banking services by a video conferencing system managed by more than 450 BSN tellers at branches connected to the system. The concept is also able to enhance productivity levels of branch employees, thus helping the Bank achieve more optimal effectiveness while ensuring customers are served promptly.

Customers can engage in various banking transactions such as opening of accounts and debit cards, cash deposits, bill and loan payments as well as Premium Savings Certificate (BSN SSP). The VTM can also allow extended banking hours with the placement of VTMs at public locations.

SOROTAN MEDIA Media Highlights **59**





PERINTIS KEMAJUAN

Sebagai bank simpanan pertama yang lama bertapak di Malaysia, BSN terus meneroka sempadan baharu dengan inovasi produk dan perkhidmatan dengan pengenalan kepada perkhidmatan Mesin Juruwang Maya (VTM). Melalui mesin VTM, pelanggan di cawangan-cawangan yang padat dapat melakukan urusan melalui sidang video bersama Ejen Juruwang Maya (VTA) di cawangan-cawangan yang kurang padat di seluruh negara; dengan melangkaui kekangan geografi dan mencipta situasi perbankan yang baharu.

PIONEERING THE WAY FORWARD

Living up to its identity as Malaysia's first and longest-running savings bank, BSN continues to track new frontiers with service and product innovations with the introduction of Virtual Teller Machine (VTM). VTM enables customers in busy branches to perform transactions through video conference with the assistance of Virtual Teller Agents (VTA) in less busy branches nationwide; breaching the confines of geographical limitations and shaping a new horizon of banking.

PENYATAAN TADBIR URUS KORPORAT

STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE

PENGURUSAN RISIKO

Selaras dengan prinsip dan peraturan mengenai tadbir urus risiko, pada peringkat jawatankuasa Lembaga Pengarah, pihak Bank telah menubuhkan Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko (JLPR) yang memikul tanggungjawab utama bagi pihak Lembaga Pengarah bagi menyelia dan mengawasi pengurusan risiko Bank. Ia menyediakan fungsi pengawasan dalam memastikan objektif korporat Bank disokong oleh strategi dan rangka kerja pengurusan risiko yang kukuh dan berkesan yang sesuai dengan sifat, skala dan kerumitan aktiviti Bank. Rangka kerja pengurusan risiko Bank telah direka untuk menyediakan persekitaran pengurusan risiko yang terkawal dan kukuh. Rangka kerja ini menggariskan pendekatan Bank dalam mengenal pasti, menilai, memantau dan menangani risiko-risiko yang berkaitan dalam bidang risiko kredit, risiko operasi, risiko pasaran dan risiko ketidakpatuhan Syariah.

Di peringkat pengurusan, Jawatankuasa Pengurusan Risiko (JPR) dan Jawatankuasa Aset dan Liabiliti (ALCO) bertanggungjawab dalam memastikan bahawa pengurusan seharian dan kegiatan Bank adalah selaras dengan strategi risiko, polisi risiko dan selera risiko yang telah ditetapkan. JPR bertanggungjawab dalam menyelia pembangunan dasar polisi-polisi berkaitan pengurusan risiko berkaitan bagi mengurus sesuatu aktiviti perniagaan Bank dan kecukupan sistem dan proses yang menyokong fungsi pengurusan risiko. ALCO pula bertanggungjawab untuk menyelia kecukupan dan pendedahan risiko aset dan liabiliti komposisi Bank, serta keperluan pembiayaan dan kecairan.

RISK MANAGEMENT

In line with the regulatory principles and regulatory guidelines on risk governance, at the Board Committee level, the Bank has established the Board Risk Management Committee (BRMC) which assumes the oversight responsibility on behalf of the Board of Directors for the supervision of risk management of the Bank in ensuring that the Bank's corporate objectives are supported by sound risk management strategies and framework that are appropriate to the nature, scale and complexity of its activities.

The Bank's framework for risk management has been designed to provide a sound and well-controlled risk management environment within the Bank. The framework sets out the Bank's approach in identifying, assessing, monitoring and reporting of all relevant and material risks in the areas of credit risk, operational risk, market risk and Shariah non-compliance risk.

At the management level, the Management Risk Committee (MRC) and Asset and Liability Committee (ALCO) are responsible in ensuring that the day-to-day management of the Bank's activities is consistent with its risk strategies, risk policies and risk appetite. MRC is responsible in overseeing the development of relevant risk policies that are essential in managing the business activities of the Bank and the adequacy of system and processes supporting the risk management function. On the other hand, ALCO is responsible to oversee the adequacy and the risk exposures of the Bank's assets and liabilities composition, as well of its funding and liquidity needs.

STRUKTUR URUS RISIKO/RISK GOVERNANCE STRUCTURE



FALSAFAH PENGURUSAN RISIKO

Berasaskan penakrifan risiko sebagai “halangan dan ketidakpastian yang dihadapi dalam usaha mencapai sesuatu objektif (sasaran)”, falsafah pengurusan risiko ke atas aktiviti perniagaan BSN adalah bersandar pada dua pendekatan utama:

1. Pemilikan Kolektif - pengurusan risiko adalah tanggungjawab semua peringkat Bank.
2. Tanggungjawab Bersama - semua jabatan dan fungsi Bank adalah bertanggungjawab dalam menguruskan semua bentuk risiko.

Bersandarkan falsafah di atas, pihak Bank turut mengamalkan konsep “tiga peringkat pertahanan”, di mana risiko yang ada adalah diuruskan oleh semua fungsi berdasarkan peranan masing-masing.

RISK MANAGEMENT PHILOSOPHY

Defined as “hurdles and uncertainties faced towards the achievements of objectives”, risks associated with BSN's business are managed through the following two key philosophical approaches, namely:

1. Collective Ownership – i.e., management of risks of the Bank is a collective ownership across the Bank's strata.
2. Collective Responsibility – i.e., all departments and functions of the Bank are responsible to manage the associated risks across the spectrum.

Based on this basic philosophy, the Bank adopts the concept of three lines of defence, where risks are collectively managed by all departments and functions based on their respective roles.

Tumpuan Masa Nyata Real Time Focus	Peringkat Pertahanan Pertama First Line of Defence	• Menerapkan rangka kerja pengurusan risiko/polisi & amalan pengurusan risiko yang mantap ke dalam prosedur operasi standard. • Embedding risk management framework/policies & sound risk management practices into standard operating procedures. • Bertanggungjawab untuk memantau & menilai risiko & kawalan. • Responsible & accountable for monitoring & assessing risks & controls. • Memastikan kakitangan mempunyai kemahiran dan latihan yang sesuai. • Ensuring staff have appropriate skills and training.	Unit Perniagaan/ Sokongan Business Units/ Support Units
Tumpuan Masa Nyata & Kajian Real Time & Review Focus	Peringkat Pertahanan Kedua Second Line of Defence	• Membangunkan rangka kerja pengurusan risiko, polisi, sistem, dan proses. • Develop risk management framework, policies, system, processes and tools. • Menyokong unit barisan pertama dalam menerapkan budaya pengurusan risiko dalam Bank. • Support 1st line units in embedding risk management culture in the Bank. • Proaktif & reaktif kepada perubahan dalam persekitaran risiko. • Proactive & reactive to changes in risk environment.	Pengurusan Risiko/Pematuhan Risk Management/ Compliance
Tumpuan Kajian Review Focus	Peringkat Pertahanan Ketiga Third Line of Defence	• Mengkaji semula keberkesanan amalan pengurusan risiko. • Review effectiveness of the risk management practices. • Mengesahkan tahap pematuhan. • Confirm level of compliance. • Mengesyorkan penambahbaikan dan tindakan pembetulan, jika perlu. • Recommend improvements and corrective actions, where necessary.	Audit Dalaman Internal Audit

PROSES PENGURUSAN RISIKO/RISK MANAGEMENT PROCESS



PENYATAAN TADBIR URUS KORPORAT

STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE

Proses pengurusan risiko dalam Bank melibatkan proses-proses pengenpastian, penilaian/pengukuran, mitigasi, pemantauan dan laporan bagi mengoptimumkan pulangan ke atas pembiayaan dan aktiviti pengambilan risiko. Proses-proses ini diamalkan dalam menguruskan risiko kredit, risiko pasaran, risiko operasi dan risiko ketidakpatuhan Syariah disemua fungsi dan jabatan Bank melalui pembentukan polisi risiko, garis panduan, prosedur dan had yang sesuai.

Pengurusan risiko adalah tertumpu kepada bidang-bidang risiko berikut:

The risk management process within the Bank involves the identification, assessment/measurement, mitigation, monitoring and reporting in optimising returns on financing and risk-taking activities. These processes are practiced in managing credit, market, operational and Shariah non-compliance risks across various departments and functions of the Bank via appropriate risk policies, guidelines, procedures and limits.

Risk management concentrates on the following key areas:



1. Risiko Kredit

Risiko kredit ditakrifkan sebagai kehilangan potensi pendapatan yang timbul daripada kegagalan para pelanggan atau rakan niaga (daripada aktiviti pinjaman dan pelaburan) dalam memenuhi tanggungjawab mereka seperti yang dijadualkan. Bank terdedah kepada risiko kredit yang datang daripada aktiviti pinjaman/pembiayaan kepada pelanggan runcit, mikro, perusahaan kecil dan sederhana. Pelaburan dalam ekuiti, bon dan sekuriti pasaran yang lain juga akan mendedahkan Bank kepada risiko kredit. Berpanduan kepada selera risiko perniagaan di seluruh Bank, fungsi pengurusan risiko kredit adalah untuk mengurus pendedahan risiko kredit ke tahap yang boleh diterima berbanding modal, dan bagi memastikan pulangan terlaras risiko dimaksimumkan mengikut operasi dan selera risiko Bank.

2. Risiko Pasaran dan Kecairan

Risiko pasaran ditakrifkan sebagai potensi kerugian kepada Bank yang timbul daripada perubahan dalam faktor risiko pasaran iaitu harga ekuiti, kadar faedah/keuntungan, sebaran kredit dan kadar pertukaran matawang. Risiko ini mempunyai kesan langsung ke atas pendapatan, serta nilai ekonomi Bank. Risiko kecairan pula ditakrifkan sebagai potensi kerugian kepada Bank yang timbul daripada ketidakupayaan untuk menjana dana yang mencukupi bagi memenuhi komitmen dan obligasi kewangan dengan cara yang tepat pada masanya dan kos efektif. Punca biasa risiko ini adalah disebabkan oleh ketidaksesuaian dalam masa dan nilai aliran masuk dan aliran keluar tunai yang timbul daripada Bank dan pendedahan kepada kunci kira-kira.

1. Credit Risk

Credit Risk is defined as the potential loss of income arising from failure of customers or counterparties (from loan and investment activities) to fulfil their obligations as scheduled. The Bank's exposure to credit risk is primarily from its lending/financing activities to retail customers, micro, small and medium-sized enterprises. Investment in equities, bonds, and other marketable securities will also expose the Bank to credit risk. Guided by the Bank-wide business risk appetite, credit risk management function is to manage credit risk exposures to an acceptable level vis-à-vis the Bank's capital, and to ensure maximum risk-adjusted returns while operating within the Bank's risk appetite.

2. Market and Liquidity Risk

Market Risk is defined as the potential loss to the Bank arising from the adverse movement in market risk factors namely equity prices, interest/profit rates, credit spreads and currency exchange rates. This risk has a direct impact on the earnings, as well as the economic value of the Bank. Liquidity Risk is defined as the potential loss to the Bank arising from the inability to generate sufficient fund to meet the financial commitments and obligations in a timely and cost-effective manner. The common source of the risk is attributed to the mismatch in timing and value of inflow and outflow of cash arising from the Bank's on and off-balance sheet exposures.

3. Risiko Operasi

Risiko operasi ditakrifkan sebagai risiko kerugian yang timbul daripada kegagalan atau proses dalaman yang tidak mencukupi, faktor manusia dan sistem atau peristiwa-peristiwa luaran. Risiko ini diuruskan melalui proses pengurusan risiko operasi yang telah ditetapkan, pemantauan dan laporan mengenai pematuan unit-unit perniagaan mengikut polisi yang telah dibuat, prosedur dan had oleh unit kawalan dan sokongan bebas, dan pengawasan yang diberikan oleh pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah. Kesedaran dalam Pengurusan Kesenambungan Perniagaan (PKP) adalah sebahagian daripada budaya Bank untuk menjadikan setiap kakitangan menyedari peranan dan tanggungjawab mereka berkenaan dengan BCM sebagai ketersediaan yang berterusan terhadap perkhidmatan kritikal dan penting oleh pihak Bank. Ianya merupakan kunci dalam memastikan keyakinan pelanggan, pematuan peraturan dan melindungi reputasi Bank. Kesedaran yang berterusan tentang BCM diberikan semasa latihan dan Program Pemulihan Bencana/Pelan Kesenambungan Perniagaan bagi menubuhkan anggota pasukan BCM dan operasi perniagaan yang kompeten, berpengetahuan, bermotivasi dan berkebolehan dalam informasi teknologi. Ini akan membantu untuk memastikan tindak balas yang berkesan dalam persediaan kesinambungan perniagaan, kesediaan dan daya tahan sekiranya berlaku sesuatu gangguan terhadap perniagaan.

4. Risiko Ketidakpatuhan Syariah

Risiko Ketidakpatuhan Syariah ditakrifkan sebagai risiko yang terhasil daripada kegagalan Bank untuk mematuhi peraturan-peraturan dan prinsip-prinsip Syariah yang telah ditentukan oleh Jawatankuasa Majlis Syariah. Polisi Tadbir Urus Syariah BSN (BSNSGP) untuk Skim Perbankan Islam diasaskan selaras dengan Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah bagi Institusi Kewangan Islam (SGFIFI) yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Objektif utama BSNSGP ini adalah untuk menggariskan peranan Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Syariah, Jawatankuasa Lembaga Audit dan Pemeriksaan, Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko dan Pengurusan Bank berhubung dengan perkara-perkara Syariah, termasuk meningkatkan kapasiti dan kebolehan jabatan-jabatan dan fungsi-fungsi yang berkaitan yang mempunyai tanggungjawab untuk melaksanakan pematuan dan fungsi penyelidikan Syariah yang bertujuan untuk mencapai persekitaran operasi yang berasaskan Syariah.

BSNSGP telah direka bagi memenuhi objektif-objektif berikut:

- Untuk menyatakan struktur tadbir urus, proses dan pengaturan Syariah untuk Bank, bagi memastikan semua operasi dan aktiviti perniagaan Bank adalah mengikut Syariah;
- Menyediakan panduan komprehensif kepada Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Lembaga Audit dan Pemeriksaan, Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko, Jawatankuasa dan Pengurusan Syariah dalam melaksanakan tugas dan dalam hal-hal yang berkaitan dengan Syariah; dan
- Untuk menggariskan fungsi yang berkaitan dengan Kajian Syariah, Audit Syariah, Pengurusan Risiko Syariah, Penyelidikan Syariah dan Sekretariat.

3. Operational Risk

Operational Risk is defined as the risk of loss resulting from inadequate or failed internal processes, people and systems or from external events. This risk is managed through established operational risk management processes, proper monitoring and reporting of the business units' adherence to established risk policies, procedures and limits by independent control and support units, and oversight provided by the management and the Board. Business Continuity Management (BCM) awareness is part of the Bank's culture to make every staff aware of his/her role and responsibility with respect to BCM as continuous availability of the Bank's critical and essential services, which is key in ensuring customer confidence, regulatory compliance and protect Bank's reputation. Continuous BCM awareness was provided during training and every Disaster Recovery Programme/Business Continuity Plan exercises in order to establish competent, knowledgeable, motivated and technologically-enabled BCM team and business operations personnel. This will help to ensure an effective response in business continuity preparedness, readiness and resilience in the event of a major business disruption.

4. Shariah Non-compliance Risk

Shariah Non-Compliance Risk is defined as risk resulting from the failure of any parts of the Bank to comply with the Shariah rules and principles determined by the relevant Shariah regulatory councils or committees. BSN Shariah Governance Policy (BSNSGP) for Islamic Banking Scheme is established in line with Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions (SGFIFI) issued by Bank Negara Malaysia (BNM). The primary objective of these BSNSGP is to outline the role of the Board of Directors, the Shariah Committee, the Audit and Examination Board Committee, the Board Risk Management Committee, and the Management in relation to Shariah matters, including enhancing the capacity and capability of departments and functions having the responsibility to execute the Shariah compliance and research functions aimed at the attainment of a Shariah-based operating environment.

The BSNSGP is designed to meet the following objectives:

- To set out the Bank's Shariah governance structures, processes and arrangements to ensure that all its operations and business activities are in accordance with Shariah;
- To provide a comprehensive guidance to the Board of Directors, Audit and Examination Board Committee, Board Risk Management Committee, Shariah Committee and Management of the Bank in discharging its duties in matters relating to Shariah; and
- To outline the functions relating to Shariah Review, Shariah Audit, Shariah Risk Management, Shariah Research and Secretariat.

PENYATAAN TADBIR URUS KORPORAT

STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE

KENYATAAN URUS TADBIR KORPORAT

Lembaga Pengarah Bank Simpanan Nasional komited untuk menegakkan prinsip-prinsip urus tadbir korporat dan memegang kepada Garis Panduan Bank Negara Malaysia mengenai Piawaian Urus Tadbir Korporat Pengarah untuk Institusi-institusi Kewangan Pembangunan (IKP) (BNM/RH/GL 005-4).

A. LEMBAGA PENGARAH

Lembaga ini kini dianggotai sembilan pengarah, yang mana lapan adalah pengarah bukan eksekutif. Pengarah Eksekutif ialah Ketua Eksekutif BSN. Kesemua pengarah mempunyai kemahiran dan pengalaman dalam bidang masing-masing dan telah menyumbang secara signifikan kepada kemajuan dan perkembangan BSN. Profil setiap pengarah dimuatkan dalam laporan ini.

Perlantikan kesemua pengarah adalah selaras dengan peruntukan dalam BNM/RH/GL 005-4.

Lembaga mesti bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali sebulan untuk mengkaji hal-hal kewangan, strategi serta dasar dan juga memantau prestasi bank. Mesyuarat khas juga telah diadakan untuk menimbang hal-hal perniagaan dan lain-lain urusan yang penting bila perlu. Untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015, Lembaga telah bermesyuarat 15 kali. Kehadiran pengarah-pengarah adalah seperti berikut.

STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE

The Board of Directors of Bank Simpanan Nasional is committed to upholding the principles of Corporate Governance and subscribes to Bank Negara Malaysia's Guidelines On Corporate Governance Standards on Directorships for Development Financial institutions (BNM/RH/GL 005-4).

A. BOARD OF DIRECTORS

The Board of Bank Simpanan Nasional (BSN) currently has nine directors out of which eight are non-Executive Directors. The Executive Director is the Chief Executive of BSN. All directors possess the necessary skills and experience in their respective fields of expertise and have contributed significantly to the progress and development of BSN. The profile of each of the directors is briefly described in this report.

The appointment of the Directors is in accordance with the requirements set out under BNM/RH/GL 005-4.

The Board of Directors meet at least once a month to consider financial matters, strategy and policies as well as monitor the overall performance of the Bank. Special Board meetings were also convened to consider urgent business as and when required. During the financial year ended 31 December 2015, the Board met 15 times. The attendance of the Directors is as follows:

Bil/No	Pengarah/Director	Kehadiran Mesyuarat/ Meeting Attendance
1.	Tan Sri Abu Bakar Hj Abdullah (<i>Pengerusi/Chairman</i>) <i>Bukan Eksekutif Bukan Bebas/Non-Executive Non-Independent</i>	15/15
2.	Dato' Siti Zauyah Mohd Desa (<i>Timbalan Pengerusi/Deputy Chairman</i>) <i>Bukan Eksekutif Bukan Bebas/Non-Executive Non-Independent</i>	5/5
3.	Datuk Ahmad Badri Mohd Zahir (<i>Timbalan Pengerusi/Deputy Chairman</i>) <i>Bukan Eksekutif Bukan Bebas/Non-Executive Non-Independent</i>	6/6
3.	Datuk Adinan Maning <i>Eksekutif Bukan Bebas/Executive Non-Independent</i>	15/15
4.	Dato' Ghazali Awang <i>Bukan Eksekutif Bebas/Non-Executive Independent</i>	11/11*
5.	Encik Alex Foong Soo Hah <i>Bukan Eksekutif Bebas/Non-Executive Independent</i>	14/15
6.	Encik Md Tajuddin Md Isa <i>Bukan Eksekutif Bebas/Non-Executive Independent</i>	13/15
7.	Datuk Azizan Abdul Rahman <i>Bukan Eksekutif Bebas/Non-Executive Independent</i>	9/12*
8.	Tuan Hj Kamari Zaman Juhari <i>Bukan Eksekutif Bebas/Non-Executive Independent</i>	15/15
9.	Encik Ramesh Pillai <i>Bukan Eksekutif Bebas/Non-Executive Independent</i>	14/15

* Merujuk kepada bilangan mesyuarat yang dihadiri bermula daripada tarikh lantikan semula.

* Refers to the number of meetings attended from the date of reappointment.

B. JAWATANKUASA-JAWATANKUASA

Terdapat empat jawatankuasa yang membantu Lembaga Pengarah menjalankan tugas dan tanggungjawab – Audit dan Pemeriksaan; Pengurusan Risiko; Pencalonan dan Saraan.

B. COMMITTEES

There are four Board Committees established to assist the Board in discharging its duties and responsibilities namely the Audit and Examination Committee, Risk Management Committee, Nomination Committee and Remuneration Committee.

JAWATANKUASA AUDIT DAN PEMERIKSAAN

1. MATLAMAT

Matlamat utama Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan (JAP) ialah untuk mengkaji kedudukan kewangan bank, kawalan dalaman, prestasi dan pendapat para pengaudit dan kemudian menyarankan secara berkala tindakan pemuliharaan.

2. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Tugas dan tanggungjawab JAP adalah seperti berikut:

- Memastikan akaun disiapkan secara tepat dan mengikut jadual, dengan kajian semula yang kerap untuk menentukan adanya peruntukan secukupnya bagi menghadapi kemungkinan di luar jangkaan serta hutang lapuk dan hutang ragu. Semakan semula juga dijalankan terhadap kunci kira-kira dan akaun untung-rugi sebelum dibentangkan kepada Lembaga serta memastikan laporan tahunan diterbitkan mengikut jadual;
- Menjalankan kaji semula terperinci untuk memastikan kesemua keperluan perundangan, peraturan dan garis panduan dipatuhi;
- Mengkaji semula kawalan dalaman, termasuk skop program audit dalaman serta penemuan audit dalaman dan mengesyorkan tindakan yang harus diambil oleh pihak pengurusan. Laporan-laporan dari audit dalaman dan JAP tidak boleh terlebih dulu mendapat kelulusan Ketua Eksekutif atau mana-mana Pengarah Eksekutif. JAP juga perlu menilai prestasi dan memutuskan pakej imbuhan untuk audit dalaman;
- Mengkaji semula dan menilai kecukupan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman berhubung aktiviti antara bank dan pengurusan kecairan bank keseluruhannya;
- Jawatankuasa ini juga perlu menilai prestasi Ketua Juruaudit Dalam dan memberi maklumbalas dan cadangan mengenai pakej imbuhan untuk kakitangan berkenaan;
- Mengkaji semula dengan Juruaudit Luar bidang pelan audit mereka, sistem kawalan akaun dalaman, laporan-laporan audit, bantuan dari pengurusan dan kakitangan kepada ahli-ahli audit serta penemuan audit dan tindakan yang perlu diambil;
- Mengkaji semula penyata kewangan di hujung tahun kewangan sebelum ianya dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan, dengan tumpuan kepada:
 - andaian perniagaan berterusan;
 - pematuhan kepada piawaian akaun dan keperluan undang-undang;
 - perubahan dalam dasar dan amalan akaun;
 - isu-isu penting dan perkara-perkara berbangkit yang mungkin terhasil dari proses audit;
- Membincangkan apa-apa isu dan keraguan yang dibangkitkan oleh Juruaudit Luar melalui laporan audit awal dan akhir dan apa-apa jua hal yang mungkin dikemukakan oleh Juruaudit Luar tanpa pembabitan pihak pengurusan;

AUDIT AND EXAMINATION COMMITTEE

1. OBJECTIVE

The primary objective of the Audit and Examination Committee (AEC) is to review the financial condition of the bank, its internal controls, performance and findings of the internal auditors, and to recommend appropriate remedial action regularly.

2. FUNCTIONS AND RESPONSIBILITIES

The functions and responsibilities of the AEC are as follows:

- Ensure the accounts are prepared in a timely and accurate manner with frequent reviews of the adequacy of provisions against contingencies, and bad and doubtful debts. Review the balance sheet and profit and loss account for submission to the full board of directors and ensure the prompt publication of annual accounts;
- Carry out a detailed review to ensure compliance to all legal requirements encompassing statutes, guidelines, regulations etc;
- Review internal controls including the scope of the internal audit programme, the internal audit findings, and recommend action to be taken by management. The reports of internal auditors and AEC should not be subject to the clearance of the Chief Executive or Executive Director. The AEC should also evaluate the performance and decide on the remuneration package of the internal auditors;
- Review and evaluate the adequacy and effectiveness of the internal control systems in relation to interbank activities and management of the overall liquidity of the Bank;
- The AEC should evaluate the performance of the Chief Internal Auditor (CIA) and provide feedback on the remuneration package of the CIA;
- Review with the External Auditors, the scope of their audit plan, the system of internal accounting controls, the audit reports, the assistance given by management and its staff to the auditors and any findings and actions to be taken;
- Review the year-end financial statement before it is tabled to the Board for approval, focusing on the following:
 - continuous business assumptions;
 - compliance to accounting standard and legal requirements;
 - changes in policy and accounting practices;
 - important issues and extraordinary matters which arise from the audit process;
- Discuss any issues and reservations raised by the external auditor from the interim and final audits, as well as any matter which the external auditors may wish to discuss (in the absence of the management or when necessary);

PENYATAAN TADBIR URUS KORPORAT

STATEMENT OF CORPORATE GOVERNANCE

- Mengkaji semula kandungan surat kepada pengurusan dari Juruaudit luar serta jawapan dari pengurusan;
- Mengkaji semula apa-apa transaksi dan situasi percanggahan kepentingan yang mungkin timbul dalam bank atau dalam kumpulan syarikat, termasuk apa-apa transaksi, prosedur atau tingkah laku yang boleh mempersoalkan integriti pihak pengurusan;

- Review the contents of the management letter issued by the external auditors as well as management's responses thereto;
- Review any related party transactions and conflict of interest situation that may arise in the Bank or within the group including any transaction, procedure or conduct that raises questions of the management's integrity.

3. KEKERAPAN BERMESYUARAT

Jawatankuasa ini mesti bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam tiga bulan. Dalam tahun 2015 JAP telah bermesyuarat sebanyak 13 kali. Kehadiran ahli-ahli adalah seperti berikut:

3. FREQUENCY OF MEETINGS

The AEC meets at least once in three months. During the financial year ended 31 December 2015, the AEC met 13 times. The attendance recorded for the members of the AEC is as follows:

Bil/No	Pengarah/Director	Kehadiran Mesyuarat/ Meeting Attendance
1.	Datuk Azizan Abd Rahman (<i>Pengerusi/Chairman</i>)	11/11*
2.	Encik Alex Foong Soo Hah	13/13
3.	Dato' Siti Zauyah Mohd Desa	1/3**
4.	Tuan Hj Kamari Zaman Juhari	13/13
5.	Encik Ramesh Pillai	10/13

* Merujuk kepada bilangan mesyuarat yang dihadiri bermula daripada tarikh lantikan semula.

** Merujuk kepada bilangan mesyuarat yang dihadiri sehingga tempoh lantikan tamat.

* Refers to the number of meetings attended from the date of reappointment.

** Refers to the number of meetings attended up to the end of the term of appointment.

JAWATANKUASA LEMBAGA PENGURUSAN RISIKO

1. MATLAMAT

Matlamat utama Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko (JLPR) ialah untuk menyelia aktiviti pengurusan risiko dalam mengurus bahagian risiko utama bank dan memastikan bahawa proses pengurusan risiko tersiap sedia dan berfungsi dengan berkesan.

BOARD RISK MANAGEMENT COMMITTEE

1. OBJECTIVE

The primary objective of the Board Risk Management Committee (BRMC) is to oversee the senior management's activities in managing the key risk areas of the Bank and to ensure that the risk management process is in place and functioning effectively.

2. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Tugas dan tanggungjawab JLPR adalah seperti berikut:

- Merangka strategi untuk keseluruhan risiko berkaitan aktiviti BSN.
- Mengesyorkan dasar pengurusan risiko yang sesuai, prosedur dan proses untuk bidang risiko utama seperti risiko-risiko pasaran, kredit, taja jamin, pelaburan dan operasi;
- Mengkaji semula kecukupan dasar pengurusan risiko, sistem-sistem dan tahap di mana kaedah-kaedah ini beroperasi secara berkesan;
- Mempromosi pendekatan bersepadu untuk menilai dan memantau risiko berselang-kait;
- Memastikan infrastruktur, sumber dan sistem tersedia untuk mengenal pasti, mengukur, memantau dan mengawal risiko;
- Mengkaji semula maklumat berkala dari pengurusan mengenai pendedahan risiko dan aktiviti pengurusan risiko;
- Merangka pelan perniagaan berterusan.

2. FUNCTIONS AND RESPONSIBILITIES

The functions and responsibilities of the BRMC are as follows:

- Formulating strategies to manage the overall risks associated with BSN's activities;
- Recommending appropriate risk management policies, procedures and processes in key risk areas such as market risk, credit risk, underwriting risk, investment risk and operational risk;
- Reviewing the adequacy of risk management policies, systems and the extent to which these are operating effectively;
- Promoting an integrated approach to evaluate and monitor interrelated risk;
- aset atau liabiliti cukai tertunda atau aset atau liabiliti yang berkaitan dengan pengaturan manfaat pekerja adalah diiktiraf dan diukur selaras dengan MFRS 112 *Cukai Pendapatan* dan MFRS 119 *Manfaat Pekerja*;
- liabiliti atau instrumen ekuiti yang berkaitan dengan pengaturan pembayaran berasaskan saham oleh penerima atau pengaturan pembayaran berasaskan saham oleh Kumpulan dimasukkan bagi menggantikan pengaturan pembayaran berasaskan saham oleh penerima yang diukur mengikut MFRS 2 *Pembayaran berasaskan Saham* pada tarikh penerimaan; dan
- aset (atau kumpulan penyingkiran) yang diklasifikasikan sebagai dipegang untuk jualan selaras dengan MFRS 5 *Aset Bukan Semasa Dipegang untuk Jualan dan Penamatan Kendalian* adalah diukur mengikut Piawaian tersebut.

Muhibah adalah diukur sebagai lebihan jumlah pertimbangan yang dipindahkan, apa-apa amaun kepentingan bukan kawalan semasa diambilalih, dan nilai saksama kepentingan ekuiti pemeroleh yang sebelum ini diambilalih (jika ada) ke atas amaun bersih pengambilalihan nilai pada tarikh jumlah aset dikenalpasti diambilalih dan liabiliti yang ditanggung. Jika, selepas penilaian semula, jumlah bersih pengambilalihan-tarikh aset dikenalpasti diambilalih dan liabiliti yang ditanggung melebihi jumlah pertimbangan yang dipindahkan, apa-apa amaun kepentingan bukan kawalan yang diambilalih dan nilai saksama ekuiti pemerolehan yang sebelum ini mempunyai kepentingan dalam syarikat yang diambilalih (jika ada), lebihan tersebut diiktiraf serta-merta dalam untung atau rugi sebagai keuntungan tawaran pembelian.

Kepentingan bukan kawalan adalah kepentingan pemilikan yang hadir dan melayakkan pemegangnya untuk berkongsi satu kadar aset bersih entiti sekiranya berlaku pembubaran yang mungkin pada mulanya diukur sama ada pada nilai saksama atau mengikut bahagian bersekadar dengan kepentingan bukan kawalan melalui jumlah yang diiktiraf daripada aset bersih yang boleh dikenalpasti. Asas pilihan pengukuran dibuat berdasarkan transaksi-transaksi. Lain-lain jenis kepentingan bukan kawalan diukur pada nilai saksama atau, apabila berkenaan, atas dasar yang dinyatakan dalam piawaian lain.

Jika pertimbangan yang dipindahkan oleh Kumpulan dalam penggabungan perniagaan termasuk aset atau liabiliti yang terhasil daripada pengaturan kontinjen, pertimbangan kontinjen diukur pada nilai saksama semasa tarikh pengambilalihan. Perubahan dalam nilai saksama pertimbangan kontinjen yang layak ke atas pelarasan tempoh pengukuran diselaraskan secara retrospektif, dengan pelarasan yang sepadan terhadap muhibah. Pelarasan tempoh pengukuran adalah pelarasan yang timbul daripada maklumat tambahan yang diperolehi semasa "tempoh pengukuran" (yang tidak boleh melebihi satu tahun dari tarikh pengambilalihan) mengenai fakta dan keadaan yang wujud pada tarikh pengambilalihan.

Perakaunan yang berikutnya bagi perubahan dalam nilai saksama pertimbangan luar jangka yang tidak layak sebagai pelarasan tempoh pengukuran bergantung kepada bagaimana pertimbangan kontinjen diklasifikasikan. Pertimbangan kontinjen yang diklasifikasikan sebagai ekuiti tidak diukur semula pada tarikh laporan berikutnya dan penyelesaian berikutnya adalah diambilalih dalam ekuiti. Pertimbangan kontinjen yang diklasifikasikan sebagai aset atau liabiliti diukur semula pada tarikh pelaporan berikutnya selaras dengan MFRS 139 *Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran* atau MFRS 137 *Peruntukan, Liabiliti Luarjangka dan Aset Luarjangka*, sebagaimana yang sesuai, dengan keuntungan atau kerugian sepadan yang diiktiraf dalam untung rugi.

Jika kepentingan ekuiti di mana kombinasi perniagaan dicapai secara berperingkat-peringkat, Kumpulan sebelumnya telah memegang kepentingan ekuiti akan diukur semula pada nilai saksama mengikut tarikh pengambilalihan tersebut (iaitu tarikh apabila Kumpulan mencapai kawalan) dan keuntungan atau kerugian yang terhasil, jika ada, diiktiraf dalam untung rugi. Jumlah yang timbul daripada kepentingan yang diambilalih sebelum tarikh pengambilalihan di mana sebelum ini telah diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain diklasifikasikan kepada untung atau rugi, di mana keadaan itu akan menjadi sesuai jika kepentingan itu telah dilupuskan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

(a) Asas penyatuan (samb.)

(i) Subsidiari dan asas penyatuan (samb.)

Kombinasi Perniagaan (samb.)

Jika permulaan perakaunan bagi penggabungan perniagaan adalah tidak lengkap menjelang akhir tempoh pelaporan di mana gabungan itu berlaku, Kumpulan melaporkan jumlah sementara bagi barangan yang perakaunannya adalah lengkap. Jumlah sementara diselaraskan dalam tempoh pengukuran (seperti di atas), atau aset atau liabiliti tambahan diiktiraf, untuk mencerminkan maklumat baru yang diperolehi tentang fakta dan keadaan yang wujud pada tarikh pengambilalihan itu, jika diketahui, akan menjejaskan amaun yang diiktiraf pada tarikh berkenaan.

Subsidiari

Pelaburan dalam subsidiari yang dihapuskan semasa penyatuan, dinyatakan pada kos ditolak kerugian penjejasan, jika ada, dalam penyata kewangan Bank yang berasingan.

(ii) Pelaburan dalam syarikat bersekutu

Syarikat bersekutu adalah entiti di mana Kumpulan mempunyai pengaruh penting. Pengaruh penting adalah kuasa untuk mengambil bahagian dalam keputusan dasar kewangan dan operasi syarikat bersekutu tetapi tidak mempunyai kawalan atau kawalan bersama ke atas dasar-dasar tersebut.

Keputusan dan aset dan liabiliti syarikat bersekutu diambil kira di dalam penyata kewangan yang disatukan menggunakan kaedah perakaunan ekuiti, kecuali apabila pelaburan, atau sebahagian daripadanya, diklasifikasikan sebagai dipegang untuk jualan, di mana ia akan diambil kira selaras dengan MFRS 5. Di bawah kaedah ekuiti, pelaburan di dalam syarikat bersekutu pada mulanya diiktiraf di dalam penyata kedudukan kewangan pada kos dan diselaraskan kemudiannya untuk mengiktiraf untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain Kumpulan ke atas syarikat bersekutu. Apabila bahagian kerugian Kumpulan dalam syarikat bersekutu melebihi kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu berkenaan (termasuk sebarang kepentingan jangka panjang yang pada amnya, merupakan sebahagian daripada pelaburan bersih Kumpulan dalam syarikat bersekutu), Kumpulan tidak meneruskan mengiktiraf bahagiannya dalam kerugian. Kerugian tambahan diiktiraf hanya setakat di mana Kumpulan menanggung obligasi perundangan atau konstruktif atau membuat pembayaran bagi pihak syarikat bersekutu.

Pelaburan dalam syarikat bersekutu diambil kira dengan menggunakan kaedah ekuiti dari tarikh di mana pelaburan menjadi syarikat bersekutu. Sebarang lebihan kos pengambilalihan ke atas kepentingan Kumpulan dalam nilai saksama aset, liabiliti dan liabiliti luar jangka bersih yang dikenal pasti adalah mewakili muhibah, di mana ia dimasukkan di dalam amaun bawaan pelaburan. Sebarang lebihan kepentingan Kumpulan dalam nilai saksama bersih aset dan liabiliti yang boleh dikenal pasti ke atas kos pelaburan, selepas penilaian semula, diiktiraf serta merta di dalam untung atau rugi dalam tempoh di mana pelaburan tersebut diperolehi.

Keperluan MFRS 139 digunakan untuk menentukan sama ada ia perlu untuk mengiktiraf sebarang penjejasan bagi pelaburan Kumpulan dalam syarikat bersekutu. Apabila perlu, keseluruhan amaun bawaan pelaburan (termasuk muhibah) diuji untuk penjejasan mengikut MFRS 136 *Penjejasan Aset* sebagai aset tersendiri dengan membandingkan amaun boleh pulih (lebih tinggi daripada nilai yang digunakan dan nilai saksama ditolak kos pelupusan) dengan amaun bawaan. Sebarang kerugian penjejasan yang diiktiraf membentuk sebahagian dengan amaun bawaan pelaburan. Sebarang keterbalikan kerugian penjejasan diiktiraf mengikut MFRS 136 setakat mana amaun boleh pulih pelaburan kemudiannya meningkat.

Kumpulan tidak meneruskan penggunaan kaedah ekuiti dari tarikh pelaburan terhenti menjadi syarikat bersekutu atau apabila pelaburan tersebut dikelaskan sebagai dipegang untuk jualan. Apabila Kumpulan mengekalkan kepentingan dalam bekas syarikat bersekutu dan kepentingan yang dikekalkan adalah aset kewangan, Kumpulan mengukur kepentingan dikekalkan pada nilai saksama pada tarikh tersebut dan nilai saksama adalah dianggap sebagai nilai saksama pada pengiktirafan awal mengikut MFRS 139. Perbezaan di antara amaun bawaan syarikat bersekutu pada tarikh kaedah ekuiti dihentikan, dan nilai saksama sebarang kepentingan dikekalkan dan apa-apa hasil daripada melupuskan sebahagian kepentingan dalam syarikat bersekutu diambil kira dalam penentuan keuntungan atau kerugian di atas pelupusan syarikat bersekutu. Di samping itu, Kumpulan akan mengambil kira semua jumlah yang sebelum ini diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain berkenaan dengan syarikat bersekutu sama seperti dasar yang akan disyaratkan jika syarikat bersekutu telah secara langsung melupuskan aset atau liabiliti yang berkaitan. Oleh itu, sekiranya keuntungan atau kerugian yang dahulunya diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain oleh syarikat bersekutu akan dikelaskan semula kepada untung atau rugi ke atas pelupusan aset atau liabiliti. Kumpulan mengklasifikasikan semula keuntungan atau kerugian daripada ekuiti kepada untung atau rugi (sebagai pelarasan klasifikasi semula) apabila kaedah ekuiti dihentikan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

(a) Asas penyatuan (samb.)

(ii) Pelaburan dalam syarikat bersekutu (samb.)

Kumpulan masih menggunakan kaedah ekuiti apabila pelaburan dalam syarikat bersekutu menjadi satu pelaburan dalam usahasama. Tidak ada pengukuran semula nilai saksama kepada sebarang perubahan dalam kepentingan pemilikan.

Apabila Kumpulan mengurangkan kepentingan pemilikannya dalam syarikat bersekutu tetapi Kumpulan terus menggunakan kaedah ekuiti, Kumpulan mengklasifikasikan semula kepada untung atau rugi bahagian keuntungan atau kerugian yang sebelum ini telah diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain sehubungan dengan pengurangan dalam kepentingan pemilikan jika keuntungan atau kerugian akan dikelaskan semula kepada untung atau rugi ke atas pelupusan aset atau liabiliti yang berkaitan.

Apabila sekumpulan entiti berurusan dengan syarikat bersekutu Kumpulan, untung atau rugi dari urus niaga dengan syarikat bersekutu diiktiraf dalam penyata kewangan yang disatukan hanya setakat kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu yang tidak berkaitan dengan Kumpulan.

(b) Urus niaga mata wang asing

Urus niaga dalam mata wang asing ditukarkan kepada mata wang fungsian bagi setiap entiti dalam Kumpulan pada kadar pertukaran pada tarikh urus niaga.

Aset dan liabiliti kewangan dalam mata wang asing pada akhir tempoh pelaporan ditukarkan kepada mata wang fungsian pada kadar pertukaran pada tarikh tersebut.

Aset dan liabiliti bukan kewangan dalam mata wang asing yang diukur pada nilai saksama ditukarkan kepada mata wang fungsian pada kadar pertukaran pada tarikh nilai saksama ditentukan. Perbezaan mata wang asing yang timbul daripada pertukaran semula diiktiraf dalam untung atau rugi.

(c) Pendapatan faedah dan pembiayaan dan perbelanjaan

Semua instrumen kewangan yang diukur pada kos terlunas dan aset kewangan yang menjana faedah/keuntungan diklasifikasikan sebagai dipegang untuk dagangan dan sekuriti tersedia untuk jualan, pendapatan faedah dan pembiayaan dan perbelanjaan diiktiraf di bawah pendapatan faedah, perbelanjaan faedah dan pendapatan bersih bagi operasi Perbankan Islam dalam untung atau rugi menggunakan kaedah faedah/keuntungan efektif.

Kaedah faedah/keuntungan efektif adalah kaedah pengiraan kos aset dan liabiliti kewangan yang dilunaskan dan mengagihkan pendapatan faedah/pembiayaan atau perbelanjaan dalam tempoh yang berkenaan. Kadar faedah/keuntungan efektif adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa hadapan atau penerimaan melalui jangka hayat instrumen kewangan atau tempoh yang lebih singkat kepada jumlah bersih amaun bawaan bagi aset atau liabiliti kewangan. Pengiraan ini mengambil kira semua syarat kontrak instrumen kewangan tetapi tidak mengambil kira kerugian kredit masa hadapan. Yuran dan kos urus niaga yang ketara adalah penting kepada kadar faedah efektif dan kiraan premium atau diskaun.

Pendapatan daripada kontrak berasaskan jual-beli diiktiraf menggunakan asas kadar keuntungan efektif ke atas tempoh kontrak berdasarkan jumlah pokok belum dijelaskan manakala pendapatan daripada Ijarah (kontrak berasaskan pajakan) diiktiraf menggunakan asas kadar keuntungan efektif ke atas tempoh pajakan.

Bagi aset kewangan yang telah terjejas di mana nilai aset kewangan telah dikurangkan akibat kerugian penjejasan, pendapatan faedah/pembiayaan terus diiktiraf menggunakan kadar faedah/keuntungan dengan mendiskaunkan aliran tunai masa hadapan bagi tujuan mengukur kerugian penjejasan.

(d) Pendapatan dan perbelanjaan fi dan komisyen

Pendapatan dan perbelanjaan fi dan komisyen yang integral untuk kadar pendapatan faedah/pembiayaan efektif ke atas aset atau liabiliti kewangan dimasukkan dalam pengukuran kadar pendapatan faedah/pembiayaan efektif.

Kos sampingan dan pendapatan komisyen merangkumi fi servis akaun, fi pengurusan pelaburan, komisyen jualan, fi penempatan pinjaman bersindiket diiktiraf selepas perkhidmatan berkaitan dilaksanakan. Apabila komitmen pinjaman tidak dijangka dikeluarkan dari pinjaman, fi komitmen pinjaman berkenaan diiktiraf atas dasar sama rata sepanjang tempoh komitmen tersebut.

Lain-lain fi terutamanya berkaitan dengan urus niaga dan fi perkhidmatan, diambil kira sebagai perbelanjaan apabila perkhidmatan diberikan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

(d) Pendapatan dan perbelanjaan fi dan komisyen (samb.)

Fi wakalah, perbelanjaan komisyen dan perbelanjaan pengurusan

Selaras dengan prinsip-prinsip Wakalah seperti yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah dan dipersetujui oleh pemegang polisi dan Pengendali Takaful, peratusan yang dipersetujui ke atas sumbangan kasar akan dikenakan oleh dana Pengendali Takaful secara pendahuluan kepada dana takaful am dan takaful keluarga sebagai fi wakalah.

Fi wakalah yang dikenakan oleh dana Pengendali Takaful daripada peserta digunakan untuk membayar semua perbelanjaan pengurusan dan perbelanjaan komisyen Pengendali Takaful, yang telah ditanggung bagi pihak dana takaful am dan keluarga. Semua perbelanjaan pengurusan diiktiraf oleh Pengendali Takaful apabila berlaku.

Perbelanjaan komisyen, iaitu kos langsung yang telah ditanggung dalam mendapatkan caruman ke atas sijil takaful diiktiraf oleh Pengendali Takaful sebagai perbelanjaan dan diperuntukkan sewajarnya dalam tempoh di mana ia berkemungkinan menghasilkan pendapatan.

(e) Dividen

Pendapatan dividen daripada subsidiari, syarikat bersekutu dan pelaburan lain diiktiraf apabila hak para pemegang saham untuk menerima bayaran telah ditentukan.

(f) Pendapatan sewa

Pendapatan sewa daripada pelaburan hartanah diiktiraf dalam untung atau rugi berasaskan garis lurus sepanjang tempoh pajakan. Insentif pajakan yang diberikan diiktiraf sebagai sebahagian penting daripada jumlah pendapatan sewa di sepanjang tempoh pajakan. Pendapatan sewa daripada hartanah dipajak yang dipajak semula diiktiraf sebagai pendapatan lain.

(g) Geran kerajaan

Geran kerajaan tidak diiktiraf sehingga terdapat kepastian yang munasabah bahawa Bank akan mematuhi syarat-syarat yang dikenakan kepada mereka dan bahawa geran tersebut akan diterima.

Geran kerajaan diiktiraf dalam untung atau rugi secara sistematik sepanjang tempoh di mana Bank mengiktirafkannya sebagai perbelanjaan kos yang berkaitan di mana geran bertujuan untuk digunakan. Secara amnya, geran kerajaan di mana syarat utama adalah Bank perlu membeli, membina atau memperoleh aset bukan semasa diiktiraf sebagai hasil tertunda dalam penyata kedudukan kewangan dan dilunaskan kepada untung atau rugi secara sistematik dan rasional ke atas hayat berguna aset tersebut.

Geran kerajaan yang diterima sebagai pampasan untuk perbelanjaan atau kerugian yang bertujuan memberi bantuan kewangan segera kepada Bank dengan tiada kos berkaitan masa depan diiktiraf dalam untung atau rugi dalam tempoh di mana ia dikira akan diterima.

Manfaat daripada pinjaman kerajaan pada kadar faedah di bawah kadar faedah pasaran dianggap sebagai geran kerajaan diukur sebagai perbezaan di antara perolehan yang diterima dan nilai saksama pinjaman berdasarkan kadar faedah pasaran semasa.

(h) Pencukaian

Perbelanjaan cukai pendapatan terdiri daripada cukai semasa yang perlu dibayar dan cukai tertunda. Cukai semasa dan cukai tertunda diiktiraf di dalam untung atau rugi kecuali pada tahap di mana ia berkaitan dengan penggabungan perniagaan atau perkara yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti atau pendapatan komprehensif lain.

Cukai semasa yang perlu dibayar adalah berdasarkan kepada untung atau rugi boleh cukai untuk tahun tersebut dan dikira menggunakan kadar cukai yang telah digubal atau digubal secara substantif pada akhir tempoh laporan.

Cukai tertunda diukur pada kadar cukai yang dijangka akan dipakai dalam tempoh di mana liabiliti dilangsaikan atau aset direalisasikan, berdasarkan undang-undang yang telah digubal atau digubal secara substantif pada akhir tempoh laporan. Pengukuran liabiliti dan aset cukai tertunda mencerminkan kesan cukai seperti mana Kumpulan dan Bank menjangkakan pada akhir tempoh pelaporan, untuk memperoleh atau melangsaikan amaun bawaan aset dan liabilitinya.

Amaun dibawa bagi aset cukai tertunda dinilai semula pada setiap akhir tempoh pelaporan dan dikurangkan sehingga tiada kemungkinan bahawa keuntungan boleh cukai yang mencukupi akan tersedia untuk membolehkan semua atau sebahagian daripada aset tersebut diperolehi semula.

Aset dan liabiliti cukai tertunda diimbangi apabila terdapat hak yang boleh dikuatkuasakan untuk mengimbangi aset cukai semasa terhadap liabiliti cukai semasa dan apabila ia berkaitan dengan cukai pendapatan yang dikenakan oleh pihak berkuasa percukaian yang sama dan Kumpulan dan Bank berhasrat untuk menyelesaikan aset cukai semasa mereka dan liabiliti atas nilai bersih.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

(i) Instrumen kewangan

(i) Pengiktirafan

Aset dan liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila dan hanya apabila Kumpulan dan Bank menjadi pihak dalam peruntukan kontrak instrumen tersebut.

Aset dan liabiliti kewangan pada awalnya diukur pada nilai saksama. Kos transaksi yang berkaitan secara langsung dengan pemerolehan atau terbitan instrumen kewangan akan ditambah atau ditolak (selain daripada aset dan liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi).

Derivatif terbenam diiktiraf secara berasingan daripada kontrak utama dan diambil kira sebagai derivatif sekiranya, dan hanya sekiranya, ia tidak berkait rapat dengan ciri-ciri ekonomi dan risiko kontrak utama dan kontrak utama tidak dikategorikan sebagai nilai saksama melalui untung atau rugi. Kontrak utama, sekiranya ada derivatif terbenam diiktiraf secara berasingan, ia diambil kira mengikut polisi diguna pakai kepada sifat kontrak utama.

(ii) Penyahiktirafan

Aset kewangan atau sebahagian daripadanya hanya dinyahiktiraf apabila hak kontraktual kepada aliran tunai dari aset kewangan tersebut berakhir atau aset kewangan tersebut dipindahkan kepada pihak lain tanpa kawalannya dikekalkan atau sebahagian besar risiko atau ganjaran hakmilik terhadap aset tersebut. Ketika penyahiktirafan aset kewangan, perbezaan antara amaun bawaan aset dan jumlah pertimbangan telah diterima (termasuk apa-apa aset baru yang baru diperolehi dikurangkan dengan sebarang liabiliti baru yang dianggarkan) dan apa-apa keuntungan atau kerugian terkumpul yang telah diiktiraf dalam ekuiti, diiktiraf dalam untung atau rugi.

Liabiliti kewangan atau sebahagian darinya hanya dinyahiktiraf apabila obligasi kontrak telah dilucutkan atau dibatalkan atau cukup tempoh. Semasa liabiliti kewangan dinyahiktiraf perbezaan diantara amaun bawaan liabiliti kewangan dihapuskan atau dipindahkan kepada pihak lain dan jumlah pertimbangan yang dibayar termasuk apa-apa aset bukan tunai dipindahkan atau liabiliti dianggarkan diiktiraf dalam untung atau rugi.

(iii) Mengofset

Aset dan liabiliti kewangan diofset dan amaun bersih dibentangkan dalam penyata kedudukan kewangan hanya apabila Kumpulan dan Bank mempunyai hak undang-undang untuk mengofset amaun diiktiraf dengan hasrat samada untuk menyelesaikan secara asas bersih atau merealisasikan aset dan melangsakan liabiliti secara serentak.

Pendapatan dan perbelanjaan dibentangkan secara asas bersih hanya jika dibenarkan di bawah MFRS, atau untuk keuntungan dan kerugian yang timbul dari kumpulan urus niaga yang sama seperti dalam aktiviti perdagangan Kumpulan dan Bank.

(iv) Kaedah faedah/keuntungan efektif

Kadar faedah/keuntungan efektif adalah kaedah pengiraan/pelunasan kos bagi instrumen hutang, liabiliti kewangan dan pembahagian faedah pendapatan bagi tempoh yang berkenaan. Kaedah faedah/keuntungan efektif adalah kadar yang tepat anggaran penerimaan tunai masa hadapan melalui jangka tempoh hayat aset dan liabiliti kewangan atau (jika bersesuaian) tempoh lebih pendek, kepada amaun bawaan bersih pada pengiktirafan awal.

(v) Pengenalpastian dan pengukuran penjejasan

Pada akhir tempoh laporan, Kumpulan dan Bank mentaksir sama ada wujud bukti objektif di mana aset kewangan yang tidak dinilai pada nilai saksama melalui untung atau rugi telah merosot. Aset kewangan atau kumpulan aset kewangan terjejas apabila bukti objektif mempamerkan peristiwa kerugian yang telah berlaku selepas pengiktirafan awal aset tersebut, dan peristiwa kerugian memberi kesan ketara ke atas aliran tunai aset yang boleh dianggar secara munasabah.

Bukti objektif bahawa aset kewangan (termasuk sekuriti-sekuriti ekuiti) terjejas boleh merangkumi kesukaran kewangan yang signifikan bagi peminjam atau penerbit; kemungkiran atau pengabaian oleh peminjam; penstrukturan semula terma pinjaman atau pendahuluan di mana Kumpulan dan Bank sebaliknya tidak akan mempertimbangkan; petunjuk bahawa peminjam atau penerbit akan mengalami kemufilsan; hilang daripada pasaran aktif untuk sekuriti; atau data lain yang boleh diperhatikan berkaitan dengan sekumpulan aset seperti perubahan yang bertentangan dengan status pembayaran peminjam atau penerbit dalam kumpulan; atau keadaan ekonomi yang berkait dengan kemungkiran kumpulan tersebut. Sebagai tambahan untuk pelaburan dalam sekuriti ekuiti, pengurangan yang ketara atau berpanjangan di dalam nilai saksama di bawah kos ialah bukti yang objektif terhadap pejejasan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

(i) Instrumen kewangan (samb.)

(v) Pengenalpastian dan pengukuran penjejasan (samb.)

a. Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan

Kumpulan dan Bank mengambil kira bukti penjejasan pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan pada tahap kolektif. Kesemua pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan yang secara individu signifikan dinilai penjejasan secara khusus. Jika semua pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan yang secara individunya signifikan dan didapati tidak mengalami penjejasan secara khusus akan dinilai secara kolektif untuk penjejasan yang telah berlaku tetapi belum dikenalpasti.

Dalam penentuan penjejasan ke atas pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan, Kumpulan dan Bank menilai pada akhir setiap tempoh pelaporan sama ada terdapat bukti objektif bahawa pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan atau kumpulan pembiayaan telah terjejas. Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan atau kumpulan pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan terjejas dan kerugian penjejasan berlaku hanya jika terdapat bukti objektif penjejasan sebagai hasil daripada satu atau lebih peristiwa yang telah berlaku selepas pengiktirafan awal aset (iaitu peristiwa kerugian yang ditanggung) dan bahawa kerugian mempunyai kesan ke atas anggaran aliran tunai masa hadapan pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan atau kumpulan pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan yang boleh dianggarkan dengan pasti.

Kumpulan dan Bank menilai secara individu sama ada bukti objektif penjejasan wujud secara individu bagi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan yang signifikan secara individu, atau secara kolektif bagi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan yang tidak signifikan secara individu. Jika ditentukan bahawa tiada bukti objektif penjejasan wujud bagi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan yang ditaksir secara individu, pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan kemudian dimasukkan ke dalam kumpulan pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan dengan ciri-ciri risiko kredit yang sama dan dinilai secara kolektif untuk penjejasan. Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan yang dinilai secara individu untuk penjejasan dan di mana kerugian penjejasan adalah diiktiraf, ia tidak dimasukkan dalam penilaian kolektif untuk penjejasan.

Kerugian penjejasan atas aset yang dibawa pada kos terlunas diukur sebagai perbezaan antara nilai bawaan aset kewangan dan nilai kini anggaran aliran tunai masa depan didiskaunkan pada kadar faedah/keuntungan efektif asal aset tersebut. Kerugian penjejasan diiktiraf di dalam untung atau rugi dan dinyatakan dalam akaun elaun atas pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan. Faedah dan untung ke atas pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan yang terjejas akan diiktiraf melalui diskaun 'unwinding'.

Perubahan dalam peruntukan penjejasan ke atas nilai masa adalah digambarkan sebagai komponen pendapatan faedah/pembiayaan.

Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan yang secara individunya tidak signifikan dinilai secara kolektif untuk penjejasan dengan mengelaskan bersama pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan mengikut ciri-ciri risiko yang serupa.

Di dalam menilai penjejasan kolektif Kumpulan dan Bank menggunakan tren permodelan statistik sejarah bagi tren kebarangkalian, mungkir masa pemulihan dan jumlah kerugian yang berlaku. Ianya dilaraskan oleh pertimbangan pengurusan sama ada kedudukan kredit dan ekonomi semasa menyebabkan kerugian melebihi atau berkurangan daripada yang dicadangkan oleh permodelan sejarah (historical modelling). Kadar kemungkinan, kadar kerugian dan jangkaan pemulihan masa depan ditanda aras berasaskan keputusan sebenar untuk memastikan ia terus bersesuaian.

Apabila peristiwa berikutan menyebabkan jumlah kerugian penjejasan menurun, penurunan dalam kerugian penjejasan akan diselaraskan semula melalui untung atau rugi.

Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan diklasifikasikan sebagai terjejas apabila prinsipal atau faedah/untung atau kedua-duanya tertunggak untuk tempoh 90 hari ke atas atau tertunggak kurang daripada itu tetapi disokong oleh tanda kelemahan kredit pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan. Kumpulan dan Bank menghapus kira pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan tertentu apabila mereka telah ditentukan untuk menjadi tidak boleh dipungut semula.

Bagi mengukuhkan lagi penampan terhadap potensi kerugian kredit, Kumpulan dan Bank telah mengekalkan, secara agregat, peruntukan penjejasan kolektif dan rizab pematuhan pada kadar minimum sebanyak 1.2% daripada jumlah pinjaman/pembiayaan terkumpul (tidak termasuk pinjaman/pembiayaan dengan jaminan tersirat daripada Kerajaan Persekutuan Malaysia), selepas ditolak peruntukan penjejasan individu seperti yang dikehendaki oleh BNM melalui surat rujukan JJKP/8808/13/01/05 diterbitkan pada 4 Februari 2014.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

(i) Instrumen kewangan (samb.)

(v) Pengenalpastian dan pengukuran penjejasan (samb.)

a. Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan (samb.)

Dalam tahun 2014, BNM mengarahkan Kumpulan dan Bank mematuhi keperluan undang-undang untuk mengekalkan kadar minimum sebanyak 1.2% penjejasan kolektif atas pinjaman terjejas hendaklah digunakan berdasarkan segmentasi pinjaman. Bagi kes di mana sekiranya terdapat kekurangan antara penjejasan kolektif yang dikira berdasarkan kaedah Kumpulan dan Bank dan mematuhi keperluan undang-undang untuk mengekalkan kadar minimum sebanyak 1.2% untuk segmen pinjaman tertentu, maka Kumpulan dan Bank perlu mengenalpasti perbezaan melalui untung atau rugi. Walau bagaimanapun, sekiranya segmen pinjaman tertentu, kemerosotan kolektif adalah lebih tinggi daripada 1.2% yang dikira berdasarkan kaedah Kumpulan dan Bank maka kemerosotan bagi segmen pinjaman tersebut harus dikekalkan kiraan berdasarkan kaedah Kumpulan dan Bank.

b. Pelaburan sekuriti dipegang hingga matang

Bagi sekuriti dibawa pada kos terlunas yang mana terdapat bukti objektif penjejasan, kerugian penjejasan diukur sebagai perbezaan antara amaun bawaan sekuriti dan nilai kini anggaran aliran tunai masa depan didiskaunkan pada kadar faedah/untung efektif asal sekuriti. Amaun kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi. Faedah di atas pelaburan sekuriti dipegang hingga matang yang terjejas diiktiraf secara berterusan melalui diskaun 'unwinding'.

Penarikbalikan kerugian penjejasan diiktiraf apabila penurunan secara objektif boleh dikaitkan kepada satu peristiwa yang berlaku selepas penjejasan diiktiraf, sehingga tahap amaun bawaan sekuriti tidak melebihi kos terlunas apabila tiada penjejasan diiktiraf. Penarikbalikan kerugian penjejasan diiktiraf dalam untung atau rugi.

Untuk sekuriti dibawa pada kos, kerugian penjejasan diukur sebagai perbezaan antara amaun bawaan sekuriti dan nilai kini anggaran aliran tunai masa depan didiskaunkan pada kadar pulangan pasaran semasa untuk sekuriti yang sama. Amaun kerugian penjejasan diiktiraf dalam untung atau rugi dan kerugian penjejasan sedemikian tidak boleh ditarik balik selepas pengiktirafannya. Kumpulan dan Bank akan menghapuskan pelaburan sekuriti dipegang hingga matang apabila ianya dapat dikenalpasti tidak boleh dipungut semula.

c. Pelaburan sekuriti tersedia untuk jualan

Bagi pelaburan sekuriti tersedia untuk jualan yang mana terdapat bukti objektif penjejasan, kerugian penjejasan terkumpul yang telah diiktiraf secara langsung dalam pendapatan komprehensif lain boleh dipindahkan daripada pendapatan komprehensif lain untuk mendapat keuntungan atau kerugian, walaupun sekuriti tidak diiktiraf. Kerugian penjejasan terkumpul diukur sebagai perbezaan antara kos perolehan (selepas ditolak apa-apa bayaran balik prinsipal dan pelunasan) dan nilai saksama semasa (ditolak sebarang kerugian penjejasan yang diiktiraf sebelumnya dalam untung atau rugi).

Jika dalam tempoh berikutnya nilai saksama bagi pelaburan sekuriti tersedia untuk jualan yang telah terjejas meningkat dan peningkatan tersebut secara objektifnya dapat dikaitkan dengan peristiwa yang berlaku selepas kerugian penjejasan telah diiktiraf dalam untung atau rugi, kerugian penjejasan dilaraskan semula dengan amaun pelarasan tersebut diiktiraf dalam untung atau rugi. Bagaimanapun, sebarang bayaran balik pelaburan sekuriti ekuiti tersedia untuk jualan pada nilai saksama yang terjejas diiktiraf dalam pendapatan komprehensif yang lain. Kumpulan dan Bank akan menghapuskan pelaburan sekuriti tersedia untuk jualan yang tertentu apabila ianya dapat dikenalpasti tidak boleh dipungut semula.

(vi) Penetapan pada nilai saksama melalui untung atau rugi

Aset dan liabiliti kewangan Kumpulan dan Bank telah ditetapkan pada nilai saksama melalui untung atau rugi dalam keadaan berikut:

- Aset atau liabiliti diurus, dinilai dan dilaporkan secara dalaman berasaskan nilai saksama.
- Penetapan ini menyingkirkan atau mengurangkan secara signifikan suatu perbezaan perakaunan yang mungkin wujud.
- Aset atau liabiliti mengandungi derivatif terbenam yang secara signifikan mengubah aliran tunai yang mungkin diperlukan di dalam kontrak tersebut.

Nota 33 menunjukkan jumlah bagi setiap kelas aset atau liabiliti kewangan yang telah ditetapkan pada nilai saksama melalui untung atau rugi. Penjelasan kepada asas untuk setiap penetapan telah dibentangkan seperti di dalam nota setiap aset atau liabiliti kelas yang berkenaan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

(j) Penjejasan aset bukan kewangan

Amaun dibawa bagi aset bukan kewangan Kumpulan dan Bank dikaji semula pada setiap tarikh akhir tempoh pelaporan untuk menentukan samada terdapat sebarang petunjuk penjejasan. Jika terdapat sebarang petunjuk sedemikian, amaun boleh pulih aset dianggarkan dan kerugian penjejasan diiktiraf dalam untung atau rugi Kumpulan dan Bank.

Dasar tentang penjejasan aset-aset bukan kewangan diringkaskan seperti berikut:

Aset-aset lain

Aset-aset lain seperti hartanah, loji dan kelengkapan, pelaburan dalam syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu dikaji semula untuk petunjuk penjejasan yang objektif pada akhir setiap tempoh pelaporan atau apabila terdapat sebarang petunjuk yang aset-aset ini mungkin terjejas. Jika terdapat petunjuk sedemikian, kerugian penjejasan ditentukan sebagai lebih daripada nilai bawaan aset mengatasi amaun boleh pulihnya (yang lebih besar antara nilai dalam kegunaan atau nilai saksama tolak kos pelupusan) dan diiktiraf dalam untung atau rugi. Sebarang penarikbalikan kerugian penjejasan untuk aset-aset ini diiktiraf dalam untung atau rugi. Amaun bawaan dinaikkan kepada amaun boleh pulih setelah semakan, dengan syarat amaun tersebut tidak melebihi amaun bawaan yang sepatutnya dibawa (bersih selepas pelunasan atau susut nilai) jika tiada kerugian penjejasan diiktiraf untuk aset-aset tersebut pada tahun-tahun sebelumnya.

(k) Tunai dan kesetaraan tunai

Tunai dan kesetaraan tunai termasuk tunai dan baki bank dengan bank-bank berlesen dan institusi kewangan lain dan wang panggilan dan penempatan deposit matang dalam tempoh sebulan, adalah jangka pendek, pelaburan yang sangat cair dengan kematangan satu bulan atau kurang dari tarikh pengambilalihan dan sedia untuk ditukar kepada tunai dengan risiko ketara perubahan dalam nilai.

(l) Aset dan liabiliti dagangan

Aset-aset dan liabiliti-liabiliti dagangan ialah aset dan liabiliti yang diperolehi oleh Kumpulan dan Bank dengan tujuan utamanya untuk dijual atau dibeli kembali dalam tempoh terdekat atau dipegang sebagai sebahagian daripada portfolio yang dikendalikan bersama untuk keuntungan jangka pendek atau untuk tujuan perletakan.

Aset-aset dan liabiliti-liabiliti pada awalnya diiktiraf dan seterusnya diukur pada nilai saksama dalam penyata kedudukan kewangan, dengan kos transaksi yang diiktiraf dalam untung atau rugi. Semua perubahan nilai saksama diiktiraf sebagai sebahagian daripada pendapatan dagangan bersih dalam untung atau rugi. Aset-aset dan liabiliti-liabiliti dagangan tidak boleh diklasifikasikan semula selepas pengiktirafan awal, kecuali aset dagangan bukan derivatif, melainkan yang ditandakan pada nilai saksama melalui untung atau rugi ketika pengiktirafan awal, kemungkinan boleh diklasifikasikan semula dari kategori nilai saksama melalui untung atau rugi (iaitu dagangan) sekiranya ianya tidak lagi dipegang untuk tujuan jualan atau belian kembali dalam tempoh terdekat dan keadaan-keadaan berikut ini dipenuhi:

- Jika aset kewangan telah memenuhi definisi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan dan belum terima (jika aset kewangan tidak diperlukan untuk diklasifikasikan sebagai pegangan untuk dagangan pada ketika pengiktirafan awal) maka ianya mungkin boleh diklasifikasikan semula sekiranya Kumpulan dan Bank mempunyai hasrat dan kemampuan untuk memegang aset kewangan itu untuk masa depan atau sehingga matang.
- Jika aset kewangan tidak memenuhi definisi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan dan belum terima, maka ianya mungkin diklasifikasikan semula daripada kategori dagangan hanya dalam 'keadaan-keadaan yang jarang berlaku'.

(m) Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan

Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan ialah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran-bayaran telah ditetapkan dan boleh ditentukan dan tidak disiar di pasaran aktif dan Kumpulan dan Bank tidak berhasrat untuk menjual serta-merta atau dalam tempoh terdekat. Pembiayaan Kumpulan dan Bank terdiri daripada kontrak jual beli (dinamakan Bai' Bithaman Ajil, Bai Al-Inah, Murabahah dan At-Tawarruq), kontrak berasaskan pajakan (dinamakan Ijarah), dan kontrak Ujrah.

Apabila Kumpulan dan Bank merupakan pemberi pajak dalam perjanjian pajakan yang memindahkan sebahagian besar ganjaran dan risiko yang berkaitan dengan pemilikan aset kepada penerima pajak, perjanjian itu diklasifikasikan sebagai pajakan kewangan dan belum terima yang bersamaan pelaburan bersih dalam pajakan tersebut diiktiraf dan dibentangkan dalam pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan.

Apabila Kumpulan dan Bank membeli aset kewangan dan dengan serentak membuat perjanjian untuk menjual semula aset (atau aset yang serupa) pada harga tetap pada tarikh hadapan ("reverse repo or stock borrowing"), perjanjian ini diambilkira sebagai pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan dan aset pendasar tidak diiktiraf dalam penyata kewangan Kumpulan dan Bank.

Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan pada awalnya diukur pada nilai saksama ditambah kos langsung transaksi dan seterusnya diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah/keuntungan efektif, kecuali Kumpulan dan Bank memilih untuk mengelaskan pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan pada nilai saksama melalui untung atau rugi seperti yang dijelaskan di Nota 2(i)(vi).

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

(n) Pelaburan sekuriti

Pelaburan sekuriti pada awalnya diukur pada nilai saksama, dalam keadaan di mana pelaburan sekuriti tidak pada nilai saksama melalui untung atau rugi, tambahan kos transaksi langsung dan seterusnya diakaunkan bergantung kepada klasifikasi sama ada dipegang hingga matang, nilai saksama melalui untung atau rugi atau tersedia untuk jualan.

Pelaburan sekuriti Kumpulan dan Bank diklasifikasikan menurut kategori berikut, bergantung kepada tujuan sekuriti tersebut diperoleh.

(i) Dipegang hingga matang

Pelaburan dipegang hingga matang ialah aset bukan derivatif dengan bayaran balik tetap dan boleh ditentukan serta mempunyai tarikh kematangan tetap di mana Kumpulan dan Bank mempunyai hasrat positif dan kemampuan untuk memegang sehingga matang dan tidak ditanda pada nilai saksama melalui untung atau rugi atau sebagai tersedia untuk jualan.

Sekuriti dipegang hingga matang dibawa pada kos terlunas dengan menggunakan kaedah kadar efektif. Jualan atau klasifikasi semula amaun yang signifikan bagi sekuriti dipegang hingga matang akan menyebabkan pengklasifikasian semula semua sekuriti dipegang hingga matang sebagai sekuriti tersedia untuk jualan. Ini juga akan menghalang Kumpulan dan Bank dari mengklasifikasikan sekuriti dipegang hingga matang untuk tahun semasa dan dua tahun kewangan berikutnya. Bagaimanapun, penjualan dan klasifikasi semula dalam sebarang keadaan berikut tidak akan mencetuskan kepada klasifikasi semula seperti berikut:

- Jualan atau klasifikasi semula yang menghampiri kematangan dan perubahan dalam kadar faedah pasaran tidak akan mempunyai kesan yang signifikan terhadap nilai saksama aset kewangan tersebut.
- Jualan atau klasifikasi semula selepas Kumpulan dan Bank membuat kutipan sebahagian besar prinsipal asal aset.
- Jualan atau pengklasifikasian semula yang berkaitan dengan peristiwa yang terpencil dan tidak berulang dan di luar kawalan Kumpulan dan Bank dan ianya tidak dapat dijangka secara munasabah.

Sekuriti dipegang hingga matang diukur pada kos ditambah/dilunaskan berasaskan kaedah kadar hasil efektif, ditolak penjejasan, sekiranya ada. Pelunasan premium, pertambahan diskaun dan penjejasan serta keuntungan atau kerugian yang timbul akibat penyahiktirafan sekuriti dipegang hingga matang, diiktiraf dalam untung atau rugi.

(ii) Nilai saksama melalui untung atau rugi

Kumpulan dan Bank menetapkan sebahagian pelaburan sekuriti pada nilai saksama, dengan perubahan nilai saksama diiktiraf serta merta dalam untung atau rugi seperti yang dinyatakan dalam dasar perakaunan.

Sekuriti diklasifikasikan sebagai dipegang untuk dagangan sekiranya aset kewangan ini diperoleh terutamanya untuk tujuan mendapat manfaat daripada pergerakan harga jangka pendek sebenar atau jangkaan atau untuk mengunci untung arbitraj. Sekuriti dipegang untuk dagangan dinyatakan pada nilai saksama dan sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul akibat perubahan dalam nilai saksamanya dan penyahiktirafan sekuriti dipegang untuk dagangan, diiktiraf dalam untung atau rugi. Nilai saksama sekuriti dipegang untuk dagangan yang disebutharga diperoleh daripada harga bida pasaran.

(iii) Pelaburan sekuriti tersedia untuk jualan

Sekuriti tersedia untuk jualan ialah pelaburan-pelaburan bukan derivatif yang mana telah ditetapkan sebagai tersedia untuk jualan atau tidak diklasifikasikan sebagai kategori aset kewangan yang lain-lain. Sekuriti ekuiti tidak disebutharga yang mana nilai saksamanya tidak dapat diukur secara munasabah dibawa pada kos. Semua sekuriti tersedia untuk jualan dibawa pada nilai saksama.

Pendapatan faedah diiktiraf dalam untung atau rugi dengan menggunakan kaedah faedah efektif. Pendapatan dividen diiktiraf dalam untung atau rugi apabila Kumpulan dan Bank mempunyai hak kepada dividen. Keuntungan atau kerugian bagi sekuriti hutang pelaburan tersedia untuk jualan diiktiraf dalam untung atau rugi.

Perubahan nilai saksama yang lain diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain sehingga sekuriti dijual atau terjejas, di mana keuntungan dan kerugian terkumpul yang diiktiraf sebelum ini dalam pendapatan komprehensif lain diklasifikasikan semula kepada untung atau rugi sebagai pelarasan pengklasifikasian semula.

Aset kewangan bukan derivatif mungkin akan diklasifikasikan semula daripada kategori aset tersedia untuk jualan kepada kategori pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan dan belum terima jika memenuhi definisi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan dan belum terima dan jika Kumpulan dan Bank mempunyai hasrat dan kemampuan untuk memegang aset kewangan untuk masa depan atau sehingga matang.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

(o) Peruntukan

Peruntukan diiktiraf jika keputusan peristiwa lepas Kumpulan dan Bank mempunyai obligasi perundangan atau konstruktif masa kini yang boleh dianggar dengan pasti dan berkemungkinan aliran keluar manfaat ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut.

Peruntukan ditentukan dengan mendiskaunkan aliran tunai masa depan pada kadar pra-cukai yang menggambarkan nilai pasaran semasa bagi nilai masa wang dan jika sesuai risiko dikhusus kepada liabiliti.

(i) Kontrak yang membebankan

Peruntukan untuk kontrak yang membebankan diiktiraf apabila manfaat yang akan diperolehi oleh Kumpulan dan Bank daripada kontrak adalah lebih rendah daripada kos yang tidak dapat dielakkan bagi memenuhi obligasi di bawah kontrak tersebut. Peruntukan diukur pada nilai kini anggaran kos penamatan kontrak dan kos jangkaan bersih meneruskan kontrak yang lebih rendah. Sebelum peruntukan disahkan, Kumpulan dan Bank mengiktiraf sebarang kerugian penjejasan ke atas aset yang berkaitan dengan kontrak tersebut.

(ii) Peruntukan fi wakalah

Peruntukan untuk fi wakalah dibuat bagi merekodkan jangkaan kerugian-kerugian tertentu masa depan kepada dana pemegang saham hasil daripada perkhidmatan bagi perjanjian polisi individu dengan peserta.

a. Produk caruman tunggal

Peruntukan dianggar berdasarkan nilai kini aktuari bagi perbelanjaan penyelenggaraan masa hadapan.

b. Produk-produk lain

Peruntukan dianggar berdasarkan aliran tunai bersih masa hadapan didiskaunkan kepada Pengendali Takaful menggunakan kaedah aktuari konsisten dengan yang telah digunakan untuk pembalikan bukan unit di dalam pemilik insurans nyawa konvensional yang dipanggil metodologi rizab 'sterling'.

Andaian yang digunakan konsisten dengan yang digunakan dalam penilaian dana Tabarru' dan andaian belanja Pengendali Takaful adalah berasaskan pada kajian Pengendali Takaful.

(iii) Rizab penyamaan keuntungan ("PER") untuk Skim Perbankan Islam ("SPI")

PER bagi bahagian pemegang pelaburan diklasifikasikan sebagai liabiliti dan diiktiraf pada kos dan agihan seterusnya diiktiraf dalam untung atau rugi.

PER bagi bahagian Kumpulan dan Bank diklasifikasikan sebagai rizab lain dalam ekuiti dan daripada pembahagian berikutnya dan diagihkan kepada keuntungan tertahan seterusnya diambil kira dalam pindahan antara rizab.

Penggunaan rizab tersebut tidak boleh dibentangkan sebagai peningkatan pendapatan dalam penyata kewangan tetapi sebagai aliran keluar dana dari penyelesaian obligasi kepada pemegang akaun pelaburan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

(p) Luar jangka

(i) Liabiliti luar jangka

Jika wujud kebarangkalian aliran keluar manfaat ekonomi yang tidak akan diperlukan atau amaunnya tidak dapat dianggar pasti, obligasi tersebut tidak diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan dan dinyatakan sebagai liabiliti luar jangka, melainkan kebarangkalian aliran keluar manfaat ekonomi adalah tipis. Kemungkinan wujudnya obligasi hanya dapat disahkan sekiranya berlaku atau tidak berlaku satu atau lebih peristiwa masa depan juga didedahkan sebagai liabiliti luar jangka melainkan kebarangkalian aliran keluar manfaat ekonomi adalah tipis.

Jika Kumpulan atau Bank mengikat kontrak jaminan kewangan untuk menjamin keberhutangan pihak lain, maka Kumpulan atau Bank menganggap ini sebagai aturan insurans dan ia diambil kira sebagai sedemikian. Sehubungan itu, Kumpulan atau Bank menganggap kontrak jaminan sebagai liabiliti luar jangka sehingga ke suatu masa Kumpulan atau Bank berkemungkinan perlu membuat pembayaran di bawah jaminan tersebut.

(ii) Aset luar jangka

Apabila wujud kebarangkalian aliran masuk manfaat ekonomi atau amaunnya tidak boleh dianggar pasti, aset tidak diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan dan didedahkan sebagai aset luar jangka, melainkan kebarangkalian aliran masuk manfaat ekonomi adalah tipis. Kemungkinan kelayakan kewujudannya hanya akan dapat disahkan sekiranya berlaku atau tidak berlaku satu atau lebih peristiwa masa depan, ianya juga didedahkan sebagai aset luar jangka melainkan kebarangkalian aliran masuk manfaat ekonomi adalah tipis.

(q) Aset lain belum terima

Aset-aset lain yang belum terima pada awalnya diiktiraf pada kos apabila hak berkontrak untuk menerima tunai atau aset kewangan lain daripada entiti lain telah disahkan.

Lanjutan kepada pengiktirafan awal, aset-aset lain yang belum terima dinyatakan pada kos tolak penjejasan.

Aset-aset yang belum diterima tidak dipegang untuk tujuan dagangan.

Hutang lapuk yang diketahui untuk perniagaan Takaful dihapuskan dan elaun-elaun khusus dibuat untuk sebarang premium belum jelas atau baki insurans semula yang masih belum berbayar lebih daripada 90 hari atau 3 bulan dari tarikh ianya menjadi belum terima dan untuk semua hutang yang dianggap terjejas.

(r) Hartanah, loji dan kelengkapan

(i) Pengiktirafan dan ukuran

Butiran hartanah, loji dan kelengkapan dinyatakan pada kos tolak susut nilai terkumpul dan kerugian penjejasan. Kos termasuk perbelanjaan yang dinisbahkan secara langsung kepada pemerolehan aset tersebut. Kos aset yang dibina sendiri adalah termasuk kos bahan dan pekerja langsung, sebarang kos lain yang secara langsung digunakan agar aset dapat berfungsi untuk tujuan penggunaannya, dan kos untuk membuka dan menanggalkan peralatan ini dan memulihkan tapak di mana hartanah, loji dan kelengkapan ditempatkan. Perisian yang dibeli yang merupakan sebahagian penting dalam memastikan aset berkaitan dapat berfungsi dipermodalkan sebagai sebahagian daripada kelengkapan tersebut.

Apabila bahagian penting sesuatu hartanah, loji dan kelengkapan mempunyai jangka hayat yang berbeza, ia diambil kira sebagai butiran berasingan (komponen utama) bagi hartanah, loji dan kelengkapan. Termasuk dalam hartanah, loji dan kelengkapan ialah pajakan kewangan yang diiktiraf sekiranya ada pada tarikh penyata kedudukan kewangan Kumpulan dan Bank.

(ii) Pengkelasan semula ke pelaburan hartanah

Apabila kegunaan sesuatu harta berubah daripada harta huni sendiri kepada pelaburan hartanah, harta tersebut diukur pada kos dan diklasifikasikan semula sebagai pelaburan hartanah.

(iii) Kos berikutan

Kos untuk menggantikan komponen sesuatu hartanah, loji dan kelengkapan diiktiraf dalam amaun dibawa bagi item tersebut jika ada kebarangkalian bahawa manfaat ekonomi masa depan yang terangkum dalam komponen tersebut akan mengalir ke Kumpulan dan Bank dan kosnya boleh diukur pasti. Kos penyelenggaraan harian hartanah, loji dan kelengkapan diiktiraf dalam untung atau rugi bila berlaku.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (samb.)

(r) Hartanah, loji dan kelengkapan (samb.)

(iv) Susut nilai

